

3 Beri gelaran buruk disukai syaitan

7 Jangan bangga nilai aset jika aliran tunai Felda bermasalah

BIL 48 | 23 - 29 APRIL 2017 | HARGA RM2.00 | SABAH/S'WAK RM2.50

PP18978/03/2016(034450)



Bila Pas PKR putus jadi perhatian menjelang muktamar

ms2

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

Sumber kami berbeza, cerita sama



ms2

Tangani isu syariah dengan sistematik, kata Pengarah Syariah



ms2

AMANAH Johor ada tawaran selesai isu rakyat



ms9

Lengkapkan kebangkitan Islam abad ke 15

TUMPU RASUAH, GOOD GOVERNANCE

PRESIDEN AMANAH, Mohamad Sabu mengajak umat Islam meningkatkan lagi perjuangan mereka dengan memberikan tumpuan kepada rasuah dan good governance pula.

Ini kerana, kata beliau, kebangkitan Islam di abad ke-15 hijrah hanya berlaku sebahagian sahaja iaitu dari sudut makanan dan pakaian.

"Namun belum berlaku dalam sudut keadilan sosial, hak asasi, good governance, melawan rasuah, salah guna kuasa dan penindasan," kata Mohamad dalam tulisannya di akhbar Amanah keluaran kali ini.



Setiasaha Agung AMANAH, Anuar Tahir bersama timbalannya, Abang Ahmad Kerdee bertemu dengan pendokong gandingan Anies Baswedan dan Sandiaga Uno (Anies-Sandi) semasa kempen pusingan kedua gabenor Jakarta baru-baru ini. Gandingan itu bertembung dengan pasangan Basuki Tjahaja Purnama atau Ahok dan Djarot Saiful Hidayat (Ahok-Djarot).

Tulisan penuh di muka 6 ➔

EZKEMBARA
NO. 107/LA : 6834

KINI SEMUA BOLEH MENGEMBARA
03 - 6184 1542/013 - 673 9000

Maldives DEC DARI RM 2899 DARI RM 2599	Ho Chi Minh, Vietnam NOV DARI RM 1299 DARI RM 1099 DEC DARI RM 1299 DARI RM 1099
Turki NOV DARI RM 4899 DARI RM 3899 DEC DARI RM 4899 DARI RM 3899	Padang/Medan NOV DARI RM 1399 DARI RM 1099 DEC DARI RM 1399 DARI RM 1099
Seoul, Korea NOV DARI RM 2999 DARI RM 2490	Bandung DEC DARI RM 1399 DARI RM 1199
Tokyo, Jepun AUG SEP OKT NOV DARI RM 2999 DARI RM 2590 BACKPACKERS	

SILA LAYARI WWW.EZKEMBARA.com

Sumber kami berbeza, cerita sama

DATUK Husam Musa mendakwa, sumber maklumat beliau bahawa Pas menerima wang melalui Affin Bank dengan dakwaan yang dibuat ahli parlimen Pandan Rafizi Ramli adalah berbeza walaupun ceritanya mungkin sama.

"Saya tak tahu Rafizi nak bangkitkan isu ini. Saya rasa apa yang saya ada adalah maklumat saya dan apa yang dia ada adalah maklumat dia.

"Itu sebab saya kata maklumat kami berbeza sedikit dan saya tak boleh menyatakan sumber maklumat saya.

"Itu akan menjejaskan pemberi maklumat tetapi saya kira maklumat kami sedikit berbeza. Sumber maklumat kami berbeza," katanya.

Rafizi mendakwa beliau mempunyai bukti bahawa bekas timbalan presiden Pas, Datuk Nasharuddin Mat Isa menerima dana 1MDB dari Datuk Seri Najib Razak yang diterimanya dari SRC International.

Bagaimanapun Nasharudin dan Pas menafikan dakwaan itu.

Husam pula mendakwa terdapat dana dimasukkan melalui akaun di Affin Bank daripada Umno kepada PAS, namun bekas naib presiden Pas itu tidak memberikan sebarang penjelasan lanjut namun bersedia disaman bekas partinya itu.

Kedua-dua dakwaan itu juga mirip dengan dakwaan laman pembocor maklumat Sarawak Report bahawa Pas menerima RM90 juta daripada pemimpin Umno.

Husam juga berkata, beliau akan bertemu dengan Rafizi untuk membandingkan nota maklumat kedua-duanya.

"Saya boleh jumpa Rafizi dan bandingkan nota kami," katanya.

Husam juga memberitahu, beliau belum menerima surut tuntutan atau saman daripada Pas berkaitan dakwaan itu walaupun Pas berkata parti itu akan mengambil tindakan undang-undang ke atas beliau.

"Saya tak terima apa-apa saman dari Pas," katanya.

Husam menganggap akuan bersumpah (SD) Rafizi berkaitan dana melibatkan 1MDB yang diterima Nasharudin melalui akaun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai perkembangan penting.

Beliau berkata, akuan bersumpah ini memerlukan Peguam Negara membuka semula siasatan ke atas anak syarikat 1MDB, SRC International Sdn Bhd.

"Rafizi telah membangkitkan info baru berkaitan SRC yang membolehkan peguam negara membuka semua fail SRC. Dan saya turut sama menuntun Tan Sri Apandi Ali menjelaskan yang pertama siapakah yang memberikan nasihat kepada beliau untuk tidak membuat kenyataan.

"Pada saya beliau kena berdiri secara bebas dan tidak boleh menerima nasihat dalam kes-kes yang akan menghalang proses keadilan. Yang kedua sama ada kes yang dibawa Rafizi memerlukan siasatan dibuka semula berkaitan SRC.

"Dan kerana itu Rafizi nak menunjukkan



Rafizi membuat laporan kepada SPRM dengan ditemani rakan-rakannya.

ketulenan dakwaan dengan membuat akuan bersumpah. Ini satu perkembangan penting yang memerlukan kes SRC dibuka semula dan Nasharuddin menafikan beliau menerima wang tersebut," katanya dalam sidang media di Wisma AMANAH Negara 17 Mac lalu.

AMANAH tangani isu syariah dengan sistematik

Oleh **ARIF ATAN**

MENGHAMPIRI musim Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), AMANAH akan mengenal pasti isu-isu syariah yang dijangka akan diperalat oleh Umno-BN.

Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin berkata, pencerahan berkenaan akan dilakukan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan suasana PRU14 supaya masyarakat tidak terjerumus dalam perangap sentimen sempit agama.

"Setakat ini, kita telah melakukan pencerahan berkaitan isu kontroversi seperti pelaksanaan hudud dan kedudukan bukan Muslim sebagai warganegara.

"Ini dilakukan melalui siri Risalah Nahdah yang diterbitkan dalam lima

siri oleh panel penyelidikan Nunji (Nadwah Ulamak Nahdah Jadidah) yang diketuai Dr Mujahid Yusoff Rawa.

"Pelbagai isu baru dan salah faham yang terus muncul khususnya berkaitan hubungan Muslim dan bukan Muslim akan dibuat pencerahan dari semasa ke semasa.

"Cuma dalam tempoh bahang PRU14, tentulah pencerahan kepada isu-isu syariah yang dijangka akan dieksploitasi Umno akan dikenal pasti dan diberi pencerahan sesuai dengan suasana pilihan raya," jelasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah, 18 April lalu.

AMANAH pada 9 April lalu mengumumkan Ustaz Zolkharnain yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Perlis sebagai Pengarah Syariah parti.

Bekas Ahli Dewan Undangan

Negeri (Adun) Santan selepas Pilihan Raya Umum 1999 itu juga merupakan mantan pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama di Perlis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penjelasan atau pencerahan terbabit merangkumi tiga kelompok utama iaitu jentera pilihan raya AMANAH, ahli biasa parti dan masyarakat umum.

"Untuk jentera pilihan raya AMANAH, misalnya jentera AWAN (Angkatan Wanita AMANAH) dan Pemuda yang terlibat secara langsung bertemu pengundi.

"Mereka perlu diberi bekalan maklumat yang mencukupi untuk menjawab tohmahan parti lawan dalam isu-isu berkaitan syariah.

"Bagi ahli biasa AMANAH, pencerahan boleh disampaikan melalui program

secara berkala. Sebelum ini, hal tersebut berlangsung melalui acara Nunji.

"Program tanweer (pencerahan) yang dianjurkan di peringkat negeri dan kawasan juga berperanan. Setakat ini, Risalah Nahdah patut menjadi sebahagian daripada silibus tanweer. Ahli wajar menghadamkan siri-siri risalah tersebut sebaik mungkin," tegasnya.

Tambahnya lagi, medium melalui ceramah, dialog dan media maya seperti Facebook, Twitter dan sebagainya dimanfaatkan bagi sasaran masyarakat umum.

"Secara umumnya, idea pendekatan politik AMANAH dalam kerangka Maqasid Syariah semakin mendapat tempat dalam masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Maklum balas kami terima mendapati mereka menerima-

ya dengan begitu positif," katanya.

Ditanya tentang penyelarasan aktiviti di peringkat negeri, Ustaz Zolkharnain berkata, hal berkenaan di bawah Jawatankuasa Syariah masing-masing.

"Mereka berhak untuk merancang dan melaksanakan aktiviti sesuai dengan masalah dan pencerahan kepada isu yang perlu dibuat di peringkat tempatan.

"Jawatankuasa Syariah Nasional bertanggungjawab menyediakan jawapan, bahan serta pencerahan terhadap isu yang berbangkit daripada sudut pandang syariah.

"Misalnya, isu seperti bolehkah bekerjasama dalam politik dengan non Muslim, memilih mereka dalam pilihan raya dan banyak lagi," ujar Ustaz Zolkharnain.

Bila Pas PKR putus jadi perhatian menjelang muktamar

Oleh **HAZAYANI ZAKARIA**

BILAKAH Pas akan memutuskan hubungannya dengan PKR kini menjadi persoalan yang mendapat perhatian menjelang muktamar Pas hujung bulan ini.

Ini kerana, usul untuk memutuskan hubungan antara Pas dengan PKR kini sudah pasti dibawa ke Mukatamar Pas di Alor Setar mulai 28 April ini, namun apakah ianya dibahaskan atau tidak belum pasti.

Persoalan juga timbul apakah jika dibahas dan diluluskan, bilakah ianya akan dilaksanakan, juga menjadi tumpuan.

Ini kerana ia boleh dilaksanakan segera dengan mengambil kira keputusan muktamar atau ditangguhkan pelaksanaannya hingga menjelang pilihan raya umum nanti bagi memastikan Pas terus kekal dalam kerajaan negeri Selangor hingga ke akhir sesi ini.

Ia boleh dilakukan dengan cara usul ini diserahkan kepada Majlis Syura Ulama untuk membuat kata putus terakhir.

Berpuluh-puluh mesyuarat agung

Pas kawasan dan Dewan Pemuda negeri-negeri telah meluluskan usul memutuskan tahaluf siasi antara parti itu dengan PKR.

Yang terbaru, Muktamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Kelantan ke-58 minggu lalu meluluskan usul memutuskan tahaluf siyasi (kerjasama politik) dengan PKR.

Usul itu dibawa oleh perwakilan Pemuda PAS kawasan Kota Bharu, Adnan Wazir.

Adnan berkata, PKR tidak mempunyai pendirian jelas dalam bertahaluf dengan Pas dan tindakan sesetengah pimpinan PKR masih menyerang pimpinan Pas termasuk ketika berkongsi pentas bersama Parti Amanah Negara (AMANAH) mendorong kepada keputusan mengakhiri tahaluf siyasi dibuat.

Ketua Pemuda Pas Kelantan Ahmad Fadhli berkata, usul yang dipersetujui itu akan dibawa ke Muktamar Pas Pusat hujung bulan ini.

Turut meluluskan usul ini adalah Muktamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Negeri Selangor Ke-51 yang berlangsung di Auditorium Dewan Sivik

MBPJ di Petaling Jaya minggu lalu.

Ketuanya, Syarhan Humaizi Abdul Halim menyifatkan keputusan tersebut merupakan suara akar umbi pemuda Pas di negeri itu yang merasakan tidak ada keperluan lagi untuk meneruskan hubungan dengan PKR.

Mesyuarat agung Pas kawasan Gombak juga membuat keputusan

yang sama, memutuskan hubungan dengan PKR.

Begitu juga PAS kawasan Marang, Terengganu, tempat tinggal presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada awal April lalu, Dewan Pemuda Pas Pusat mengumumkan mereka berkemungkinan akan membawa usul berkaitan kerjasama politik dengan

PKR yang dijadual berlangsung di Kedah, hujung bulan ini.

Ketua Pemudaanya, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz berkata, ia berikutan beberapa kawasan yang mengadakan mesyuarat agung di peringkat pemuda telah sebulat suara untuk membawa usul berkenaan ke dalam muktamar.

OH HHH MALAYSIAKU

Perdana Menteri UK umum pilihan raya mengejut yang akan diadakan pada 8 Jun depan...



Perdana Menteri Malaysia bila mahu umum pilihan raya?

Rakyat sudah tidak sabar mahu tukar kerajaan baru. He he hee.



Beri gelaran buruk disukai syaitan

KUALA LUMPUR: Tindakan memanggil pihak yang mengkritik Rang Undang-undang (RUU) bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, atau RUU 355 sebagai 'syaitan besar' dan 'syaitan kecil' jauh tersasar dengan cara Islam.

Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang berkata, RUU 355 harus dibawa sebagai salah satu kerja dakwah yang bergerak dalam konteks demokrasi melalui ruang perbahasan di parlimen.

"Memanggil mereka yang tidak bersetuju dengan RUU 355 sebagai syaitan kecil dan syaitan besar adalah jauh lebih tersasar dengan cara Islam. Islam mendidik agar kita sentiasa mengekalkan kedamaian.

"Seharusnya kita membawa isu RUU 355 sebagai salah satu kerja dakwah yang bergerak dalam konteks demokrasi. Gunakan ruang perbahasan di Parlimen untuk memberikan penerangan. Itulah jalan dakwah kita. Berdakwahlah dengan lebih berhikmah

agar masyarakat lebih mudah memahami," tulisnya di Facebook.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang baru-baru ini yang menganggap RUU 355 diganggu oleh 'syaitan besar' dan 'syaitan kecil'.

"Disebabkan setiap perjalanan menuju Islam itu pasti diganggu oleh syaitan yang sentiasa mengekori di sepanjang jalan dan masa, termasuk perkara paling asas dan mudah seperti mengambil wuduk dan sembahyang pun ada was-was syaitan.

"Maka, begitulah RUU 355 terus menghadapi gangguan syaitan besar dan kecil, sekurang-kurangnya mewas-waskan hati manusia. Apatah lagi perkara Mahkamah Syariah yang hendak dimuliakan itu bergelut dengan masyarakat umum yang masih dibejati karat semangat penjajah, menjadikan RUU 355 diganggu begitu rupa," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata memberi gelaran buruk kepada orang lain bukan jalan penyelesaian sebaliknya menyebabkan

permusuhan dalam masyarakat.

"Memberikan gelaran buruk bukan jalan penyelesaian. Malah inilah yang paling disukai oleh syaitan kerana masyarakat akan berpecah belah dan saling bermusuhan," jelas beliau.

Ustaz Ahmad turut memetik hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: "Tidak sepatutnya seseorang yang benar itu menjadi pelaknat".



USTAZ AHMAD AWANG

Apa maksud hanya pilih Pas atau Umno?

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa mempersoal dakwaan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kononnya orang Melayu hanya mempunyai pilihan sama ada Pas atau Umno pada pilihan raya umum akan datang.

"(Kata Abdul Hadi) Orang Melayu tidak ada pilihan kalau nak bernaung, sama ada undi Pas atau Umno. Jelas, serupalah saya ceramah malam ini.

"Kita dalam Pakatan Harapan hanya ada empat parti kita sokong. Inilah gabungan parti yang kita seru semua orang sokong.

"Begitulah, kita faham logik mantik ini kalau Presiden Pas kata Melayu hanya ada dua pilihan. Apa maknanya itu?" bidasnya dalam Cera-

mah Perdana: Selamatkan Kelantan, Selamatkan Malaysia di Machang malam 17 April lalu.

Beliau turut menjawab tuduhan bahawa tindakannya keluar dari Pas sebagai mengkhianati perjuangan Almarhum ayahnya, Yusof Rawa yang menjadi Mursyidul Am Pas pada 1987 hingga 1995.

"Saya tidak pernah mengkhianati perjuangan ayahanda saya yang berjuang menjatuhkan Umno-BN," tegas Pengerusi AMANAH Pulau Pinang itu.

Mengulas lanjut, Mujahid mengingatkan sebarang usaha atas nama Islam perlu adil dan mengikut tertib sewajarnya seperti terkandung dalam Surah An-Nahl, ayat 90 yang dibaca khatib pada akhir khutbah Jumaat.

"Kena ada tertibnya. Allah memer-

intahkan kita melakukan keadilan. Syariat itu tertegak atas keadilan dan mesti dilakukan dengan ehsan iaitu membuat sesuatu dengan betul, dan tertib dan prosesnya.

"Ini, asal nak buat Islam boleh belaka. Dari segi piawai syariat, itu tidak ikut perintah Allah. Apabila kita menyatakan pendirian, ini bukan bermakna kita menentang Islam," jelasnya merujuk kepada polemik Rang Undang-undang (RUU) 355.

Mengimbas kembali sidang Dewan Rakyat yang ditangguhkan pada 6 April lalu, beliau berkata, Ahli Parlimen Marang dilihat mendapat keistimewaan untuk membentangkan RUU bagi meningkatkan hukuman Mahkamah Syariah itu.

"Apa ihsannya ramai ditanam di jirat Cina dan dikatakan anti-Islam?"

Apakah Islam kita mahu bawa?

"(Tarikh) 5 haribulan kami habis (sidang) Parlimen 5 pagi. Mana ada Parlimen di dunia habis pukul 5 pagi. Esoknya hanya satu saja Rang Undang-undang (iaitu RUU 355).

"Hari akhir (sidang Dewan Rakyat) itu selepas pukul 12 tengah hari, hanya satu saja RUU 355 oleh Marang. Berjaga sampai 5 pagi untuk beri ruang kepada Marang untuk bentang.

"Kenapa Marang dapat istimewa ini? Kami pun mahu belajar bagaimana Marang boleh dapat bentang," sindir Ahli Parlimen Parit Buntar itu.

Sehubungan itu, Mujahid menyifatkan isu RUU 355 adalah umpan Pas menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 manakala sebagai ganjaran Pas tidak lagi menentang Umno.

"Pada 6 haribulan itu kali ketiga

(baca usul). Sebelum itu, dua kali sudah diberi peluang. Kali pertama bila Speaker tanya bila nak bentang, katanya tangguh sesi akan datang.

"Bila tiba sesi selanjutnya, mereka (Pas) seolah-olah beri ugutan kepada orang bukan Islam, jangan campur tangan urusan orang Islam. Kalau sudah duduk di Parlimen secara demokrasi semua boleh bercakap.

"Isu RUU 355 umpan Pas dan sebagai ganjaran, Pas jangan lagi lawan Umno. Rosak negara hanya kerana dua parti Melayu ini," tegasnya lagi.

Turut hadir dalam ceramah berkeanehan Setiausaha Agung Keadilan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Pengerusi PPBM Kelantan, Datuk Sazmi Miah dan Ketua Amanah Machang, Dr Abdullah Tahir Othman.

Duit judi: Husam beri Zaharin tempoh seminggu

KUALA LUMPUR: Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa menafikan dakwaan seorang penulis blog bahawa beliau menerima wang daripada syarikat perjudian untuk kegunaan Pas sewaktu masih berada dalam parti itu.

Dakwaan itu dibuat pemimpin Umno Bandar Tun Razak Zaharin Mohd Yasin di laman Facebook beliau, 10 April lalu.

Sehubungan itu Husam melalui peguamnya Faiz Fadzil menghantar notis menuntut Zaharin memohon maaf di laman Facebook yang sama dan menarik balik dakwaan itu.

"Saya bagi tempoh tujuh hari kepada Zaharin untuk tarik balik dan buat permohonan maaf. Tak perlu melalui media cukup di Facebooknya," katanya dalam sidang

media di Wisma Amanah Negara, 17 April lalu.

Adun Salor itu juga mengakui tidak pernah berjumpa wakil syarikat judi itu dan pemiliknya yang disebut Zaharin sebagai Tan Sri Lim Goh Tong.

Dakwaan itu asalnya dibuat penulis blog Raja Petra Kamaruddin (RPK) yang kini berada di luar negara kemudian ditulis oleh Zaharin dengan sedikit pengubahsuaian.

"Zaharin mengulangi tuduhan yang dikemukakan oleh RPK yang membangkitkan isu saya menerima wang daripada Genting kemudian Zaharin mengulangi dalam bentuk sedikit pengubahsuaian bahawa duit itu bukan duit haram.

"Kedua-dua tuduhan RPK dan Zaharin ini adalah tidak benar. Saya

tidak pernah jumpa Genting dan Tan Sri Goh sepanjang hayat beliau dan tidak pernah menerima satu sen duit daripada Genting sama ada untuk diri saya atau untuk Pas. Jadi tuduhan ini telah diviralkan facebookers Pas khususnya," jelasnya yang juga bekas naib presiden Pas.

Bagaimanapun beliau tidak membuat tuntutan yang sama ke atas RPK kerana penulis blog itu berada di luar negara dan berstatus bankrap.

"Saya akan buat demikian (tuntutan maaf) kepada RPK jika beliau balik ke Malaysia dan bebas daripada status bankrapsi. Kalau dia bankrap dan ada luar negara adalah sia-sia kita failkan saman. Fail saman ini ke atas Zaharin adalah bagi membuktikan tuduhan beliau adalah tidak benar," katanya.

HUBUNGAN SERUMPUN... Delegasi Parti Amanah Negara diketuai Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir mengunjungi Speaker Parlimen Indonesia Dr. Zulkifli Hasan ketika berkunjung ke negara itu minggu lalu. Turut serta Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus. Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat Republik Indonesia itu mahu AMANAH memainkan peranan menyatupadukan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Beliau juga berharap jalinan bangsa serumpun antara Malaysia dan Indonesia terus diperkukuh. LAPORAN LANJUT DI MUKA 30 & 31



Minda Pengarang

Rasuah musuh utama negara

RAKYAT prihatin tentunya sangat menyokong usaha mulia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertekad untuk menentang rasuah. Rakyat tentunya di belakang usaha pencegahan ini dan akan bekerjasama menjayakan usaha badan yang penting itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata baru-baru ini bahawa martabat negara boleh jatuh pada mata dunia jika setiap kejadian di negara ini berkaitan rapat dengan amalan rasuah serta salah guna kuasa. "Jadikan rasuah dan amalan salah guna kuasa sebagai musuh nombor satu negara," katanya.

Permintaan itu dibuat selepas pegawai tertinggi agensi antirasuah negara tersebut mengadakan perjumpaan dengan anggota Dewan Negara di parlimen baru-baru ini. Ia turut dihadiri Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Seri S A Vigneswaran.

Dzulkifli seterusnya berkata, bahawa agensinya berusaha sungguh-sungguh membasmi kegiatan ini. Merujuk kepada pelbagai isu seperti penyalahgunaan dadah, kebolosan warga asing, penyeludupan, ketirisan pendapatan serta hasil negara, masalah persempadanan, keganasan, perjudian dan pelacuran yang makin berleluasa, Dzulkifli berkata, ia wujud kerana adanya amalan rasuah serta salah guna kuasa.

Memang benar apa yang dikatakannya apabila beliau berkata bahawa salah satu sebab mengapa isu rasuah dan salah guna kuasa terus wujud adalah kerana sesetengah agensi-agensi penguatkuasaan gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Justeru, kita amat bersetuju bahawa kerajaan perlu mengisytiharkan rasuah dan salah guna kuasa sebagai musuh paling utama negara.

Tentunya kita amat bersetuju bahawa semua keberanian dan sokongan anggota Dewan Negara dan institusi kerajaan yang lain serta rakyat diperlukan untuk bersama-sama SPRM mencegah rasuah supaya matlamat itu tercapai. Ertinya, semua lapisan rakyat sudah tiba masanya berganding bahu bersama-sama menyatakan sokongan bahawa isu rasuah dan salah guna kuasa adalah isu nasional yang perlu ditangani bersama.

Memang benar bahawa isu rasuah akan melumpuhkan negara kerana ia akan memberi kesan kepada kedudukan ekonomi negara. Apabila ia menyebabkan bukan saja hartanah naik berganda, harga barangan naik berganda yang tidak mampu ditanggung oleh rakyat, bahkan akan menimbulkan kesan buruk pelbagai lagi.

Seperti kata Dzulkifli bahawa penyalahgunaan dadah, kebolosan warga asing, penyeludupan, ketirisan pendapatan serta hasil negara, masalah persempadanan, keganasan, perjudian dan pelacuran yang makin berleluasa, wujud kerana adanya amalan rasuah serta salah guna kuasa.

Dari sudut agama, Islam sangat menentang perlakuan rasuah. Bahkan agama lain juga menentang gejala buruk ini. Sebab itu, mereka yang melakukan rasuah perlulah mengingati akan dosa yang mereka tanggung kerana melakukan perlakuan keji ini, tidak kira apa kedudukan dan gelar serta dari golongan mana datangnya mereka. Justeru, mereka yang terlibat rasuah itu bermakna mereka memiliki kekayaan yang bukan hak sama sekali.

Kita menyokong sekali lagi usaha mulia SPRM ini.



“ Firman Allah dalam surah al-Muzammil, bermaksud: “Wahai orang yang berselimut! Bangunlah berjaga malam (bersolat) selain sedikit waktu saja, seperduanya atau kurangkan lagi daripada itu, dan bacalah Al-Quran dengan terang dan perlahan-lahan. Kami akan memberimu perkataan yang berat.”

Qiamullail penggerak kekuatan AMANAH

BENCANA yang menimpa umat Islam hari ini adalah disebabkan kekurangan individu penggiat agenda dakwah dan Islah yang mempunyai ciri-ciri dakwah dan akhlak yang sepatutnya, iaitu antaranya melalui qiamullail.

Qiamullail merupakan rangkuman dua ka-limah dari bahasa Arab iaitu ‘qiam’ dan ‘al-Lail’ yang membawa maksud bangun dan malam untuk tujuan beribadat iaitu bersolat, berzikir atau berdoa.

Amalan qiamullail adalah amalan para nabi, al-Rasul dan salaf al-Soleh. Ia adalah sangat-sangat dituntut dalam Islam berdasarkan sumber daripada al-Quran dan al-Hadis.

Sebagai contohnya, firman Allah dalam surah al-Muzammil, bermaksud: “Wahai orang yang berselimut! Bangunlah berjaga malam (bersolat) selain sedikit waktu saja, seperduanya atau kurangkan lagi daripada itu, dan bacalah Al-Quran dengan terang dan perlahan-lahan. Kami akan memberimu perkataan yang berat.”

Manakala di dalam hadis terdapat gesaan dari Rasulullah s.a.w. agar umat dituntut untuk berqiamullail, antaranya seperti yang diriwayatkan oleh Tirmizi dengan sanad yang sahih bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda, maksudnya: “Wahai umat Islam, tebarkanlah salam, dan berilah makan, dan jalinlah silaturrahim sesama kamu dan solatlah ketika orang lain tidur, nescaya kamu akan masuk syurga dengan salam (selamat).”

Hassan Basri r.a. juga pernah berpesan di dalam kitab Mukthosar Minhajil Qosidin, bermaksud: “Hassan Basri ditanya: mengapa orang-orang yang bangun bertahajjud (qiamullail) lebih baik wajahnya pada hari dibangkitkan di padang mahsyar dari orang lain? Beliau menjawab: kerana mereka sentiasa bertemu dengan Allah secara bersendirian menyebabkan Allah memakaikannya dengan nur-NYA.”

Kesusahan yang dihadapi dalam menjalankan kegiatan dakwah, amal Islami dan gerak kerja politik akan memberikan keringanan dengan Allah menerusi aktiviti qiamullail mesti menjadi rutin kehidupan.

Selain itu, solat malam tidak dapat ditandangi oleh sebarang ibadat. Ia membekalkan kita dengan potensi dan daya juang yang hebat seperti yang disebut oleh Allah s.w.t.,

“ Mereka yang ingin melihat perubahan daripada buruk kepada baik (Islah) haruslah tidak mengabaikan tanggungjawab berqiamullail. Jika seseorang itu tidak mampu mengamalkan perkara ini secara serius dan membudayakannya dalam kehidupan maka kegiatan dakwah dan Islah yang dilakukan pasti menjadi kurang berkesan.



bermaksud: “Sesungguhnya jiwa yang terbentuk di waktu malam itu lebih mantap (keperibadiannya) dan lebih jitu kata-katanya.”

Justeru, mereka yang ingin melihat perubahan daripada buruk kepada baik (Islah) haruslah tidak mengabaikan tanggungjawab berqiamullail. Jika seseorang itu tidak mampu mengamalkan perkara ini secara serius dan membudayakannya dalam kehidupan maka kegiatan dakwah dan Islah yang dilakukan pasti menjadi kurang berkesan.

Dalam sebuah hadis pernah dinyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: “Barangsiapa membaca sepuluh ayat pada satu malam ia tidak digolongkan sebagai orang-orang yang lalai. Orang yang membaca seratus ayat dituliskan baginya pahala seolah-olah ia berqunut sepanjang malam. Yang membaca dua ratus ayat maka ia digolongkan sebagai pejuang. Yang membaca empat ratus ayat ia dihimpunkan dalam golongan ‘Abid. Yang membaca lima ratus ayat dihimpunkan sebagai Hafiz. Yang membaca enam ratus ayat ia masuk dalam golongan Khasyi’in (orang yang khushyuk). Orang yang membaca lapan ratus ayat dimasukkan dalam golongan ‘Mukhbitin’. Yang membaca seribu ayat maka baginya pahala satu Qinthar. Satu Qinthar menyamai seribu dua ratus Auqiah. Tiap satu Auqiah itu lebih baik dari isi bumi dan langit. Malah barangsiapa membaca dua ribu ayat maka ia wajib masuk syurga.” (Riwaayat Thabrani)

Para penggerak AMANAHh di setiap peringkat haruslah mengingatkan diri bahawa tidak ada tempat lain bagi mereka memohon pertolongan melainkan hanya kepada Allah sebagai isotonik bagi mengekalkan stamina memperjuangkan agenda dakwah dan Islah dalam Parti Amanah Negara.

Ya Allah, bantulah hambaMu ini mengingati, mensyukuri nikmat-Mu dan beribadat dengan sempurna kepada-Mu.

Sanggah hujah, bukan tutup media

“**S**AYA tidak bersetuju dengan apa yang kamu katakan, tetapi saya sanggup mati mempertahankan hak kamu untuk mengatakannya.” Antara ayat yang paling kerap dipetik untuk menunjukkan tekad mendukung kebebasan bersuara.

Kebebasan bersuara adalah kubu terakhir untuk melawan penyalahgunaan kuasa. Kebebasan bersuara adalah obor untuk menyuluh ilmu baru. Kebebasan bersuara adalah cara paling aman untuk menyelesaikan perselisihan dan perbezaan, kerana pihak yang terlibat hanya bertikam lidah, atau pena, tetapi tidak sesekali menghunus keris.

Penguasa yang menyeleweng sudah tentu akan mencengkam kebebasan bersuara, agar pekung di dadanya tertutup. Apabila kebebasan bersuara disekat, maka pemikiran sesebuah masyarakat dibonsaikan secara kolektif. Maklumat tidak mengalir, ilmu tidak berkembang. Ia bertakung untuk membiakan nyamuk aedes. Persoalan di sini, manusia mati kerana denggi, atau kerana jahil?

Jelas, kebebasan bersuara tinggi nilainya, begitu juga dengan harganya. Jikalau kita mengimbas sejarah tamadun manusia di merata dunia, ramai tokoh yang berkorban demi memperjuangkan kebebasan bersuara. Ada yang berdemonstrasi, kemudian dibedil gas pemedih mata dan meriam air berkimia; ada yang ditangkap dan dipenjarakan.

Malah ada juga yang membakar dirinya sebagai lambang protes dalam perjuangan menuntut kebebasan bersuara. Di Malaysia, setiap inci kebebasan bersuara dituntut dengan pejuang kebebasan menggadaikan kebebasan dirinya. Ada yang di-ISA-kan. Ada

yang di-OSA-kan. Ada yang di-Akta Hasutan-kan. Ada yang di-Akta Mesin Cetak dan Penerbitan-kan.

Pengorbanan ini menuaikan hasilnya, yang dikongsi bersama. Kebebasan bersuara adalah hak asasi manusia, bukan hak keistimewaan sekerat manusia yang berkuasa. Maknanya semua manusia berhak menggunakannya secara sama rata. Hak ini sudah tentu tidak akan dikurniakan oleh sang penguasa sewenang-wenangnya. Sementara ada yang terkorban untuk memperjuangkan kata benar, ada pula segelintir manusia yang menggunakan hasil perjuangannya untuk menabur fitnah.

Apakah ia berbaloi? Ya dan tidak. Tetapi kita menerima hakikat bahawa fenomena ini sudah pasti akan berlaku. Apabila kita membuka tingkap untuk menikmati bayu kebebasan, kita terpaksa menahan gigitan nyamuk yang terbang masuk dari luar tingkap. Kita boleh memasang kelambu, atau membakar kemenyan untuk menghindarkan nyamuk, tetapi prinsipnya kita perlu memastikan tingkap dibuka agar kita tidak tersesak dalam bilik.

Namun, pengamatan saya mendapati kebebasan bersuara menjadi satu konsep yang sukar difahami ahli politik dan penyokongnya di Malaysia. Harus kita bezakan antara pandangan berbeza dengan hak untuk menyuarakan pandangan berbeza. Pertama, mempertahankan “hak menyuarakan pandangan berbeza” tidak semestinya bermaksud kita bersetuju dengan pandangan tersebut; kedua, “kebebasan bersuara” tidak bermaksud pandangan anda tidak boleh disanggah.

Justeru, secara dasarnya kita tidak

menafikan hak untuk berbeza pandangan. Untuk letakkan dalam konteks pertikaian kartun kera yang disiarkan Nanyang Siang Pau, kita tidak boleh menggesa agar kerajaan menutup akhbar tersebut dengan kuasanya, atau jentera negara. Tetapi mereka yang tidak bersetuju dengan kartun tersebut, mempunyai hak setara untuk menyuarakan ketidakpuasan atau kemarahan mereka.

Dengan kata mudah, mereka ada hak untuk memprotes di luar pejabat Nanyang, menyerah memorandum, membakar akhbar Nanyang (BUKAN bangunan Nanyang), malah memboikot (jikalau ada yang membeli sebelumnya) akhbar tersebut. Tetapi jangan sesekali menggesa agar kerajaan menutup sesebuah media, hanya kerana kita tidak bersetuju dengan tulisan atau kartunnya, atau kita tersinggung dan terguris lantaran karya yang disiarkan.

Ini kerana apabila kita mengundang kerajaan untuk menutup atau mengharamkan sesebuah institusi media, kita seolah-olah mengesahkan kuasa kerajaan untuk menyekat kebebasan bersuara. Dengan kuasa itu, kerajaan boleh menyekat mana-mana maklumat yang cuba disoroknya.

Jikalau sesebuah media boleh ditutup kerana menyiarkan kartun yang mengguris hati penyokong Pas, sudah tentu media itu juga boleh ditutup kerana menyiarkan tulisan yang menyinggung perasaan penyokong Umno. Persoalan berikutnya, apakah bahan

yang dianggap menyinggung perasaan penyokong Umno? Boleh jadi kebenaran di sebalik skandal 1MDB yang mengheret nama

Presiden Umno, boleh juga kiasan yang mengibaratkan Umno umpama biawak.

Bayangkan, apa akan terjadi seandainya penyokong DAP membuat laporan polis agar Tuan Guru Haji Hadi (TGHH) ditangkap lantaran mengibaratkan DAP sebagai butir tahi PAP, kerana ia menyinggung perasaan anggotanya DAP? Sudah tentu ia akan menyempitkan ruang

kebebasan bersuara.

Alangkah indahnya apabila ruang wacana politik tempatan sarat dengan kiasan anjing, serigala, babi dan sebagainya, kerana kesemua ini bahasa yang digunakan pemimpin ulamak dari Pas. Tanpa kebebasan bersuara, sudah pasti perwatakan sebenar pemimpin tertinggi itu gagal dicerminkan sebaik-baiknya.

Mungkin ada yang tertanya-tanya, di manakah batas kebebasan bersuara kalau bukan undang-undang? Jawapannya, batas kebebasan bersuara adalah tanggungjawab. Seandainya anda menuntut kebebasan yang lebih, maka anda juga perlu memastikan bahawa anda mampu memikul tanggungjawab yang menyusul dengan kebebasan tersebut.

Nanyang perlu berdepan dengan tekanan lantaran siaran kartun tersebut, dan TGHH juga terpaksa bertoleransi apabila dibalas dengan sindiran bahawa Pas itu butir tahi Umno. Andainya mana-mana pihak yang menganggap hanya dirinya memiliki hak keistimewaan untuk bebas bersuara, maka bahayalah kalau orang sedemikian diangkat menjadi kerajaan. ■



Siang-Malam
Lim Hong Siang

Air mata mengalir mengenang Ustaz Fadzil

HANYA sesekali dalam suatu zaman, seseorang tokoh lahir mewarnai masyarakatnya, berjuang menegakkan kemanusiaan, mendambakan diri untuk perjuangan keadilan dan menegakkan agamanya.

Pada mulanya memang ramai yang menyertai perjuangan ini, tetapi ramai yang tewas dalam perjuangan besar ini disebabkan oleh pelbagai tekanan, hambatan dan cabaran.

Dari jumlah yang kecil ini, semakin kecil lagi tokoh yang mampu meneruskan perjuangan ini. Tokoh seperti ini, antaranya, ialah Allahyarham Ustaz Fadzil Mohd Noor, bekas Presiden Pas.

Allahyaram adalah ulama yang menegakkan agama dengan siasah dan waqie yang ada. Ia menjadi sebuah legasi cemerlang, yang sedang kita peringati dan akan diperingati selamanya.

Kita memperingatinya bukan semata-mata kerana nama

besarnya, tetapi justru kerana usahanya menjadi besar.

Allahyarham menebarkarkan lebuhraya dakwahnya dengan keharuman dan kesegaran ideanya, dinamik, meluas, tidak terbatas di kalangan umat Islam saja, tetapi jauh menyeberang batas agama dan bangsa.

Dakwahnya mendukung konsep “Islam sebagai rahmat seluruh alam” yang kini dipegang kukuh oleh Parti Amanah Negara, sebuah parti yang bercita-cita meneruskan perjuangan Allahyarham.

Suatu ucapannya yang sangat mengharukn dan akan saya ingat selamanya, ialah ketika Allahyarham menyebut: “... kalau boleh saya tak nak berhenti bercakap sebab saya berucap dengan orang yang saya kasihi dan saya sayang!”

Diucap oleh Allahyarham Ustaz Fadzil ketika majlis penutupan Muktamar PAS ke-48, iaitu muktamar yang terakhir sebelum

beliau menghembuskan nafasnyanya terakhir.

Allahyarham berucap panjang pagi perasmian itu, suatu ucapan yang sangat mengharukan. Allahyarham seperti enggan menamatkan ucapannya kerana enggan berpisah dengan jamaah.

Lalu Allahyarham membuat analogi, bagaimana ketika Nabi Musa a.s. ditanya oleh Allah s.w.t., “Apa ada di tongkatmu, ya Musa.” Maka Nabi Musa a.s. menjawab dengan panjang lebar, mengatakan tongkatnya ini diberi oleh orang kampung dan digunakannya sebagai sahabat setia ke sana ke mari, sangat membantunya kerana memudahkannya berjalan. Pada hal Allah s.w.t. sudah tahu semuanya.

Nabi Musa enggan berhenti bercakap dengan Allah s.w.t. kerana begitu mengasihi Allah s.w.t. dan enggan berpisah dengan-Nya.

Begitulah analogi yang diketengahkan oleh Allahyarham Ustaz Fadzil, menyebabkan ramai yang menghadiri muktamar itu menitikkan air mata, kerana begitu sayangnya Allahyarham dengan para jamaah.

Suatu pesannya yang masih saya ingat supaya “kita jangan terlalu syadid (keras) kelak nanti orang akan lari dari jamaah. Allahyarham seperti besi waja yang boleh dilentur, tetapi anjal dan tidak boleh dipatahkan.

Inilah keistimewaan dan keunggulan Allahyarham Ustaz Fadzil yang akan kita kenang selamanya.

Allahyarham Ustaz Fadzil lahir pada 13 Mac 1937, meninggal pada 23 Jun 2002, bekas Presiden Pas dan menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen pada 1999 ekoran kekalahan Lim Kit Siang.

Pada 1998, beliau dilantik sebagai Pengerusi Gerak (Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia). Gerak ditubuhkan oleh Pas, DAP



dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan disertai oleh 15 pertubuhan bukan kerajaan dan individu untuk menegakkan keadilan selepas pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Masih saya ingat, setiap kali saya dan beberapa sahabat berkunjung ke rumahnya di Alor Setar, Allahyarham sendiri pergi ke pasar berdekatan, membeli sarapan untuk menghidangkan kepada kami dan isterinya Kah Jah (Datin Hajah Khadijah Ibrahim) menyediakan minuman.

Berada di sampingnya, kita amat terasa akan kesayangannya kepada jamaah dan sikapnya ini sangat terkesan harumnya hingga kini. Dengan itu, mudah saja air mata mengalir setiap kali mengenangnya. ■

Golongan Islam perlu jadi juara banteras rasuah

MINDA
PRESIDEN

MOHAMAD SABU

PADA masa dahulu, banyak pihak meramalkan kuasa baru Islam akan muncul kembali pada abad ke-15 Hijrah selepas begitu lama di bawah penjajah. Ia diharap akan membawa harapan baru kepada seluruh umat Islam bagi membina sebuah pemerintahan Islam sama ada di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Sejak jatuhnya kerajaan Andalusia pada tahun 1511 dan hilangnya khilafah yang berpusat di Istanbul Turki pada tahun 1924, Palestin jatuh ke tangan British dan akhirnya dikuasai Israel. Peristiwa itu menjadi suatu igauan ngeri kepada umat Islam. Oleh itu, kedatangan abad ke-15 menjadi suatu pengharapan lebar baru kepada kebangkitan umat Islam.

Abad ke-15 hijrah jatuh pada tahun 1979 Masihi dan saya secara peribadi pada tahun itu sudah berada dalam sebuah gerakan Islam. Kebetulan awal abad ke-15 itu dibuka dengan 'revolusi Islam Iran' diikuti dengan kemenangan mujahidin Islam di Afghanistan menewaskan tentera Soviet Union.

Sejarah Islam kemudian diikuti dengan kemenangan golongan Islam di Algeria walaupun akhirnya mereka dinafikan untuk mengambil alih kuasa pentadbiran. Beberapa parti politik Islam kemudiannya pula memenangi pilihan raya seperti parti yang di pimpin oleh Necmettin Erbakan di Turki, Milli Salamat dan parti Refah selepasnya. Kemudian muncul juga parti An-Nahdah untuk mengambil alih pentadbiran di Tunisia selepas berlaku Arab Spring.

Kemenangan Ikhwan Muslimin menguasai pentadbiran Mesir di peringkat Parlimen dan Presiden amat menakjubkan dan menggembarakan. Semua ini berlaku dalam abad ke-15 Hijrah daripada awal tahun 1979 hinggalah

sekarang ini.

Saya gembira melihat perkembangan ini yang telah membawa Islam ke satu tahap lebih tinggi lagi berbanding sebelumnya. Dalam soal berpakaian umat Islam khususnya wanita mula memilih pakaian jilbab dan menutup aurat. Permulaan ini berlaku di universiti serta kampus-kampus diikuti penjawat awam, pasukan beruniform termasuk polis, pembaca berita, jururawat dan orang awam. Mutakhir ini, penyanyi dan pelakon juga telah memilih pakaian yang menutup aurat. Perkara sama turut berlaku di negara lain seperti di Indonesia dan Timur Tengah.

Perkara kedua yang menggembirakan saya adalah kecenderungan umat Islam untuk memilih makanan yang halal dan suci - "halalalanny" (halal). Sehingga timbul satu usaha gigih yang dipelopori oleh pertubuhan Darul Arqam yang menyediakan makanan suci dan halal. Ia diikuti dengan badan-badan yang lain, dan akhirnya kerajaan mengambil inisiatif termasuklah kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan satu badan untuk mengawal produk-produk halal ini.

Jakim memainkan peranan utama dalam mengeluarkan sijil halal ini. Begitulah yang berlaku di Indonesia dan Thailand. Muncul badan-badan yang menjaga persoalan halal. Perniagaan yang bersangkutan dengan halal ini sudah menjangkau hampir RM2 trilion dan tahun depan di jangka RM3 trilion.

Kecenderungan umat Islam dan bukan Islam memilih makanan halal menjadi trend di seluruh dunia. Malah seminar mengenai produk halal ini diadakan di merata tempat di seluruh dunia seperti di Malaysia, Indonesia, Pakistan, Rusia dan Brazil.

Namun dalam kegembiraan itu masih ada satu aspek besar yang nampaknya masih sukar berlaku pada orang Islam. Sikap orang Islam sama ada parti Islam, NGO Islam masih ketinggalan dalam melaksanakan ajaran Islam yang paling besar iaitu memerangi rasuah dan mewujudkan 'good governance'. Usaha ini masih belum menampakkan hasil di negara umat Islam termasuk di Malaysia, Indonesia atau negara-negara Arab menyebabkan umat Islam ketinggalan dan menuju ke belakang.

Walaupun mereka agak baik dalam hal makanan dan cara berpakaian, memerangi rasuah dan 'good governance' masih di tahap lama bahkan ada tempat yang semakin buruk dengan mencari hujah-hujah agama untuk menjustifikasikan rasuah dan penyelewengan.

Oleh itu, saya sangat berharap generasi baru umat Islam dapat berganding bahu dengan bukan Islam untuk mengutarakan perjuangan menentang rasuah dan mewujudkan 'good governance'. Jika ini dapat dilaksanakan, barulah umat Islam akan kembali memimpin masyarakat dan memimpin dunia. Kita boleh berbangga dengan kekayaan negara orang Islam, kekayaan pemimpin-pemimpin Islam, kekayaan raja-raja di negara umat Islam, tetapi pada masa yang sama negara umat Islam berada di tahap paling rendah dalam rasuah dan 'good governance'.

Paling mengecewakan saya adalah peranan para ulama dan para cendekiawan Islam. Golongan yang dikatakan memimpin umat Islam di universiti-universiti dan di masjid-masjid, secara umumnya tidak menjadikan perjuangan melawan rasuah dan 'good governance' sebagai agenda utama.

Kalau kita lihat di negara orang Islam sendiri,

mereka yang bangun melawan rasuah dan penyelewengan, kebanyakannya dari kalangan yang disebut liberal atau aliran kiri yang tidak meletakkan dasar agama sebagai dasar mereka.

Umat Islam mesti berubah dalam hal ini supaya golongan yang meletakkan Islam sebagai dasar mereka mesti menjadi juara dalam perjuangan melawan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan 'good governance'. Termasuklah mereka yang bergelar mufti, tuan guru, syekh, alim ulama, dan sebagainya. Mereka mesti menjadi peneraju utama jika mahu umat Islam memimpin dunia sekarang.

Kebanyakan kemenangan mereka yang berjuang atas nama dan dasar Islam, pemerintahan mereka tidak lama. Ada yang disebabkan kesilapan yang mereka lakukan. Ada yang disebabkan kudeta tentera dan ada juga campur tangan asing.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan kebangkitan Islam di abad ke-15 Hijrah hanya berlaku sebahagian sahaja iaitu dari sudut makanan dan pakaian, namun belum berlaku dalam sudut keadilan sosial, hak asasi, 'good governance', melawan rasuah, salah guna kuasa dan penindasan.

Semoga kita di Malaysia ini, menjadi peneraju kepada perubahan yang kita impikan ini. Kita harus berganding bahu menolak kerajaan rasuah dan mengangkat sebuah pemerintahan yang mengamalkan 'good governance' dan menjaga kepentingan rakyat terbanyak.

■ Penulis ialah Presiden Parti Amanah Negara.

Gerak dermawan demi ubah negara

SALAH satu aspek terpenting mendorong masyarakat untuk menyatu dan mengatur diri dalam melakukan kebajikan bersama adalah 'kedermawanan' yang kini lebih popular dengan istilah filantropi.

Filantropi ditakrifkan oleh Kamus Dewan sebagai rasa kasih sayang terhadap manusia dan kedermawanan. Ia berkait rapat dengan pertumbuhan dan perkembangan 'civil society' atau masyarakat madani. Civil society di negara-negara majmuk yang demokratik melaksanakan peranan mereka kerana adanya dana yang besar disumbangkan oleh para dermawan.

Masyarakat madani secara mudah dapat ditakrifkan sebagai masyarakat yang berkelompok dalam satu perkumpulan di luar kewenangan negara atau pemerintah. Kehadiran masyarakat madani yang diwakili oleh berbagai organisasi, kelab, kesatuan, keserikatan, gabungan, 'guild' dan

lain-lain adalah kekuatan penyeimbang dan penengah (balancing and mediating force) dan kekuatan semak imbang (check and balance) di antara kekuatan negara-negara yang memiliki kecenderungan autoriter dan korup pada satu pihak dengan individu warganegara yang lemah di satu pihak yang lain.

Beberapa pengarang barat seperti Professor Emeritus di Universiti Harvard Samuel Huntington dan Antropologis Filasuf, Ernest Gellner senada mengatakan bahawa tidak ada masyarakat madani dalam masyarakat muslim (Prof Dr Azumardi, Jakarta).

Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh beberapa orang pengarang dan cendekiawan lain telah menolak pandangan yang berat sebelah ini. Antara mereka yang menolak pandangan tersebut termasuklah Robert Hafner, John Esposito, Mitsio Nakamura yang melihat masyarakat madani juga berkembang dalam masyarakat

muslim sama ada di Indonesia dan Asia Tenggara mahupun di Asia Barat.

Dalam masyarakat Islam, zakat, infak, sedekah dan wakaf merupakan praktis yang sangat diutamakan dan disanjung. Sejarah membuktikan betapa Universiti al-Azhar As-Syarif Kaherah tumbuh bangun dan berkembang dari dana filantropi iaitu zakat, infak dan wakaf. Bajet perbelanjaan universiti berikut lebih besar daripada anggaran belanjawan kerajaan Mesir. Al-Azhar menjadi satu kekuatan sivil yang sangat bebas dan sangat digeruni oleh pemerintah Mesir.

Menyedari keadaan ini pada tahun 1961, Presiden Republik Arab Mesir Gamal Abdel Nasser telah secara paksa memiliknegerakan institusi yang berusia 1,000 tahun itu. Sejak itu Al-Azhar tidak lagi independen. Kewewenangannya kini di bawah pemerintah. Syeikhul Azhar diberikan taraf menteri kabinet oleh kerajaan Mesir hingga

ke hari ini. Semua gerakan besar di dunia dan revolusi massa yang terjadi didanai oleh rakyat dan golongan yang bersimpati dengan perjuangan itu.

Oleh itu, peranan filantropi dan kedermawanan amat kritikal dalam mana-mana perjuangan di dunia. Rakyat negara ini yang ingin melihat perubahan agar reformasi dan transformasi boleh dilakukan secara aman menerusi jalur-jalur demokrasi juga akan banyak bergantung kepada filantropi dan kedermawanan.

Parti Amanah Negara (AMANAH) contohnya yang masih muda, sedang membina dan membangun infrastrukturnya, tidak akan dapat melaksanakan tanggung jawab yang berkesan tanpa dana yang mencukupi. Demikian juga dengan gerakan mega Pakatan Harapan memerlukan dana yang secukupnya untuk melakukan proses pencerahan dan pembedahan rakyat.

PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

Seunggul manapun para pemimpin Parti Amanah Negara atau Pakatan Rakyat, seideal manapun program penyedaran (conscientization) tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kekuatan dana.

AMANAH sebagai wadah rakyat, organisasi bukan keuntungan (non-profit organization) didirikan dengan sumbangan para pemimpin dan penyokong parti ini di peringkat awalnya.

Oleh itu dalam usaha mempergiatkan lagi gerakan mengangkat harkat umat, tidak akan boleh pergi jauh tanpa sumbangan individu-individu atau pertubuhan-pertubuhan lain. Berbagai usaha telah dan akan dibuat oleh AMANAH untuk mencari dana men-

LIHAT MUKA 7

Jika aliran tunai Felda bermasalah

Jangan bangga nilai aset FGV

KUALA LUMPUR: Gelagat Pengerusi Felda Tan Sri Shahril Samad yang hanya berbangga dengan nilai aset dan penyenaian Felda Global Venture (FGV) dalam Bursa Malaysia tanpa merujuk pada aliran tunai semasa Felda, hutang peneroka dan kekurangan bantuan perumahan, membuktikan pelantikan beliau ke jawatan itu hanya bertujuan meraih sokongan politik.

Malah kemunculan Shahril menggantikan Tan Sri Isa Samad hanya bertujuan mengaburi penyokong-penyokong Umno-BN yang tidak mengetahui situasi semasa Felda.

Dalam satu kenyataan bersama Pakatan Harapan yang diwakili Onn Abu Bakar (PKR), Datuk Ariff Sabri (DAP) dan Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus (AMANAH), sikap Shahril yang gigih mempertahankan imej Felda amat berlawanan dengan realiti yang menimpa institusi itu.

"Shahril masih berbangga dengan nilai aset Felda yang dikatakan sejumlah RM22 bilion dan mengatakan penyenaian syarikat Felda dalam Bursa Saham membuktikan bahawa Felda tidak tenat.

"Shahril sebagai pengerusi yang terpaksa memikul Felda selepas beberapa kegagalan yang dilakukan oleh pengerusi

sebelumnya, beliau terpaksa menyembunyikan hakikat bahawa Umno BN dalam dekad ini gagal mempertahankan hak peneroka Felda," tegas kenyataan tersebut.

Pakatan Harapan berpendapat, kekurangan program Perumahan Generasi Kedua Felda, bantuan pendidikan tinggi kepada warga Felda serta peruntukan elaun sara hidup yang sedikit membuktikan bahawa kerajaan Umno-BN di bawah era Najib Razak meminggirkan warga Felda.

Shahril juga dianggap turut menyembunyikan situasi semasa bahawa aliran tunai Felda dalam keadaan yang negatif tatkala penjualan semula saham FGV oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) jelas membuktikan bahawa nilai saham syarikat Felda semakin terjejas.

Ini mengakibatkan KWSP mencatatkan kerugian sebanyak RM203.18 juta setelah menjual saham-saham miliknya dalam FGV pada bulan Ogos lalu.

"Sekiranya Shahril mahu menjual aset-aset mewah di UK, ianya satu langkah yang baik. Tetapi apakah ada jaminan bahawa wang yang diperoleh hasil penjualan akan diberikan semula kepada peneroka Felda yang menanggung hutang kira-kira RM8 bilion pada tahun 2014?"

"Adakah Shahril sanggup membuat



Aliran tunai Felda yang bermasalah dikhuatiri menjejaskan kehidupan peneroka.

siasatan dalaman berhubung pembelian aset-aset mewah ini, sedangkan pada masa yang sama bekas pengerusi yang terlibat dalam kes ini juga merupakan rakan se-Umno?" kenyataan media itu dipetik.

Pakatan Harapan turut mengingatkan Shahril tentang skandal hartanah MARA di Melbourne yang dibeli dengan harga lebih tinggi berbanding harga pasaran.

MARA akhirnya memaklumkan akan menjual semula aset-aset itu untuk menda-

patkan wang namun adakah dengan cara ini kes penyelewengan akan ditutup dengan mudah.

"Ke manakah perginya hasil siasatan pembelian aset?" ujar mereka.

Pakatan Harapan berpendapat, nilai aset yang terlalu banyak tetapi mempunyai aliran tunai yang bermasalah menunjukkan Felda berada dalam keadaan buruk, apatah lagi melibatkan peneroka-peneroka Felda yang berpendapatan kecil dan sederhana.

Sistem pendidikan gagal terap celik budaya PPBM tidak terima dana kerana dihalang

KUALA LUMPUR: Sistem pendidikan negara gagal menerapkan tahap celik budaya di kalangan generasi muda sehingga berlaku jurang perpaduan nasional, kata presiden Majlis Perunding Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) Mohd Azmi Abdul Hamid.

Beliau berkata, polarisasi antara kaum bermula dari bangku sekolah dan natijahnya adalah semangat kekitaan dan perpaduan semakin lusuh.

Tahap literasi Malaysia mencapai 92 peratus iaitu setaraf dengan Turki dan Rusia.

"Akan tetapi sistem pendidikan Malaysia masih tertinggal dari segi celik budaya. Ini dapat dilihat betapa berbudaya hanya dilihat secara kosmetik dalam acara pementasan untuk diperagakan sebagai produk pelancongan. Bukan sebagai suatu gaya hidup yang berfungsi dalam kehidupan seharian.

"Natijahnya, budaya luar yang asing dan bertentangan dengan budaya tempatan menguasai

generasi muda," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Azmi, budaya Malaysia yang berlatar belakang pelbagai kaum dan agama adalah cabaran paling berat dalam sistem pendidikan negara.

"Wujudnya kebangkitan semula sentimen perkauman akibat persainan politik telah mengetepikan apa yang cuba dibina di dalam sistem pendidikan negara.

"Sekolah pelbagai aliran tidak dilihat sebagai pelengkap dan pengkayaan dalam sistem pendidikan tetapi dilihat sebagai pesaing untuk meraih undi dan menuntut hak kaum atas nama demokrasi.

"Mangsanya ialah perpaduan antara kaum dan keharmonian antara agama," tegasnya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini menyentuh keperluan meneliti sistem pendidikan diamalkan sekarang sama ada berjaya melahirkan perpaduan nasional atau sebaliknya.

SEGAMAT: Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa Datuk Seri Najib Razak menggunakan agensi kerajaan untuk menghalang orang ramai menderma kepada parti itu.

Beliau yang dipetik Sin Chew Daily berkata, PPBM gagal mendapat sebarang sumbangan kerana penderma bimbang akan disiasat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Masalah yang kami hadapi ialah Najib mahu mencapai kemenangan, jadi untuk mengalahkan pembangkang khususnya PPBM, kami tak terima

sebarang sumbangan.

"Sesiapa pun yang hendak menderma kepada Bersatu (PPBM) akan disiasat LHDN. Walaupun sudah bayar balik, mereka akan disiasat juga," katanya ketika menghadiri Jelajah Semarak Kasih Felda Bersama Tun Dr Mahathir di Parlimen Sekijang, dekat sini, 15 April lalu.

Turut hadir Pengerusi AMANAH Johor merangkap Adun Parit Yaani, Aminolhuda Hassan, Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (Dun) Melaka yang juga Adun Ayer Keroh, Khoo Poay Tiong dan Pengerusi Anak Mazlan Aliman.

Pelantikan Hishammuddin tanda PRU hampir

PASIR MAS: Pelantikan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Tugas Khas menandakan pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat.

"Silap-silap parlimen akan dibubar sebelum sidang Julai depan," kata Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad di ceramah perdana Pakatan Harapan (PH) di Slow Machang, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau menjangka pelbagai kemungkinan boleh berlaku melalui tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak melantik sepupunya ke portfolio itu.

"Salah satunya adalah kemungkinan Datuk Seri Najib Razak melepaskan jawatan perdana menteri sebelum berlaku pilihan raya.

"Ini tidak mustahil kerana terdapat kajian yang menunjukkan populariti Najib sekarang turun serendah 38 peratus, dalam erti kata setiap seratus pengundi hanya 38 orang yang masih mahu beliau kekal sebagai PM," katanya.

Perkara ini tidak mustahil katanya kerana pernah berlaku sebelum pilihan raya ke-11 pada 2004.

"Ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mendapati imejnya amat tidak popular melepaskan jawatan dan menyerahkan kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dilonjakkan sebagai 'Mr. Clean'.

"Pemimpin baru selalunya akan memberi kredit kepada pihak kerajaan dan BN menang besar dalam pilihan raya itu," katanya.

Mengulas pembentangan usul pindaan Akta 355 (RUU 355) di

Bekas perdana menteri itu berkata, jika Pakatan Harapan dipilih sebagai kerajaan persekutuan, negara termasuk ekonomi akan dipulihkan secepat mungkin, termasuk menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) secara beransur-ansur.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menyeru ahli Umno keluar parti kerana ia bukan lagi parti diasaskan Tunku Abdul Rahman sebaliknya adalah parti Najib.

"Saya berada dalam Umno lebih lama daripada anda, saya sudah keluar parti, kamu semua pun keluarlah," pinta beliau.

parlimen baru-baru ini, ahli parlimen Shah Alam itu menganggap ia satu permainan semata-mata.

"Tujuannya jelas bagi menyelamatkan Umno dan memberi peluang kepada Pas mendapat isu untuk berpecah dengan semua orang.

"Pas dibenarkan bentang supaya dapat dijadikan modal pilihan raya.

"Ini jelas kerana apabila usul ini tidak dibenarkan bahas, ia tidak akan diluluskan dan mungkin akan melalui beberapa sidang lagi kerana setiap sidang banyak agenda kerajaan yang tidak dapat diselesaikan," katanya.

Umno pula katanya, terselamat apabila tiada perbahasan kerana dianggap sebagai tidak menentang sedangkan pada hakikatnya BN telah umumkan tidak akan membawa cadangan pindaan Akta 355.

DARI MUKA 6

ganjurkan kutipan-kutipan, makan malam, kempen-kempen memohon sumbangan secara besar-besaran sedang dilancarkan oleh parti ini.

Menyumbang RM1 atau RM1,000 atau sebesar-besarnya sedang ditunggu oleh parti yang didokong oleh pemimpin-pemimpin dan aktivis-aktivis perubahan. Tunggalah berbagai bentuk peluang untuk menyumbang kepada gerakan mega rakyat menerusi AMANAH melalui 'crowdfunding' (pendanaan khalayak).

Sumbangan RM10 atau lebih akan membantu pergerakan ini menggerak arus gelombang perubahan. Jadikan umat dan rakyat Malaysia sebagai umat yang bercirikan filantropi-kedermawanan.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

“Kalau komunis dia tetap komunis”

Oleh DALIA ISMAIL

Foto: WAN ZAHARI WAN SALLEH & IHSAN MOHD ARSHAD RAJI

DUA peristiwa Darurat yang berlaku di negara ini sekitar tahun 1948-1960 dan pada 1969-1989 banyak memberi kesan kepada veteran tentera Brigadier Jeneral (B) Datuk Mohd Arshad Raji.

Mohd Arshad satu-satunya veteran tentera yang banyak menyuarakan pandangannya mengenai peri pentingnya kedaulatan tanah air dipertahankan setelah Malaysia merdeka hampir 60 tahun kini.

Sebagai pesara tentera sejak 18 tahun lalu, Mohd Arshad begitu vokal memberi pandangan mengenai kedaulatan tanahair kerana tidak menyenangkan dasar-dasar ekonomi, pendidikan dan ketenteraan Malaysia, dakwanya kini Malaysia lebih berkiblatkan ke negara Republik Rakyat China (PRC) yang masih diperintah oleh Parti Komunis China (PKC).

“Kalau komunis, dia tetap komunis - ideologi mereka tidak berubah walaupun zaman berubah.

“Saya bersuara kerana sayangkan diri saya, generasi akan datang dan negara ini. Saya tidak mahu lagi, negara kita menempuh era sama.

“Jika kita tidak berhati-hati menjalinkan perdagangan dengan cara yang betul dengan negara PRC tidak mustahil akan berlaku penjajahan semula komunis di negara ini,” ujarnya walaupun tidak menafikan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China sudah terjalin sekian lama ketika zaman pemerintahan perdana menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak.

Mohd Arshad dilahirkan di Hulu Langat, Selangor pada 1943, iaitu di penghujung zaman pendudukan Jepun dan di besarkan di Kuala Lumpur.

Darurat pertama pada 1948 bertujuan untuk menyekat kegiatan politik haluan kiri terutamanya Parti Komunis Malaya (PKM) selepas Jepun menyerah kalah.

Beliau dalam usia kanak-kanaknya menjadi saksi bagaimana tentera British kerap kali keluar masuk kampungnya dalam operasi menjejaki saki baki tali barut dan senjata yang ditinggalkan komunis selepas British mengambilalih Malaya ketika pengunduran tentera Jepun pada 1945.

Katanya, daerah Hulu Langat ketika itu adalah salah sebuah daerah di Selangor yang menjadi tumpuan komunis ketika zaman darurat yang berlanjutan selama 12 tahun itu.

Komunis menjadikan estet-estet di Hulu Langat sebagai tempat gerakan serangan mereka terhadap kerajaan British.

“Saya dilahirkan di Hulu Langat dan sungguh pun saya di besarkan di Kuala Lumpur, ketika cuti sekolah saya akan balik ke kampung dan selalu nampak tentera British keluar masuk kampung menjejaki komunis.

“Melihat situasi itulah yang telah mendorong saya untuk menjadi seorang askar,” ujar anak ketiga daripada lima beradik ini yang dibesarkan oleh bapanya Allahyarham Mohd Raji Jali dan ibunya Allahyarhamah Aminah Abdul Samad.

Setelah menamatkan persekolahan di peringkat Senior Cambridge, beliau menyer-

tai tentera sebagai pegawai kadet pada 1965 dan ditauliahkan ke dalam Batalion 6 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di Kluang, Johor (1966) dan kemudiannya ke Sungai Petani, Kedah (1969-1971).

Ketika menyertai 15 RAMD (1971-1976) dan 18 RAMD hingga akhir 1977 beliau bertugas sebagai Ketua Kompeni dan terlibat dalam beberapa operasi menentang komunis yang telah memulakan gerakan mereka menentang kerajaan pada tahun 1969.

Beliau pernah melakukan operasi di negeri Perak, Kelantan dan Pahang.

“Pengalaman masuk keluar hutan sangat teruk. Ramai generasi muda hari ini tidak tahu pengorbanan anggota tentera ketika itu.

“Pada tahun 1971 saya sudah berkahwin dan ada anak-anak tetapi terpaksa dijaga oleh bapa saya kerana saya tidak dapat memberikan tumpuan kepada mereka dari segi keselamatannya apabila saya pergi operasi dan ketika berlakunya darurat kali kedua pada 1969-1989,” ujarnya yang mengahwini Datin Fatimah Mansor dikurniakan tiga cahaya mata dan kini mempunyai lima orang cucu.

Mohd Arshad, 72, mengakui beliau secara peribadi berasa tidak selesa dengan tindakan kerajaan hari ini dakwanya mudah menjual aset kepentingan negara kepada negara China.

“Saya tidak menyoal perdagangan dua hala yang sudah lama berlaku di antara negara kita dengan PRC yang banyak memberikan faedah kepada kedua dua negara, tetapi penjualan aset kepentingan negara itu satu hal yang luar biasa berlaku.

“Dalam keadaan sekarang kita berkemungkinan akan kehilangan segala-galanya bila hak milik aset kepentingan negara bukan lagi hak kita.



Mohd Arshad menerima serahan tugas sebelum menjalan tugas mewakili ke PBB di Kamboja.

“Hari ini saya khawatir cara mereka berniaga kerana mereka dibenarkan membeli aset terutamanya pembelian tanah dan membina pelabuhan,” ujarnya yang menyentuh mengenai Pelabuhan Melaka (Melaka Gateway) dan Pelabuhan Kuantan (Landasan Keretapi Pantai Timur-ECRL), Forest City di Johor dan projek Tun Razak Exchange.

Mohd Arshad berkata, walaupun PKM

tidak wujud lagi tetapi kemungkinan jalinan perdagangan yang memihak kepada China mendedahkan negara ini kepada ketidakseimbangan kaum dan penyerapan ideologi komunis di negara ini secara tidak langsung.

“Mentaliti dan ideologi rakyat PRC dari dulu hingga kini, mereka amat bijak menggunakan cara halus, ia juga boleh berlaku melalui jalinan perdagangan pada masa ini.

“Kita jangan terlupa pada 1989 pemimpin PKM tidak pernah mengatakan mereka ‘surrender’ (menyerah kalah), jadi hari ini generasi muda mereka telah lama dididik dengan ideologi komunis di negara mereka.

“Mereka diajar sejak kecil lagi ideologi komunis dalam sistem pendidikan mereka, walaupun hari ini mereka seorang profesional dalam bidang tertentu.

“Saya bukan anti China tetapi saya menjaga hak dan kepentingan kita bersama agar kedaulatan negara ini dapat kita kekalkan,” ujarnya.

Beliau mengakui sikap terbukanya mentor kepimpinan negara mengenai hubungan dua hala antara China dan Malaysia yang berlaku hari ini ramai yang kurang menyenangkannya.

“Teguran saya ini bukan menunjukkan bahawa saya rasis terhadap bangsa Cina di negara ini. Saya katakan bahawa orang Cina di negara ini sangat berbeza dari orang Cina PRC.

“Rakan-rakan Cina saya dalam pekhidmatan tentera telah membuktikan kesetiaan mereka kepada negara dan ada juga terkorban semasa menentang komunis. Ini satu kenyataan yang tidak boleh kita sangkal,”



Brigadier Jeneral (B) Datuk Mohd Arshad Raji.

asimilasi ini, tiada timbul isu perkauman antara kami.

“Tetapi di luar dunia ketenteraan kita masih gagal mewujudkan sebuah bangsa Malaysia.

“Jika kita dapat menyatukan semua kaum dalam pelbagai bidang kita akan jadi lebih maju,” ujarnya.

Mohd Arshad pernah berkhidmat di bawah dua bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Razak (1990-1995) dan Tan Sri Syed Hamid Albar (1995-1998) pernah dihantar menyertai Pasukan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Kemboja pada 1992 ketika beliau berpangkat Kolonel.

Daripada pengalaman mengetuai pasukan pengaman itu beliau telah menulis dan menerbitkan sebuah buku berjudul “United Nation Peacekeeping Operation - The Malaysian Experience in Cambodia.”

Beliau juga menyentuh mengenai kelemahan Malaysia dari segi mengukuhkan industri pertahanan negara walaupun negara sudah lama mencapai kemerdekaan ujarnya, masih lagi tidak setanding dengan negara jiran seperti Singapura.

“Lihat apa yang berlaku pada jiran kita yang terdekat iaitu Singapura dalam industri pertahanan? Tidakkah kita nampak kemajuan mereka dalam membangunkan industri pertahanan berbanding dengan kita?

“Bayangkan kita sendiri tidak berupaya nak menghasilkan sepucuk pistol pun... kita tidak mantap dari segi R&D (pembangunan dan penyelidikan) persenjataan negara.

“Sedangkan kita boleh melakukannya, sebaliknya kita import teknologi persenjataan dari luar negara,” ujarnya.

Beliau turut menyebut beberapa negara Islam lain seperti Pakistan, Iran dan Turki adalah negara yang berhadapan dengan pergolakan politik tetapi masih mampu menyediakan R&D untuk pembangunan penyelidikan persenjataan rekaan mereka.

“Bagaimana jika kita nak bandingkan aset ketenteraan kita dengan negara PRC? Masih terlalu jauh.

“Ada bahayanya kerana dulu dasar kita memandang ke barat sekarang beralih ke negara PRC. Sudah pasti negara-negara serantau kurang senang dengan tindakan kita ini.

“Jadi kita perlu berhati-hati sewajarnya membuat dasar yang lebih neutral dan tidak terlalu memihak kepada mana mana Negara - kuasa besar atau kecil,” ujarnya.

Setelah hampir dua tahun dalam pasukan

AMANAHAH Johor ada tawaran selesai isu rakyat

Oleh ARIF ATAN

BERTANDANG di selatan tanah air baru-baru ini, dapat dilihat situasi AMANAHAH negeri Johor yang tenang tetapi berstrategi meneruskan pelbagai program menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang semakin hampir.

Sesuai dengan budaya politik setempat yang tidak garang atau secara terbuka berkonfrontasi dengan parti lawan, begitu jugalah AMANAHAH Johor memposisikan diri sebagai parti Islam generasi kedua yang progresif dan peduli rakyat.

Hadir di majlis makan malam amal anjuran Pemuda AMANAHAH Johor dan Solidariti Mazlan Aliman di Yong Peng pada 14 April lalu dapat disaksikan sokongan pimpinan tetinggi parti komponen dalam Pakatan Harapan apabila semua meja habis dijual.

Aksi spontan beberapa pemimpin muda dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dari Ayer Hitam yang ingin bergambar dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang pada malam tersebut juga mesej positif bagaimana parti yang majoritinya disertai bekas penyokong Umno itu tidak lagi fobia dengan 'Cina DAP'.

Tengah hari esoknya, saya bersama kolumnis akhbar mingguan Amanah, Ahmad Lutfi Othman berpeluang mendengar perkembangan terbaharu AMANAHAH Johor daripada Timbalan Pengerusinya, Dzulkefly Ahmad.

Bekas pensyarah Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang meletakkan jawatan pada 1998 itu memberitahu pendekatan AMANAHAH pada PRU14 nanti yang akan banyak belajar daripada pengalaman lalu.

AMANAHAH Johor, ujar bekas ahli Pas selama 32 tahun sejak 1983 ini, berpegang pada strategi biar kurang bertanding tetapi banyak meraih kemenangan jauh berbeza dengan apa yang diamalkan dalam parti lama dahulu.

Perbincangan mengenai penyelarasan agihan kerusi bertanding bagi 26 kerusi Parlimen dan 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) sedang berjalan. Namun, tentunya memerlukan proses timbang tara yang adil antara keempat-empat parti yang serius menentang rejim Umno-BN.

Pada masa ini, di peringkat Parlimen, BN menguasai 20 kerusi, Pakatan Harapan (5) manakala satu lagi kerusi dimiliki PPBM. Bagi peringkat Dun pula, BN menang di 37 kerusi manakala 19 Dun dimiliki pembangkang iaitu DAP (13), Pas (3) dan masing-masing satu kerusi bagi AMANAHAH, PKR dan PPBM.

"Setakat ini Alhamdulillah. AMANAHAH Johor terkehadapan dan peranan parti kita menyerlah dalam Majlis Pengerusi Pakatan Harapan. Suatu yang tiada ketika di Pakatan Rakyat.

"Agihan kerusi ikut kemampuan dan potensi kepada kita. AMANAHAH akan meletakkan calon di kerusi yang munasabah berdasarkan realiti kekuatan sedia ada," kata ayah kepada tujuh anak itu.

Klim PRU-14 juga pastinya berbeza dengan kemunculan Pas sebagai parti yang enggan bersepat dengan Pakatan Harapan sekaligus menyaksikan cabaran kepada AMANAHAH tentunya dalam kebarangkalian tinggi untuk berlakunya pertandingan tiga penjur.

Satu perkara menarik pada AMANAHAH Johor apabila Pemudanya gigih memanfaatkan media baharu termasuklah melakukan rakaman video dalam program yang diadakan.

Sembang santai kami di restoran itu yang dihadiri sama Timbalan Presiden AMANAHAH, Salahuddin Ayub tidak terkecuali.

"Penting untuk rekod masa depan," kata Naib Ketua Pemuda AMANAHAH Johor, Mohd Azam Mektar kepada Ahmad Lutfi ketika menyiapkan peralatan medianya sebelum bermulanya slot tersebut.

Azam diakui banyak membantu kelancaran pertemuan akhbar mingguan Amanah bersama pimpinan AMANAHAH Johor. Beliau pernah terlibat secara langsung dengan Ahmad Lutfi pada 16 tahun lalu membuat aduan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) ketika itu.

Barangkali hubungan peribadi yang terjalin ekoran kes penyalahgunaan kuasa oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo pada masa itu menjadikan Azam tidak pernah jemu memberi layanan yang terbaik.

Kembali kepada perkara penting disentuh Dzulkefly, nampaknya isu pembangunan hartanah dan perumahan bagi rakyat di Johor menjadi topik utama sementara selepas terbongkarnya skandal rasuah hartanah bernilai lebih RM15 juta.

Tangkapan terh-



Ahmad Lutfi bersama Salahuddin Ayub yang kini sebahagian besar masanya berada di Johor bagi memimpin cabaran AMANAHAH di negeri itu.

adap enam individu termasuk anak kepada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dari Umno pada Februari lalu menyaksikan kes membabitkan penukaran status rumah Bumiputera kepada bukan Bumiputera di Johor sudah sampai tahap kritikal.

Pada masa sama, keadaan diburukkan lagi keperluan mendesak kediaman mampu milik selain kemaraan pelabur China dalam projek berskala mega di negeri itu yang cenderung mendirikan rumah sekadar mampu lihat.

Tidak hairanlah AMANAHAH Johor mengambil langkah untuk menganjurkan seminar berkaitan pembangunan dan urus tadbir pada bulan hadapan.

Menurut Dzulkefly, seminar yang dijangka menyaksikan pembentangan empat kertas kerja merangkumi aspek perumahan,

pekerjaan, hartanah dan alam sekitar itu berdasarkan kajian ilmiah dan empirikal bukan retorik politik semata-mata. Pendek kata, AMANAHAH Johor mempunyai senarai tawaran penyelesaian kepada pelbagai isu rakyat yang berbangkit.

Penekanan AMANAHAH Johor pada pentingnya urus tadbir yang baik ketika kontroversi pegangan bebas dalam projek Forest City hangat diperkatakan dilihat bertepatan dengan penegasan Presiden AMANAHAH dalam mana-mana ceramah umum dan taklimat parti sebelum ini.

"Projek Rumah Impian

Bangsa Johor Yayasan Sultan Ibrahim yang diumumkan Sultan Johor Sultan Ibrahim sebenarnya satu tamparan hebat kepada Menteri Besar (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin) serta barisan exconya kerana Sultan pula yang ambil alih peranan untuk memastikan rakyat Johor berpeluang memiliki rumah sendiri serendah RM80,000 seunit," kata Dzulkefly.

Merumuskan isu pemilikan hartanah di Johor, beliau berpendapat perlunya isu pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) diteliti semula. Banyak kelonggaran berkaitan kuota Bumiputera, kuota rumah kos rendah serta pemilikan oleh warga asing harus disemak.

Ini memandangkan wujudnya kelompok yang mendedahkan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab bersama syarikat pemaju sekaligus menyebabkan hak yang sepatutnya diperoleh rakyat di Johor gagal dipertahankan.

"Sampai bila hanya cantik pada polisi tetapi pelaksanaan kecundang? Ini termasuklah kalau pemaju tidak bina rumah mampu milik, mereka dikenakan penalti hanya RM80,000," jelasnya dengan menyifatkan kawasan sekitar Pasir Gudang, Tebrau, Gelang Patah dan Pulau antara lokasi yang kritikal dengan isu rumah kos rendah.

Kira-kira pukul 3 petang, saya dan Ahmad Lutfi singgah di Pejabat AMANAHAH Johor di Taman Universiti bagi slot Unit Media yang turut dihadiri Setiausaha Organisasi AMANAHAH, Suhaizan Kaiat dan Pengerusi AMANAHAH Johor, Aminolhuda Hassan.

Lebih menarik perkongsian pandangan daripada Ahmad Lutfi hampir sejam seolah-olah bekas Ketua Pengarang Harakah itu sudah benar-benar sembuh daripada keuzuran yang sekian lama dialaminya.

Dialog yang juga dirakam oleh Azam itu dihadiri wakil PPBM dan DAP. Di akhir program, buku 'Lorong Sunyi Media Bebas' yang memuatkan puluhan tulisan sahabat Ahmad Lutfi itu menjadi buah tangan kepada kepada hadirin pada petang itu.

Bacaan politik Ahmad Lutfi bahawa AMANAHAH ada potensi besar di Johor pada pilihan raya akan datang barangkali boleh menjadi pembakar semangat untuk AMANAHAH Johor melipat gandakan usaha dan giat memperkemas strategi serta kerjasama politik antara Pakatan Harapan dalam usaha menentang Umno-Pas pada PRU-14 kelak.



Peta kawasan pilihan raya Johor... Agihan kerusi di antara kerabat Pakatan Harapan akan dibuat mengikut kemampuan dan potensi setiap parti di setiap kerusi.

Sah! Nasharudin orang tengah dana 1MDB

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengemukakan akuan berkanun kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 14 April lalu mengenai pembabitkan bekas Timbalan Presiden Pas, Datuk Dr Nasharudin Mat Isa dengan dana SRC International Sdn Bhd yang dipercayai disalurkan kepada pemimpin Pas.

Beliau berkata, SPRM sudah pun mempunyai maklumat mengenai pemindahan wang dari akaun peribadi perdana menteri bersumberkan dana SRC International kepada beberapa akaun.

"Tumpuan utama saya adalah untuk menunjukkan dan membawa kembali isu SRC dan 1MDB kerana SPRM yang sudah menyiapkan semua siasatan.

"SPRM telah ada semua maklumat mengenai wang yang dipindahkan dari SRC International ke beberapa syarikat dan masuk ke akaun Datuk Seri Najib dan keluar ke akaun peguam dan dibayar ke penerima lain yang salah seorangnya saya namakan Nasharuddin.

"Kita mahu SPRM menyasiat bukan sahaja sampai kepada Nasharudin tapi sampai ke siapa selepas itu dan bagi tujuan apa dan juga untuk menyasiat semua penerima-penerima lain," katanya kepada media selepas menyerahkan akuan bersumpahannya di ibu pejabat SPRM

di Putrajaya.

Sehari sebelumnya, Rafizi membacakan akuan bersumpah bahawa bekas ahli parlimen Bachok itu ialah orang yang menerima dana daripada bekas anak syarikat 1MDB, SRC International.

Tindakan beliau membuat akuan bersumpah adalah ekoran kenyataan dikeluarkan Peguam Negara bahawa kes SRC masih lagi

dalam siasatan.

Bahkan Rafizi sekali lagi mengulangi desakan agar Nasharuddin melepaskan jawatannya sebagai Panel Penasihat SPRM secara terhormat agar tidak mengganggu siasatan dilakukan SPRM ke atas beliau kelak.

"Saya mengulangi kenyataan saya semalam bahawa saya minta beliau meletak jawatan daripada Panel Penasihat SPRM secara terhormat.

"Adalah satu 'conflict of interest' (percanggahan kepentingan) sekiranya beliau yang dinamakan dalam kertas siasatan menjadi sebahagian anggota siasatan SPRM," ujarnya.

Dalam pendedahan yang dibuat 13 April lalu, Rafizi menamakan Nasharudin yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) sebagai penerima dana berkaitan 1MDB.

Rafizi berkata, transaksi itu diberitahu kepadanya oleh seorang bekas

pegawai kanan SPRM yang terlibat dalam siasatan skandal 1MDB.

"Pas perlu kembali semak pastikan tidak ada satu sen pun wang 1MDB kerana rapatnya Dr Nasharudin Isa dengan tokoh-tokoh yang masih mahu menggabungkan Umno dan Pas," kata Rafizi.

Menurut Rafizi, pegawai kanan SPRM itu menjelaskan bahawa siasatan ke atas anak syarikat 1MDB iaitu SRC International mendapati sejumlah dana dipindahkan ke akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, sebelum sebahagiannya berpindah kepada peguam tertentu.

SPRM katanya sudah menyoal siasat peguam tersebut dan mendapatkan bukti individu yang dibayar dengan wang SRC International itu.

Salah seorang penerima bayaran itu ialah Nasharudin, namun Rafizi tidak dapat mengesahkan sama ada peguam yang dimaksudkan ialah Datuk Hafarizam Harun, peguam Najib, seperti didakwa portal Sarawak Report.

Menurutnya lagi, ahli parlimen Pas Kuala Nerus Datuk Dr Khairuddin Aman Razali juga pernah bertemu bekas pegawai SPRM itu untuk mendapatkan kesahihan mengenai dakwaan pemindahan dana 1MDB membabitkan Najib.

Menurutnya, perkara yang didedehkannya itu menurus kepada salah guna kuasa yang boleh disiasat di bawah pelbagai undang-undang negara kerana bayaran kepada pemimpin Pas itu dibuat bagi 'melunakkan' suara Pas dalam isu 1MDB.



Rafizi (tiga dari kiri) menunjukkan akuan bersumpah beliau yang diserahkan kepada SPRM, 14 April lalu. Foto oleh Wan Zahari Wan Salleh.

Nasharudin nafi salur dana 1MDB pada Pas

BEKAS Timbalan Presiden Pas Datuk Dr Nasharudin Mat Isa menafikan pembabitannya sebagai orang tengah dalam penyaluran wang dana 1MDB kepada Pas dan sedia bekerjasama dalam sebarang siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam kenyataan ringkas tiga perenggan yang dikeluarkan 14

April lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) itu menyifatkan dakwaan itu sebagai satu fitnah dan bersedia mengambil tindakan undang-undang.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengemukakan akuan bersumpah kepada SPRM berkaitan maklumat Nasharudin menerima dana bersumberkan anak syarikat

1MDB, SRC International Sdn Bhd untuk disalurkan kepada Pas.

"Dengan merujuk kepada kenyataan Saudara Rafizi Ramli bertarikh 13 April 2017, saya dengan ini menegaskan bahawa segala pernyataan beliau yang melibakanya saya adalah tidak ada kaitan dengan diri saya malah menyataannya itu adalah fitnah dan berniat jahat epada saya dan Parti Islam Se-

Malaysia (Pas).

"Saya dengan ini juga menafikan dengan sekeras-kerasnya pernah menerima apa jua bentuk bayaran dan/atau sumbangan daripada sumber-sumber seperti dinyatakan oleh beliau melalui tuduhan tidak berasas dalam Kenyataan Bersumpah (SD) tersebut.

"Ingin juga saya menegaskan bahawa bukan sahaja saya bersedia

untuk bekerjasama dalam sebarang siasatan oleh pihak SPRM bahkan saya juga telah menyerahkan kepada pasukan peguam untuk langkah seterusnya termasuklah memulakan tindakan undang-undang dan apa jua tindakan yang wajar untuk dilakukan menurut lunas undang-undang yang mana dianggap wajar dan suai manfaat," kenyataan beliau dipetik.

Pas nafi sebarang kaitan dengan Nasharuddin

PAS Pusat menafikan sebarang hubungan dengan bekas Timbalan Presidennya, Datuk Dr Nasharudin Mat Isa dan menegaskan tidak menerima sebarang dana daripada mantan ahli parlimen Bachok itu selepas tempoh perkhidmatan beliau sebagai ahli parlimen tamat pada Mei 2013.

Menurut kenyataan empat perenggan oleh Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan yang dikeluarkan petang 13 April lalu, Nasharuddin tidak pernah

memegang sebarang jawatan dalam parti itu sejak tewas dalam pertandingan timbalan presiden pada 2011 dan setelah digugurkan sebagai Ahli Majlis Syura Ulamak.

Takiyuddin menjawab pendedahan Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berhubung dana anak syarikat 1MDB, SRC International yang disalurkan kepada beberapa pihak termasuk Nasharuddin.

Menurut sumber, Nasharuddin dipercayai menjadi 'orang tengah' untuk

menyalurkan dana tersebut kepada Pas, dakwaan yang dinafikan para pemimpin utama Pas.

"Pas Pusat mengesahkan tidak pernah menerima sebarang sumbangan daripada dan/atau melalui beliau dalam apa bentuk sekalipun daripada tarikh tersebut kecuali sumbangan tetap bulanan sebagai Ahli Parlimen Pas (berakhir Mei 2013 sebagai Ahli Parlimen Bachok).

"Pas Pusat menyerahkan perkara Akuan Bersumpah YB Saudara Rafizi

Ramli dalam hal ini kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang. Namun Pas berpandangan ianya kekal berstatus 'dengar cakap' (hearsay) selagi individu yang dikatakan memberitahu 'maklumat' ini kepada beliau, mengesahkannya," kenyataan Takiyuddin dipetik.

Dalam perkembangan yang sama, Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, parti itu tidak tahu sama ada benar atau tidak

Nasharuddin pernah menerima dana daripada 1MDB.

Beliau turut mempersoalkan kewajaran bekas pegawai tinggi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang didakwa mendahak maklumat tersebut.

"Bagi kita, Nasharudin sudah tiada kena-mengena dengan Pas. Beliau hanya ahli biasa dan bukan pimpinan Pas, jadi kalau nak kaitkan dengan Pas ini satu tuduhan palsu," katanya.

Mengapa Khairuddin rapat dengan Umno?

NAIB Presiden Keadilan Rafizi Ramli hairan dengan sikap Ketua Penerangan Ulama Pas Pusat Khairuddin Aman Razali yang menjadi lebih rapat dengan Umno selepas mendapat maklumat mengenai dana 1MDB.

"Mengetahui reaksi Datuk Dr Khairuddin Aman Razali, Ahli Parlimen Kuala Nerus yang menghukum saya setelah saya mendedahkan beliau juga ada

maklumat yang saya ada (malah lebih awal), saya hairan kenapa setelah menerima maklumat itu beliau menjadi lebih rapat dengan Umno?" soalnya dalam kenyataan.

Malah katanya, Khairuddin juga mengejutkan rakyat Malaysia di United Kingdom apabila hadir dalam program anjuran Kelab Umno United Kingdom yang turut menampilkan pemimpin

Umno.

Khairuddin baru-baru ini mendakwa Rafizi seorang yang tidak berwibawa dan tidak boleh dipercayai kerana membuat tuduhan berasaskan sangkaan dan sumber yang tidak jelas.

Beliau berkata, jika bekas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dirujuk Rafizi sebagai sumber tuduhan adalah pegawai sama

yang ditemui beberapa pemimpin Pas sebelum ini, sangat jelas Rafizi agak bermasalah dalam menilai maklumat.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, sekali pun Khairuddin beranggapan maklumat yang didedehkannya itu belum sah, beliau bertanggungjawab untuk menggunakan sepenuhnya ruang di parlimen bagi mendapatkan pengesahan dan jawapan lanjut daripada

kerajaan.

"Kalau pun beliau merasakan maklumat yang diperoleh mengenai siasatan 1MDB dan keterlibatan Datuk Seri Najib itu belum sah, bukankah menjadi tanggung jawab beliau sebagai ahli parlimen untuk menggunakan sepenuhnya ruang di parlimen untuk mendapatkan pengesahan dan jawapan lanjut?" katanya.

Kerajaan BN senda usaha perkasa syariah

Oleh HAZAYANI ZAKARIA

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN mempersenda usaha memperkasakan mahkamah syariah apabila mempermainkan pembentangan usul Rang Undang-undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 di Dewan Rakyat, tegas Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, tindakan membenarkan ahli parlimen Marang membentangkan usul RUU 355 di Dewan Rakyat sebanyak tiga kali tanpa dibahas membuktikan usul persendi-

rian itu hanya dijadikan mainan politik.

"Permainan terakhir kerajaan BN diberi peluang kepada (ahli parlimen) Marang untuk bentang, (ahli parlimen) Kota Bharu sokong, kemudian tutup tidak diizinkan untuk dibahas.

"Ini harus difahami rakyat bagaimana BN melalui parlimen menghina satu usul yang melibatkan akta yang penting," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata AMANAH hanya akan menyatakan pendirian sama ada RUU 355 harus disokong atau tidak selepas ia dibahas.

"Hakikatnya selepas dibentang oleh

Marang kemudian disokong oleh Kota Bharu Speaker menanggungkan dewan. Jadi bagaimana kita nak katakan ada parti yang menentang dan ada parti yang menyokong RUU itu," katanya.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Ahli Parlimen Marang baru-baru ini memuji tindakan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia yang menanggungkan sidang dewan selepas usul RUU355 dibentangkan beliau, 6 April lalu.

Abdul Hadi menyifatkan penangguhan itu sebagai tindakan bijak Pandikar bagi mem-

beri peluang lebih panjang kepada semua pihak untuk membahaskan RUU itu dengan lebih terperinci.

Bagaimanapun katanya, pembangkang yang tidak senang dengan tindakan itu telah mencetuskan huru-hara.

Presiden Pas itu juga mengibaratkan pengkritik RUU355 seperti 'syaitan besar' dan 'syaitan kecil'.

Bagaimanapun beberapa pemimpin parti komponen BN mengakui bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi BN hanya bersetuju agar usul RUU355 itu dibentangkan Abdul Hadi dan tidak dibahas.

Nasharuddin dicabar isytihar harta

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengalukan hasrat bekas Timbalan Presiden Pas, Datuk Dr Nasharudin Mat Isa mahu menyamannya atas dakwaan memfitnah namun turut menyarankan Nasharudin mengisytiharkan semua harta dan pendapatannya.

"Jika beliau ingin menyaman, saya akan menunggu untuk menyoal siasat beliau di dalam kandang saksi kerana orang yang menyaman adalah orang yang pertama yang perlu beri keterangan di dalam kandang saksi.

"Saya ada beratus-ratus soalan yang akan ditanyakan mengenai penglibatan beliau dalam melobi pimpinan Pas supaya menjadi lunak dengan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, sehingga Pas dilihat tidak lantang memperjuangkan keamanan perdana menteri da-

lam skandal 1MDB," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Rafizi menyarankan Nasharuddin membuat satu akuan berkanun mengisytiharkan semua harta, pendapatan dan sumbangan kepada beliau secara peribadi serta semua organisasi yang beliau terajui.

"Beliau juga perlu perincian di dalam akuan berkanun bagaimana harta, pendapatan dan sumbangan ini dibelanjakan dan kepada siapa wang yang disumbangkan kepada beliau dibelanjakan," kata ahli Parlimen Pandan itu.

Nasharudin pada 14 April lalu menafikan pembabitannya sebagai orang tengah dalam penyaluran wang dana 1MDB kepada Pas dan sedia bekerjasama dalam sebarang siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam kenyataan ringkas tiga perenggan, Ketua Pegawai Eksekutif Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) itu menyifatkan dakwaan itu sebagai satu fitnah dan bersedia mengambil tindakan undang-undang.

Terdahulu, Rafizi mengemukakan akuan bersumpah kepada SPRM berkaitan dakwaan Nasharudin menerima dana bersumberkan anak syarikat 1MDB, SRC International Sdn Bhd untuk disalurkan kepada Pas.

Menurut Rafizi, sumber beliau adalah bekas pegawai kanan SPRM yang biasa dengan siasatan terhadap 1MDB dan SRC International.

Mengulas lanjut, Rafizi menegaskan keyakinannya terhadap kedua-dua maklumat yang diterimanya serta proses akuan berkanun untuk mengisytiharkan semua harta.

Rafizi turut menggesa Nasharu-

din membuat pengisytiharan berkanun dari tahun 2012 sehingga kini dan mengingatkan ada ratusan akauntan dan peguam yang akan meneliti akaun berkanun itu.

"Jika ada maklumat yang tidak tepat, akan ada rakyat Malaysia yang membuat laporan polis terhadap beliau dan beliau boleh dipenjarakan," tegas Rafizi.

Sementara itu, katanya, beliau telah menjangka semua reaksi yang diterima daripada pemimpin dan penyokong Pas berikutan pendedaannya itu.

Beliau memetik reaksi Ketua Penerangan Dewan Ulamak Pas, Datuk Khairuddin Aman Razali, yang mempersoalkan kredibilitinya kerana didakwa bertindak berdasarkan khabar angin.

"Kalau pun beliau merasakan maklumat yang diperolehi mengenai siasatan 1MDB dan keterlibatan Datuk Seri Najib itu belum sah, bukankah menjadi tanggung

jawab beliau sebagai ahli Parlimen untuk menggunakan sepenuh ruang di Parlimen untuk mendapatkan pengesahan dan jawapan lanjut?" kata Rafizi.

Beliau juga pernah menjadi sasaran pemimpin Umno apabila mendedahkan mengenai dana RM250 juta yang sepatutnya digunakan untuk membantu penternak lembu miskin tetapi disalahgunakan untuk membeli hartanah mewah oleh keluarga seorang menteri kanan.

Menurut Rafizi, para pemimpin Pas dan bukannya Keadilan yang menggalakkan beliau untuk membangkitkan isu ini di kalangan pengundi luar bandar.

"Hari ini, pimpinan dan jentera Pas yang sama yang mengitar semula alasan Umno mengenai skandal NFC kononnya saya memfitnah NFC, sedangkan mereka jugalah yang paling galak mengulangi pendedahan skandal NFC dahulu," tegasnya.



USTAZ NAKHAEI AHMAD

KUALA LUMPUR: Bekas Naib Presiden Pas Datuk Nakhaie Ahmad mendedahkan ketika beliau di dalam barisan kepimpinan parti itu tidak timbul langsung berkaitan 'wang berjuta-juta' bagi tujuan menggerakkan parti.

Berdasarkan pengalaman beliau berceramah di dalam negara mahupun di luar negara ketika menjadi pemimpin Pas, kos akan ditanggung peringkat cawangan dan kawasan parti itu.

"Masa saya dalam saf kepimpinan Pas dulu tak timbul langsung duit berjuta-juta.

Pas dulu lain sekarang lain - Nakhaie

"Pergi ceramah seluruh dunia duit minyak disediakan oleh cawangan atau kawasan yang menganjurkan.

"Kadang-kadang cukup... kadang-kadang tidak. Kalau program Pas Pusat kena keluar duit sendiri. Jika ceramah di luar negara tiket disediakan pergi balik oleh penganjur. Tak ada bayaran apa pun diberi. Duit poket sendiri ala kadar. Pernah juga pergi poket kosong," ujarnya dalam status di Facebook, 14 April lalu.

Nakhaie yang meninggalkan Pas pada 1989 dan kemudian menyertai Umno juga mengimbas kenangannya yang pernah ditahan di Lapangan Terbang Chicago, Amerika Syarikat kerana mempunyai tiket sehala dan hanya membawa SD100 tunai.

"Saya pernah di tahan di LT Chicago kerana tiket sehala dan hanya ada USD100. Tetapi dibenar juga masuk kerana dijamin oleh Syed Azman dan

kawan-kawannya ketika ditahan.

"Saya sering balik ke rumah tangan kosong tanpa bawa apa-apa buah tangan kepada anak-anak kerana tiada wang untuk beli apa-apa," ujarnya.

Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Burok, Terengganu. Setelah menyertai Umno, Nakhaie dilantik sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) pada 1999 dan bersara pada 2009.

Sambungannya lagi, ketika aktif bersama Umno beliau masih mengamalkan sikap berjimat cermat walaupun memperoleh elaun ketika berkhidmat dengan Yadim.

"Semasa dalam Umno saya berjimat dari elaun bekerja di Yadim selama 10 tahun dan dapat kumpul RM400,000 yang saya guna untuk bina rumah yang ada sekarang.

"Itulah habuan saya menyertai politik selama 39 tahun. Banyak

orang kata saya bodoh tak ambil kesempatan...

"Macam mana saya nak ambil kesempatan kerana jika saya pakai RM10 sahaja pun, duit itu bukan hak saya, kerana saya dah tak boleh tidur sehingga saya terpaksa ganti kembali duit yang saya pakai itu.

"Sebab itu saya tak pernah urus kewangan semasa bertugas di Yadim. Biarlah saya jadi bodoh dari tak dapat tidur," ujarnya.

Nakhaie yang kini berusia 75 tahun turut menceritakan pengalaman diberikan RM1000 oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamad Rahmat (Allahyarham) untuk bertugas ketika Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Serkam, Melaka.

"Masa bekerja di pejabat Umno saya minta wang daripada Datuk Mohamad Rahmat untuk bertugas dalam PRK Merlimau (Serkam).

"Dia bagi saya RM1,000. Saya rasa dah banyak sangat dah. Ada

yang beritahu saya buat apa minta sikit sangat. Saya kata sekadar nak belanja kawan-kawan minum. Cukuplah tu. Lagi sekali dia orang kata saya bodoh," tulisnya lagi.

Seorang rakannya menasihati beliau supaya membuka pondok pengajian daripada aktif dalam politik kerana "dalam Pas pun sudah ada cerita wang berjuta".

"Dulu makan nasi bungkus sekarang tiada lagi. Dulu tidur berbantal lengan di surau sekarang hotel-hotel mewah. Itu dulu. Dulu lain sekarang lain.

"Perjuang orang dahulu menghidupkan yang sekarang sebaliknya, perjuangan sekarang dengan segala kemewahan meruntuhkan yang dibina oleh orang terdahulu," katanya.

Beliau menambah, manusia akan mati dan dibangkit semula dengan niat dan amalan masing-masing.

"Jika tak malu kepada Allah buatlah apa sahaja yang disukai," ujarnya.

Membaca 'langkah strategik' Najib pasca dan pra-PRU



ANALISIS
DR DZULKEFLY AHMAD

TIDAK perlu seorang pendeta politik untuk meramal bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sedang merancang untuk 'menyelamatkan' dirinya. Dia mahu jaminan perlindungan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Dua persoalan besarnya adalah, bilakah dia akan bertindak untuk berundur; dan siapakah yang beliau boleh harapkan melindunginya?

Dikatakan Najib sentiasa mempunyai langkah strategik serta melaksanakannya dengan baik. Dia punya banyak konsultan dan kumpulan pemikir. Diringkaskan apa yang beliau telah lakukan sejak setelah hampir kalah PRU ke-13 lalu.

Mempercepatkan tangkapan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan sumbat ke penjara pada awal tahun 2014, sebagai memintas pelan asal "Langkah Kajang" pada bulan Mac 2014.

Najib kemudian secara licik "mengumpan" Pas keluar dari Pakatan Rakyat. Caranya melalui rang undang-undang persendirian (RUUP) untuk pinda Akta 355 untuk laluan 'Hudud' kononnya. Pertama kali Jamil Khir Baharom mengesyorkan Pas bentang RUUP ialah pada Oktober 2014 di Parlimen. Sejurus itu (Nov-Dis) Jawatankuasa Bersama Persekutuan-Kelantan dibentuk. Pantas. Najib menemui senjata ampuhnya dalam RUU!

Ini diikuti dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada Mac 2015 memasukkan satu RUUP ke Dewan Rakyat secara 'unilateral' (sendirian). Terdahulu, beliau telah berjanji untuk membentangkan terlebih dahulu dalam Majlis Presiden Pakatan Rakyat (PR).

Parti-parti komponen bersetuju untuk membincangkan perkara tersebut. Namun beliau tidak memenuhi janjinya. Beliau sebenarnya tidak juga membentangnya terlebih dahulu di Mesyuarat JK Kerja Pas Pusat. Pengerusi JUHAM atau Jawatankuasa Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Pas, tidak tahu menahu tentang usul RUUP itu. Hingga kini tidak siapa tahu pihak mana yang menyiapkan RUUP tersebut.

Inilah antara punca utama mengapa DAP yang amat kecewa, mengumumkan tidak boleh lagi bekerjasama dengan Presiden Pas. Ustaz Hadi telah memungkirkan beberapa janji termasuk terdekat ketika itu perihal calon MB dalam 'Langkah Kajang' yakni Datuk Seri Dr Wan Azizah, yang diusulkan oleh beliau sendiri dalam mesyuarat AJK Pas Pusat. Dua hari kemudian beliau berpatah balik selepas dibentangkan oleh Timbalan Presiden dalam Majlis Presiden Pakatan Rakyat (PR). Itu sudah dalam lipatan sejarah.

Pas kemudian bertindak balas dengan meninggalkan PR persis dimahukan Najib! Anehnya Pas mahu kekal dalam pentadbiran negeri Selangor! Sebagai sebuah gabungan politik, PR tidak berfungsi lagi lantas lumpuh. Juga seperti kemahuan Najib! PR kemudiannya digantikan oleh Pakatan Harapan (selepas pembentukan Parti Amanah Negara pada September 2015).

Sementara itu, Najib dan Umno terutama

media BN, berjaya membantu menyingkir golongan profesional dan 'moderates' dalam Mukhtar Julai 2015. Golongan ini disebut-sebut sebagai 'petualang' kepada usaha-usaha Pas-Umno memperjuangkan doktrin "Ketuanan Melayu-Islam".

Slogan RUU355 'menjadi' 'gendang perang' (battle-cry) puak yang memperjuangkan 'Ketuanan Melayu-Islam' ini. Pas juga kemudiannya menggunakan laungan "Perpaduan Islam" untuk meraih sokongan penentang RUU355, tanpa menghiraukan apa yang sebenarnya menjadi kritikan dan 'perbezaan' terhadap RUU Pas itu.

Slogan "Tsunami Islam" bergema dalam perhimpunan Ungu RUU355 Februari 18, 2017. Untuk ingatan, Jamil Khir, yang ketika itu berdepan saman RM20 juta dalam kes salah guna dana YPEIM juga berucap dalam demonstrasi tersebut.

Beliau mengaku berada dalam perhimpunan tersebut atas arahan ketuanya, Najib. Pas hilang kompas moral perjuangan. Asalkan Melayu-Islam, perompak-pencuri pun tak apa. DAP kafir pasti masuk neraka! Itulah wirid Pas kini. Sama ada Pas turut 'tersedak' dengan 'dedak' Umno masih lagi dalam siasatan... tulisan ini tidak perlu singgung.

Masalah dan isu utama rakyat yang mendedak, iaitu kenaikan kos sara hidup, tadbir-urus sarat rasuah dan kerajaan 'perompak' atau 'kleptokratik' yang menjarah berbilion ringgit dana 1MDB mudah-mudahnya dikesampingkan. Najib berjaya pusing kepala Pas, mudah sahaja. Hebat Najib! Bayangkan kalau Tok Guru Nik Aziz dan Ustaz Fadzil Noor masih ada. Alahai Pas!

Institusi dan badan-badan yang diwujudkan untuk membantu dan membangunkan orang Melayu yang miskin - Felda, Mara, dan

tidak ketinggalan juga Tabung Haji - turut menjadi mangsa ganas nafsu serakah Najib dan segelintir pimpinan Umno. Yang lain turut malu tapi dayus untuk bertindak.

Lalu Najib melihat Hadi adalah sekutu nombor satunya sekarang ini. Hadi secara terang-terangan mempertahankan Najib dengan mengeluarkan kenyataan yang jenayah kleptokrasi RM2.6 bilion didepositkan ke akaun peribadi Najib itu memerlukan empat saksi dan belum ada bukti kukuh untuk mensabitkan kesalahan Najib.

Walaupun telah mengumumkan kerajaan tidak akan bentang Pindaan Akta 355, bagi menyelamatkan BN, selepas awalnya bersetuju untuk ambil alih RUU355 Marang, Najib mengorak langkah liciknya. Ya, BN tidak izin Kerajaan bentang Pindaan Akta 355! Namun, bagi menyelamatkan dirinya, Najib terpaksa kemudiannya membuat pusingan U sekali lagi, pada saat-saat terakhir.

Untuk mengumpan dan ambil hati Hadi dan Pas, Najib bertindak mengizinkan Hadi bentang RUU 355 untuk kali ketiga! Akan tetapi tanpa perbincangan dan apatah lagi untuk mengundi! Ada yang kata sangat licik politik Najib. Lupakah mereka bahawa Najiblah petualang besar untuk kerajaan bentang Pindaan Akta 355 itu? Pas hanya boleh 'berpoya-poya' di peringkat RUU Persendirian sahaja! Buat Pas itu sudah cukup kerana mereka hanya mahu bentang... dan berkokok di Mukhtar dan PRU nanti... Malang!

Saya yakin akar-umbi Pas tahu akan hakikat itu, cuma Haji Hadi dan hulubalangannya sahaja semacam buat-buat tak tahu. Najib tersenyum sinis serta puas.

Berdepan cengkaman cabaran terkini, termasuk asakan melemaskan Tun Mahathir dan peranan PBBM (Bersatu) dalam merobek

sokongan tradisi Melayu untuk Umno, Najib mula kaget.

Di ambang PRU14 yang semakin dekat, Najib mesti menstrategikan langkah 'langkah terakhirnya' dalam 'master stroke'nya. Apakah sentuhan mautnya? Najib terpaksa melantik sepupunya, Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Tugas-tugas khas. Sebabnya?

Tidak sukar membaca langkah Najib ini. Apakah sekadar memperkukuhkan posisi politikya ataukah ini isyarat untuk Najib 'exit' atau berundur? Soal besarnya bila?

Najib boleh pertahankan langkahnya ini dengan apa jua rasional atau cerita mak nenek ahli Kabinetnya. Tetapi orang ramai tidak akan peduli dan tidak juga akan simpati dengannya lagi. Rakyat sibuk terbeban dengan keperitan hidup. Tidak ada masa untuk faham gelagat dan karenah pemimpin lagi.

Mungkin sahaja yang dinanti-nantikan rakyat adalah bila Najib akan 'berambus' bersama kunci-kuncunya. Andainya Najib bertegas untuk mengepalai Umno- BN dalam PRU-14 akan datang, kemungkinan besar beliau diramalkan akan kalah teruk.

Andainya Najib berundur di saat-saat akhir maka mudah untuk melantik Hishammuddin Hussien kerana posisi barunya. Tentunya ia lebih kompleks dan tidak semudah itu Zahid Hamidi dan gengnya terima. Silap haribulan bolih menyebabkan Umno dan sekutunya berkeberantakan. Benarkah Najib bijak mengatur langkah strategiknya? Kita perhatikan seterusnya...


Pun begitu, Pakatan Harapan seharusnya bersedia untuk menghadapi Umno-BN dalam PRU-14 akan datang, yang disifatkan sebagai "Ibu Segala Peperangan".

Jika perjuangan membangun kembali negara bagi "Membangun Negara dan Mensejahterakan Rakyat", maka wajar bahkan wajib diakui hanya dengan kemenangan maka reformasi dan islah yang dicita-citakan mampu dilaksanakan dan ditunaikan.

Justeru itu, meletakkan keutamaan kemenangan mesti didahulukan daripada pertimbangan dan kepentingan kepartaian atau kelompok masing-masing. Sejauh ini langkah-langkah PH amat baik.

Peringatan itu sahaja sudah seharusnya cukup untuk pimpinan yang benar-benar jujur dan komited untuk menggapai kemenangan supaya mengelak segala perbalahan terutama dalam perihal pembahagian kerusi nanti. Berpada-padalah ya.

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara



"Saya yakin akar-umbi Pas tahu akan hakikat itu, cuma Haji Hadi dan hulubalangannya sahaja semacam buat-buat tak tahu. Najib tersenyum sinis serta puas."

Tangani lambakan buruh asing

KUALA LUMPUR: Kerajaan pusat perlu memikirkan secara serius usaha untuk mengurangkan lambakan Pekerja Asing Tanpa Izin (Pati) di negara ini khususnya di Johor.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata, isu lambakan pekerja asing di Johor semakin hari semakin kritikal.

"Banyak serbuan yang telah dijalankan Jabatan Imigresen Johor mendedahkan jumlah besar pekerja asing tanpa izin dan pada masa yang sama penempatan haram warga asing yang bakal mendatangkan masalah sosial.

"Antara kes berkenaan serbuan Jabatan

Imigresen Johor di sebuah penempatan haram yang didiami lebih 400 pekerja asing.

"Hasil serbuan itu mendedahkan separuh daripada mereka tidak sepatutnya berada di sana dan mereka adalah Pati atau memiliki permit kerja yang sudah tamat tempoh," ujarnya dalam kenyataan media, 14 April lalu.

Beliau berkata, isu Pati membabitkan soal keselamatan rakyat negeri Johor dan bukan berciri xenophobia (ketakutan kepada bangsa lain).

"Kebanyakan Pati tidak melalui saringan kesihatan oleh kerajaan dan ini akan mengakibatkan penyakit berjangkit mudah

merebak kepada penduduk tempatan.

"Kerajaan Pusat perlu memikirkan secara serius langkah untuk mengurangkan lambakan Pati yang dianggarkan kini berjumlah 1.3 juta orang.

"Manakala statistik bagi Pati pula mengikut KDN adalah sejumlah 1.9 juta orang," katanya.

Angka ini, jelasnya meliputi 23% daripada tenaga kerja negara yang sebenarnya melebihi had siling yang ditetapkan kerajaan iaitu 15%.

Tambah beliau lagi, realiti hari ini menunjukkan trend peningkatan bilangan warga asing sangat membimbangkan.

"Mereka sudah mula menjalankan perniagaan tanpa lesen yang akan menjejaskan kegiatan ekonomi warga tempatan serta menggugat keselamatan rakyat melalui pelbagai aktiviti jenayah serta penyakit berjangkit yang tidak terkawal.

"Tindakan yang lebih cekap perlu dilakukan bagi memastikan penempatan pekerja asing berada pada lokasi dan kondisi yang baik dan tidak mengganggu kesejahteraan rakyat tempatan.

"Dalam pada itu, usaha membanteras Pati perlu terus digiatkan agar kedaulatan negara terpelihara dan hak-hak ekonomi serta keselamatan rakyat terus terbelas," ujarnya.

Warisan nafi 300 ahli keluar parti

KUALA LUMPUR: Parti Warisan Sabah (Warisan) menafikan seramai 300 ahlinya kembali menyertai Umno dalam satu majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Semporna, 16 April lalu.

Ketua Penerangan Warisan Bahagian Semporna Datuk Hisham Abd Fattah berkata, ahli parti Warisan sama ada di Semporna mahupun di seluruh Sabah tetap teguh dan kukuh berjuang bersama parti itu.

"Kita akan terus memberi sokongan serta kesetiaan tidak berbelah bagi kepada barisan pimpinan Parti Warisan Sabah yang diketuai oleh Datuk Seri Mohd Shafie Adpal.

"Rakyat Sabah sudah semakin tertarik, semakin yakin dan memahami perjuangan yang dibawa oleh parti Warisan ini justeru itu tidak timbul isu lompat mahupun berpaling tadah kepada parti lain," ujarnya.

Jelas beliau, individu yang

mendakwa mengetuai penyerahan borang keahlian Umno oleh 300 ahli Warisan itu tidak pernah menyertai parti tempatan Sabah itu.

Jalin Luin, ujar Hisham didakwa sebagai ahli Warisan oleh laman Facebook penyokong Umno.

"Jalin memang keluar Umno tetapi bukan ahli Warisan, tidak pernah mendaftar menjadi ahli. Dia bukan mewakili 300 ahli Warisan yang sertai Umno semula dalam majlis tersebut," ujarnya.

Borang-borang keahlian Umno itu diserahkan Jalin kepada Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden Umno dengan disaksikan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Pemangku Ketua Umno Bahagian Semporna merangkap Adun Senallang Datuk Sri Nasir Tun Sakaran dan Adun Bugaya Datuk Ramlee Marahaban.

Hisham yang juga Timbalan Biro Penerangan Warisan berkata, kepercayaan rakyat Sabah terhadap parti Warisan pimpinan

Shafie semakin mendapat sokongan terutama di kalangan ahli Umno dan parti komponen BN di negeri itu.

"Setiap kali program dianjurkan parti Warisan, dapat disaksikan penyertaan beramai-ramai ahli Umno dan juga parti-parti lain di negeri ini.

"Baru saja di Sandakan kita menyaksikan penghijrahan ahli dari Parti Bersatu Sabah (PBS) seramai 500 orang yang diketuai oleh pengasas parti itu Shirly Chein untuk menyertai Warisan yang baru ditubuhkan ini," ujarnya.

Parti Warisan Sabah ditubuhkan Shafie yang juga bekas Naib Presiden Umno pada Oktober tahun lalu dengan mengambil alih Parti Pembangunan Warisan Sabah (PPWS) yang ditubuhkan pada 2013.

Bekas Ketua Umno Bahagian Semporna itu mengumumkan keluar parti pada 4 Julai tahun lalu selepas keahliannya digantung Jawatankuasa Disiplin Umno.

Rafizi lebih sensitif soal dosa pahala

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli lebih sensitif dengan soal dosa dan pahala kerana lantang mendedahkan amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dilakukan pemerintah berbanding presiden dan ketua pemuda Pas.

Pengerusi Biro Undang-undang Parti Amanah Negara (Kanun) Mohamed Hanipa Maidin berkata, Rafizi yang juga ahli parlimen Pandan turut rajin hadir ke parlimen untuk berdebat dan bercakap benar meski pun berdepan dengan MO1 (Malaysian Official 1).

Hanipa mengulas kenyataan Ketua Pemuda Pas, Nik Abdul Nik Aziz yang menyokong kenyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa 'Rafizi tidak kisah soal dosa dan pahala' apabila mendakwa seorang yang rapat dengan pemimpin Pas menerima wang 1MDB bagi pihak parti itu.

"YB Rafizi lah yang lebih awal sensitif dosa dan pahala.

"Ketua Pemuda Pas Pusat merangkap MP Pasir Mas, yang nampaknya

jauh sangat perangai dgn arwah bapanya Almarhum Tuan Guru Nik Aziz dilaporkan di Malaysiakini dan Free Malaysia Today menyerang YB Rafizi Ramli.

"Beliau dilaporkan berkata yang ia setuju dgn kenyataan Presiden Pas kononnya YB Rafizi tak kisah soal dosa dan pahala.

"Maaf, saya berbeza pendapat. Bagi saya, YB Rafizi lah yg begitu sensitif dosa dan pahala sebab itu beliau lantang dan tidak takut dedah rasuah, salah guna kuasa dan banyak penyelewengan pihak yang ada kuasa.

"Jika nak harap Presiden Pas atau Ketua Pemuda Pas berani macam YB Rafizi bolehlah ibarat kita tunggu 'ikan keli tumbuh sisik,'" ujarnya sinis di laman Facebook.

Rafizi menerima kecaman para pemimpin Pas kerana pada sidang media di Parlimen 6 April lalu mendakwa parti itu turut mendapat dana 1MDB yang diselewangkan daripada orang tengah yang rapat dengan pemimpin Pas.

Umno 'faraid' tanah Pulau Pinang untuk kroni

BUTTERWORTH: Terdapat banyak tanah yang telah 'difaraidkan' sesama pemimpin Umno sehinggalah mereka mengkhianati amanah yang telah diberikan oleh orang Melayu, kata Timbalan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Pulau Pinang, Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Beliau berkata, kegagalan pemimpin Umno untuk membela nasib orang Melayu amat terserlah dengan pelbagai ketirisan termasuk penyelewengan tanah dan seumpamanya.

"Saya pernah menjadi exco kerajaan negeri pada tahun 1982, tetapi kita membela nasib orang Melayu ketika itu.

"Namun begitu kini terlalu ramai

pemimpin Umno lebih mengutamakan kekayaan dan 'memfaraidkan' tanah-tanah yang ada untuk kroni dan suku-sakat mereka.

"Perda atau Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1983 semasa saya menjadi exco lagi bagi membangunkan kawasan luar bandar yang menjadi tumpuan orang Melayu, tetapi kini ianya sudah terbalik," katanya pada program Bicara Rakyat di Teluk Air Tawar, dekat sini, baru-baru ini.

Menurutnya, tanah milik Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera (JPB) Pulau Pinang yang ditubuhkan untuk membantu orang Melayu semasa pemerintahan BN juga telah diagihkan kepada para pemimpin Umno.

"Apa dah jadi dengan tanah di

Seberang Jaya berdekatan dengan (pasaraya) Carrefour dulu, jika bukan untuk pemimpin Umno menjadi kaya raya," soal beliau.

Mohd Shariff yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang menambah, terdapat tanah milik JKP di Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara yang sepatutnya dibangunkan untuk orang Melayu mengalami kerugian.

"Projek perumahan usaha mereka terbengkalai berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Teluk Air Tawar.

"Puncanya kerana memberikan projek perumahan tersebut kepada pemimpin Umno yang tidak mampu untuk melaksanakan tanggung jawab tersebut.


"Akhirnya projek tak jadi, orang

Melayu menjadi mangsa kerana mengharapkan projek yang tidak kesampaian binaan tangan-tangan pemimpin Umno di negeri ini," tambahnya lagi.

Tegasnya lagi, orang Melayu kini seharusnya melakukan perubahan setelah melihat bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang menadbir dengan pelbagai program kebajikan untuk rakyat selepas menang dalam pilihan raya umum 2008 yang lalu.

"Banyak program kebajikan untuk rakyat yang dilaksanakan oleh kerajaan Pulau Pinang kini tidak pernah dilakukan oleh Umno dan BN semasa memerintah dulu.

"Sebagai bekas Ahli Parlimen Tasek Gelugor, exco kerajaan negeri



MOHD SHARIFF OMAR

dan juga Timbalan Ketua Menteri, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pulau Pinang kini lebih baik dari apa yang dilakukan oleh kerajaan Umno dan BN dulu.

"Oleh kerana itu orang Melayu mesti bangkit dan buatlah perubahan dengan menolak Umno dan BN bukan saja di Pulau Pinang, tetapi juga di peringkat persekutuan dalam pilihan raya umum yang akan datang," katanya lagi.

Perangi rasuah pemimpin dituntut agama

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail menegaskan, tumpuan Pakatan Harapan terhadap isu-isu yang membelenggu rakyat tidak akan dilekakan dengan polemik Rang Undang-undang 355 (RUU 355).

Menurut beliau, isu ratusan ribu graduan yang masih menganggur, peningkatan kos pembiayaan pengajian tinggi, kejatuhan nilai mata wang ringgit, harga barang runcit yang mahal serta kos hidup yang dibebankan oleh kerajaan Umno-BN harus diselesaikan melalui jalan politik dan pilihan raya.

"Disebabkan Umno-BN juga, rasuah pemimpin macam tiada penghujung. Kesemua hal ini juga suatu tanggung jawab agama yang harus ditegakkan!" katanya.

Dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan 13 April lalu, Saifuddin juga menyifatkan penjelasan ahli parlimen Pakatan Harapan berhubung usul RUU Akta 355 di media sosial berjaya memberi pencerahan kepada umum.

Menurut beliau, program Sidang Parlimen Rakyat yang disertai beberapa pemimpin Pakatan Harapan pada 10 April

lalu telah berjaya mencapai sasaran.

"Perbincangan ini telah disiarkan melalui beberapa media sosial (Facebook) Invoke Malaysia, pimpinan dan termasuk Rafizi Ramli dengan jumlah tontonan sehingga 214097, hampir 1 juta akaun Facebook mengikutinya, 2714 berkongsi dan 14,496 komen.

"Ini boleh diikuti oleh pimpinan dan penyokong daripada pelbagai parti politik untuk menonton dan mendengar apa yang diperkatakan oleh Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Harapan.

"Malah kupasan RUU355 dalam bentuk hujah-hujah yang dibentangkan telah menarik perhatian penonton dan menjadi suatu perkembangan yang positif," katanya.

Tambah Saifuddin, keputusan kerajaan Umno-BN melalui Speaker Dewan Rakyat 6 April lalu yang menangguhkan sesi perbincangan RUU 355, menimbulkan pelbagai spekulasi yang jelas telah dipolitikkan walau apa pun alasan yang diberi.

Beliau memuji tindakan ahli parlimen Pakatan Harapan menjelaskan isu ini melalui mekanisme baharu 'Sidang Parlimen Rakyat' secara langsung di Facebook



Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad berhujah pada program khas Sidang Parlimen Rakyat, 10 April lalu.

dengan kerjasama Invoke Malaysia.

Menurut beliau, dengan menggunakan teknologi digital dan media sosial, wacana itu akan menjadikan rakyat Malaysia lebih inklusif dalam sesuatu perkara.

Malah katanya, proses membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu permasalahan rakyat boleh didemokrasikan melalui teknologi.

Saifuddin turut bersetuju dengan

kenyataan Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mencadangkan penubuhan jawatankuasa pilihan parlimen bagi mengkaji dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memperkasa mahkamah syariah.

Jawatankuasa itu, tambah beliau perlu diletakkan bawah parlimen dan dianggotai pakar dalam pelbagai bidang termasuklah perundangan Islam.

Laluan Hishammuddin ganti Najib

KUALA LUMPUR: Penganalisis politik Shahbudin Husin yakin perlantikan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mempersiapkannya sebagai calon perdana menteri.

"Tidak mustahil dalam pilihan raya akan datang, Hishammuddin akan diberi lebih peranan berbanding (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri) Zahid Hamidi bagi memperlihatkan prestasi awal kemampuannya sebagai calon pengganti," ulas beliau.

Bagaimanapun Shahbudin mempersoalkan bentuk tugas yang menanti Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan di Jabatan Perdana Menteri.

"Selain Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri sekarang in sudah pun mempunyai sembilan menteri iaitu Jamil Khir Baharom, Shahidan Kassim, Azalina Othman Said, Abdul Rahman Dahlan, Joseph Kurup, Joseph Entulu, Nancy Shukri, Paul Low dan Wee Ka Siong.

"Dengan perlantikan Hisham-

muddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khasnya, kepadatan jumlah menteri di Jabatan Perdana Menteri meningkat kepada 10 orang.

"Dicampur dengan Najib dan Zahid Hamidi, jumlahnya kini menjadi 12 orang. Wow... meriahnya sehingga boleh ditubuhkan pasukan bolasepak yang pemainnya semua menteri-menteri belaka!" ujarnya.

Beliau bagaimanapun menyifatkan Hishammuddin sebagai tidak mempunyai keistimewaan langsung untuk diberikan tugas tambahan selain bagi mengambil

alih tempat Najib.

"Dirasakan cukup yakin bantuan Pas akan membolehkan BN terus berkuasa, Najib dipercayai akan mengundurkan diri selepas PRU-13 untuk meredakan ketegangan yang mungkin terus berpanjangan selepas pilihan raya nanti.

"Di mana selepas itu Hishammuddin yang dijadikan Perdana Menteri akan berperanan memastikan abang sepupunya itu dapat bersara dengan aman dan tenteram tanpa sebarang gangguan.

"Ia sekaligus mengesahkan bahawa Najib tidak dipercayai, jauh sekali meyakini Zahid Hamidi untuk mengambil alih tempatnya... peranan Timbalan Perdana Menteri (Ahmad Zahid) akan perlahan-lahan dikuis ke tepi," ujarnya.

Hishammuddin dilantik Menteri Pertahanan pada 2013. Beliau juga menajwat Menteri Belia dan Sukan (1999-2004) dan Menteri Dalam Negeri (2009-2013).

Anak perdana menteri ketiga itu pernah memangku jawatan Menteri Pengangkutan pada 2013-2014.

Najib hanya besarkan saiz kabinet

KUALA LUMPUR: Tindakan perdana menteri mewujudkan portfolio Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri hanya membesarkan saiz kabinet dan menzahirkan 'hilang kepercayaan' beliau terhadap timbalannya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Ahli parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar turut mempersoalkan perlantikan Datuk Seri Hishammuddin Hussein ke jawatan itu dan berpendapat ia hanya untuk menguatkan cengkaman kuasa perdana menteri dalam kerajaan.

"Apa masalah kepada penadbiran PM Najib sehingga mewujudkan portfolio Tugas-tugas Khas di JPM dalam keadaan anggota kabinet sudah pun diberikan tugas yang terkand-

ung di dalam portfolio yang sedia ada.

"Apa bidang Tugas-tugas Khas yang dimaksudkan itu sehingga perlu diberi tanggungjawab khas kepada Hishammuddin Hussein yang juga sepupu PM Najib," soal beliau.

Menurut Mahfuz, kabinet kini sudah mempunyai 35 menteri termasuk 9 menteri di Jabatan Perdana Menteri dan mewujudkan portfolio baru menimbulkan persoalan sama ada menteri-menteri sedia ada sudah tidak berkemampuan untuk menjalankan tugas tambahan.

Mahfuz yakin di sudut penadbiran tiada keperluan untuk diadakan jawatan Menteri Tugas-tugas Khas di JPM kerana ia tidak memberi sebarang keuntungan kepada rakyat dan

negara.

Dalam keadaan ekonomi negara yang tidak stabil dan rakyat terbeban dengan peningkatan kos sara hidup, beliau menyarankan Najib mengecilkkan saiz kabinet dengan kualiti kerja yang maksimum.

"Langkah PM Najib melantik Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Tugas-tugas Khas adalah langkah politik untuk cengkaman kuasa memperkukuhkan kedudukan beliau sebagai PM dan langkah melindungi beliau hari ini dan selepas bersara," ujarnya.

Beliau menambah, pelantikan Hishammuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas memberi petanda Najib hilang kepercayaan kepada Zahid yang sepatutnya diberikan

kepercayaan menjalankan tugas jika ada keperluan untuk misi tertentu.

"Ini telah dibayangkan Zahid yang pernah membuat kenyataan ada orang yang nak mengalahkan beliau di Bagan Datuk. Kenyataan sebegitu sudah pastinya tidak merujuk kepada pembangkang kerana memang 'tugas khas pembangkang' untuk kalahkan beliau yang sudah diketahui umum dan bukan sahaja di Bagan Datuk tetapi termasuk Pekan dan keseluruhan 222 kerusi Parlimen yang ditandingi Umno-BN," ujarnya lagi.

Ini kata Mahfuz mungkin dihangatkan lagi dengan sokongan Zahid terhadap debat Tun Mahathir dan Datuk Seri Nazri Aziz.

Petanda Najib akan lepas jawatan

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub yakin pelantikan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Tugas-tugas Khas menandakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan melepaskan jawatan tidak lama lagi.

"Hishammuddin akan ambil alih jawatan untuk memastikan kesinambungan dan hayat Umno dalam pilihan raya umum akan datang," kata beliau di media sosial.

Bercakap kepada media selepas itu, Salahuddin mengakui tidak terkejut jika Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menerima nasib yang sama seperti Tan Sri

Muhyiddin Yassin.

"Demi survival Najib dan Umno, saya tidak terkejut (Ahmad) Zahid akan menerima nasib seperti Muhyidin," katanya.

Pada masa yang sama, Salahuddin turut menzahirkan kebimbangan jika 'tugas-tugas khas' yang diberikan kepada Hishammuddin adalah untuk 'melenyapkan' isu 1MDB.

"Hanya Hishammuddin yang menjadi kepercayaan Najib," katanya sambil merujuk hubungan antara keduanya sebagai sepupu.

Terdahulu, Naib Presiden Keadilan, Rafizi Ramli meramalkan pelantikan Hishammuddin bukan perkembangan baik untuk cita-cita politik Ahmad Zahid.

Usah biar negara sebahaya Mexico

Oleh HAZAYANI ZAKARIA
Foto WAN ZAHARI SALLEH

KUALA LUMPUR: AMANAH mahu Menteri Dalam Negeri membentangkan kertas putih bagi menjelaskan kewujudan syarikat yang menjual senjata buatan Korea Utara di negara ini dan kebarangkalian Kuala Lumpur menjadi destinasi kepada perisik asing.

Timbalan Presidennya Salahuddin Ayub berkata, kerajaan juga mesti memberikan penjelasan mengenai status siasatan pihak berkuasa ke atas premis yang disalah guna untuk kegiatan haram melibatkan negara luar.

"Saya khuatir negara kita khususnya Kuala Lumpur menjadi destinasi kegiatan haram," katanya dalam sidang media di Wisma Amanah Negara, 11 April lalu.

Hadir sama Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional Shazni Munir Mohd Ithnin dan Timbalan Setiausaha Agung AMANAH Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus.

Mac lalu, Salahuddin dengan merujuk laporan agensi berita Reuters menyerahkan memorandum menggesa Ketua Polis Negara memberi penjelasan segera mengenai kewujudan syarikat berkenaan.

Merujuk kepada laporan itu, Salahuddin mendakwa terdapat syarikat beroperasi menjual senjata buatan Korea Utara yang dimiliki seorang pemimpin politik.

Beliau juga mendakwa terdapat aktiviti penjualan senjata dari Korea Utara oleh Global Communications Company (Golcom) yang kemudiannya menukar identiti kepada International Golden Services (IGS).

"Saya meminta IGP dalam tempoh dua minggu atau lebih cepat dari itu mengeluarkan kenyataan rasmi dan memulakan siasatan terhadap isu itu tetapi malangnya sampai hari ini kita tidak dapat jawapan yang jelas.

"Sepanjang persidangan parlimen pun saya tidak mendengar jawapan yang tuntas daripada menteri," katanya yang menghantar memoran-

dum berkenaan pada 15 Mac lalu.

Beliau juga mengulas mengenai kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed 10 April lalu yang meminta siasatan dimulakan berhubung dakwaan seorang eksekutif konglomerat Malaysia menyalurkan dana kepada Korea Utara.

Reuters pada 10 April memetik penderhaka Korea Utara sebagai berkata, sejak dua dekad yang lalu, Han Hun Il yang dilahirkan di Korea Utara dan pengasas serta ketua pegawai eksekutif Malaysia Korea Partners (MKP) menyalurkan dana kepada parti pemerintah Pyongyang.

"Saya yakin ada kekhawatiran terhadap Malaysia menjadi destinasi yang selamat bagi kegiatan perisikan, penjualan senjata atau peralatan ketenteraan yang dilarang PBB dan menjadi destinasi pembunuhan politik melibatkan penjenayah antarabangsa.

"Saya cukup bimbang Kuala Lumpur jadi suatu bandar seperti Mexico atau bandaraya di Amerika Selatan yang mana berlaku jenayah terancang, pemerdagangan manusia, pembunuhan politik dan pelbagai kegiatan haram," katanya.



Salahuddin Ayub diapit Shazni Munir (kiri) dan Abang Ahmad Kerdee dalam sidang media di Wisma Amanah Negara.

Undi perantau penentu politik Kelantan

KOTA BHARU: Pemuda Pakatan Harapan yakin perubahan politik akan berlaku di negeri ini pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Menurut Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hasan, peluang untuk menubuhkan kerajaan baru di negeri ini amat cerah berdasarkan kepada perkembangan situasi politik masa kini.

"Kita semua tahu hakikatnya Pas sebelum ini pun sudah kalah, dan hanya bergantung harap kepada undi perantau yang pulang ke kampung untuk

mengundi.

"Daripada data terkini yang kita dapat, lebih 42,000 pengundi luar menukarkan alamat mereka (kepada tempat tinggal terkini) dan jika sesuatu tidak dilakukan untuk mengambil hati mereka, sudah tentu pemerintahan Pas di negeri ini akan tumbang," katanya memetik sumber media.

Hazmi berkata sesuatu perlu dilakukan untuk membentuk kembali pakatan pembangkang bagi memudahkan pertandingan satu lawan satu pada PRU

akan datang.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Keadilan Kelantan, Mohd Sukirman Mustafa, berkata Pas dijangka tidak akan memberikan laluan mudah kepada Keadilan pada PRU-14 terutama di Kelantan.

"Kita masih lagi menganggap Pas di pihak pembangkang dan akan cuba bekerjasama dengan mereka namun jika gagal, PKR tetap akan mempertahankan serta meletakkan calon di negeri ini dalam PRU kali ini," katanya.



Rafizi harap Hadi terima teguran

NAIB Presiden Keadilan Rafizi Ramli berterima kasih kepada presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menasihati beliau supaya bertaubat namun turut mengingatkan Hadi agar bersikap terbuka terhadap sebarang teguran.

"Seperti mana ingatan Datuk Seri Hadi minta saya bertaubat, saya juga harap Hadi menerima dengan terbuka ingatan saya mengenai dana 1MDB (1Malaysia Development Berhad) yang mengalir dari akaun peribadi Datuk Seri Najib Tun Razak kepada seorang tokoh yang rapat dengan pimpinan Pas," katanya kepada media, 12 April lalu.

Rafizi mengulas kenyataan Hadi yang meminta beliau bertaubat kerana mendakwa Pas menerima dana daripada anak syarikat 1MDB.

Rafizi membuat pendedahan itu pada hari terakhir persidangan parlimen, 6 April lalu selepas Speaker, Tan Sri Pandikar Amin Mulia menengguhkan perbahasan usul rang undang-undang persendirian untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Akta 355 yang dibentangkan Hadi.

Kerajaan diperintah bayar Zunar RM18,000

MAHKAMAH Tinggi Kuala Lumpur 11 April lalu memerintah kerajaan membayar RM18,000 kepada kartunis Zunar sebagai ganti rugi kerana merosakkan lukisan kartun aslinya dan buku "Cartoon-O-Phobia" tujuh tahun lalu.

Zunar atau nama sebenarnya Zulkiflee Anwar Ulhaque menamakan kerajaan, dua anggota polis yang merampas buku-buku kartun dan karya seninya, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar dan Kementerian Dalam Negeri sebagai defendan dalam samannya.

Zunar ditangkap pada 24 September 2010 dan sebuah lukisan yang menggambarkan karektor Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak Najib dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor bersama buku baharu ketika itu, 'Cartoon-O-Phobia' dirampas.

Selepas saman Zunar pada November 2014, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 22 Julai 2012 yang mengarahkan polis memulangkan lukisan dan buku-buku tersebut kepada beliau tetapi lukisan tersebut telah rosak teruk apabila diterimanya.

Dalam kenyataan kepada media, Zunar menegaskan bukan soal wang pampasan yang menjadi keutamaan beliau sebaliknya keputusan ini adalah satu pengajaran kepada polis dan kerajaan Malaysia bahawa menggunakan undang-undang jenayah secara wewenang adalah tidak dapat diterima dan berniat jahat.

Akta Hasutan: Mahkamah dengar rayuan k'jaan 17 Julai

MAHKAMAH Persekutuan menetapkan 17 Julai untuk mendengar rayuan kerajaan terhadap keputusan penting dibuat Mahkamah Rayuan yang mengisytiharkan Seksyen 3(3) Akta Hasutan 1948 adalah tidak berperlembagaan.

Peguam Latheefa Koya yang mewakili Anggota Dewan Undangan Negeri Sri Muda Mat Shuhaimi Shafiei, memberitahu bahawa Timbalan Pendaftar Syahrin Jeli Bohari menetapkan tarikh itu semasa kes itu dikemukakan untuk pengurusan kes 11 April lalu.

Dalam keputusan penting pada 25 November tahun lepas, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Datuk Lim Yee Lan membenarkan rayuan Mat Shuhaimi untuk mengisytiharkan Seksyen 3(3) adalah tidak sah.

Mahkamah Rayuan mengisytiharkan Seksyen 3(3) tidak sah kerana ia bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kebebasan rakyat Malaysia untuk bersuara dan memberikan pandangan.

Keputusan Mahkamah Rayuan itu bermakna pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa seseorang itu mempunyai niat sebelum boleh disabitkan bagi menghasut.

Laporan ARIF ATAN | Foto AMNI JAGAT

RESMI orang berjuang ketika ujian bertandang pasti ramai sahabat memberi sokongan. Majlis Makan Malam Amal Pemuda AMANAH Johor dan Solidariti Mazlan Aliman pada 14 April lalu jelas meraih sambutan hangat daripada pemimpin DAP dan Bersatu.

Kehadiran pemimpin AMANAH Nasional menyaksikan Dewan Akhlak Che Ann Khor di Yong Peng gamat dengan ucapan menyuntik semangat juang terus melawan sesuai dengan 'mood' Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang semakin hampir.

Ceramah Presiden AMANAH, Mohamad Sabu seperti lazimnya terus mencuit hati walaupun tegas tiada kompromi dengan kleptokrasi Umno-BN dan mana-mana parti yang bersekongkol dengan rejim tersebut.

Mazlan yang sudah sinonim dengan perjuangan menuntut keadilan buat warga Felda juga tentunya jadi faktor menarik kehadiran Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub; Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad dan Pengarah Strategi AMANAH Nasional, Dr Dzulkefly Ahmad.

Hadir sama dalam majlis dimudahcarakan Ketua Pemuda AMANAH Johor, 'Asim Abdullah Ainullofti adalah Setiausaha Organisasi AMANAH, Suhaizan Kaiat; Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan; Pengerusi AMANAH Melaka, Adly Zahari dan Ketua AWAN Johor, Norhayati Bachok.

Penampilan individu 'populer' di Buletin TV3 - Penasihat DAP, Lim Kit Siang merangkap Ahli Parlimen Gelang Patah dan Pengerusi DAP Johor juga Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong tanda muafakat Pakatan Harapan tidak mudah dipatahkan.

Bahkan, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Yong Peng, Chew Peck Choo serta Ketua Pembangkang Johor merangkap Adun Penggaram, Gan Peck Cheng turut hadir mengisi salah satu daripada 36 meja pada malam Sabtu itu.

Difahamkan Ahli Parlimen Batu Pahat, Datuk Idris Jauzi berhalangan untuk hadir walaupun pihak urusetia memaklumkan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dan Idris sendiri antara pimpinan PKR yang turut membeli meja sempena jamuan makan malam amal itu.

Sejuk juga mata memandangi melihatkan pimpinan Bersatu Ayer Hitam teruja untuk bergambar kenangan dengan Kit Siang dan pimpinan DAP yang lain selepas majlis berakhir kira-kira pukul 11 malam.

Kedatangan Setiausahanya, Marizan Sabtu; Ketua Penerangan, Syahlan Natiran serta Ketua Armada Ayer Hitam, Ahmad Mustafa simbol bermakna kepada jalinan kerjasama politik meniti PRU14.

Umpama antara dua darjat, ketika pendapatan setahun Tan Sri Isa Samad ketika menjadi Pengerusi Felda pernah dilapor mencecah RM1,790,734, golongan peneroka pula didedah menanggung hutang sebanyak RM131,928.48.

Apa lagi Mazlan sebagai Pengerusi Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) yang berdepan saman berjumlah RM500,000. Justeru, kutipan sumbangan sebanyak RM13,000 pada majlis makan malam itu bukti Mazlan tidak berseorangan.

Bahkan, kehadiran tokoh penulis Ahmad Lutfi Othman meskipun berada dalam keu-

zuruan dengan menyumbang sejumlah bukunya, 'Lorong Sunyi Media Bebas' bagi mengisi tabung Mazlan bukti perjuangan tidak pernah mengenal erti sakit.

Majlis anjuran Pemuda AMANAH Johor itu membawa mesej besar bahawa permuafakatan Pakatan Harapan sentiasa membela pejuang sebenar rakyat.



Imam Za'ba mengucapkan terima kasih kepada penyumbang.



Malam Pakatan rai pejuang

Mohamad bertanyakan sesuatu kepada Lutfi.





Mohamad menyampaikan sumbangan kepada Mazlan sambil diiringi para pemimpin Pakatan Harapan yang hadir.



Mazlan berkongsi meja bersama pemimpin AMANAH Nasional dan negeri.



Wakil DAP turut hadir menyatakan solidariti.

n Harapan g rakyat



Suhaizan, Ahmad Lutfi dan Imam Za'ba turut bersolidariti.



Suasana dewan tempat majlis berlangsung.



Barisan Pemuda AMANAH Johor bergambar ramai seusai majlis.

Susulan lantikan Hishammuddin sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas Menambah kos, portfolio bercelaru

PEMUDA AMANAH Nasional berpendapat pelantikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri dengan Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri hanya menambahkan kos dan meningkatkan kecelaruan potfolio antara menteri-menteri kabinet.

Ketuanya, Sany Hamzan berkata, pihaknya sebelum ini telah menggesa kerajaan mengurangkan bilangan jawatan yang dilihat tidak berperanan dan bertindih bagi mengurangkan kos serta memastikan kecekapan perjalanan pentadbiran.

"Sedangkan tugas Timbalan Perdana Menteri adalah membantu secara rasmi kerja-kerja dan peranan Perdana Menteri namun pelantikan Hishammuddin menzahirkan bahawa Najib lebih percaya dan mahu memberikan ruang lebih besar terhadap sepupunya itu," tegasnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pelantikan Hishammuddin yang secara mengejut dengan potfolionya sangat kabur itu sehingga mencetuskan pelbagai spekulasi membuktikan kepimpinan Umno dalam keadaan bergolak.

"Pemuda AMANAH Nasional melihat tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu seolah-olah merendahkan peranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Zahid Hamidi.

"Umum mengetahui, Zahid bukanlah tokoh yang benar-benar 'sealiran' dengan Najib dan ramai melihat Zahid adalah 'ancaman' besar terhadapnya. Ini menyebabkan Najib perlu memberi kuasa baharu kepada Hishammuddin dalam meneruskan legasi kepimpinan mengikut kemahuaannya," ujar beliau.

Najib dalam satu kenyataannya pada 12 April lalu mengumumkan pelantikan Hishammuddin dengan memaklumkan sepupunya itu kekal sebagai Menteri Pertahanan.

Mengulas lanjut, Sany berkata, Hishammuddin seolah-olah tidak tahu peranannya sebagai Menteri Pertahanan yang merangkumi semua skop melibatkan keselamatan negara termasuk Sabah.

"Hishammuddin berkata, satu daripada tugasnya sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas adalah membantu Perdana Menteri memantau keselamatan Sabah dan Kawasan Keselamatan

Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), sedangkan peranan jawatan barunya itu selari dengan tugas Menteri Pertahanan yang sedang disandangnya.

"Hishammuddin juga berkata beliau belum bersedia untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai tugas selebihnya sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas. Sedangkan, bagi kami sebagai kerajaan yang diberi kuasa oleh rakyat, mereka perlu memaklumkan tugas-tugas menteri secara rasmi," tegas Sany.

Tambahnya, pelantikan tersebut juga jelas memberi isyarat bahawa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan diadakan dalam tempoh terdekat.

"Najib akan berundur kerana terpaksa menerima hakikat liabilitinya kepada BN dan akan mewajahkan Hishammuddin sebagai penggantinya," katanya lagi.



SANY HAMZAN



FAIZ FADZIL

RUU 355 tongkat kepada Umno

TIMBALAN Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil menganggap pimpinan Pas hari ini hanya menyambung hayati Umno dengan polemik isu Rang Undang-Undang (RUU) 355.

Menurutnya, pesanan bekas Mursyidul Am Pas, Almarhum Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini supaya 'mematahkan tongkat' kepada Umno tidak lagi dipatuhi. "Rakyat semakin keliru, apa sebenarnya yang diinginkan oleh pimpinan Pas selepas pemergian Almarhum Tuan Guru Nik Aziz. Pesan Tuan Guru, kalau nak kalah Umno, mesti patahkan tongkat.

"Tapi apakah Pas kini sedang mematahkan tongkat tersebut atau memberi tongkat

kepada Umno untuk menyambung hayati mereka yang semakin tercungap-cungap?" soalnya pada program pidato Pakatan Harapan di Kampung Petani, Permatang Pauh, 16 April lalu.

Beliau menyifatkan rakyat semakin keliru apabila Pas masih lagi ingin tidur sebentar dengan Umno walaupun terlalu banyak penyalahgunaan kuasa, urus tadbir dan salah laku dalam kepimpinan Umno.

"Takkanlah seseorang itu akan bermati-matian membela pihak lain kalau tak ada yang memanfaatkannya. Kalau menyokong Umno suatu kerugian, tak mungkin Pas sanggup untuk bertindak sedemikian. Sudah pasti ada keuntungan yang menjadi percaturan,"ujarnya.

Mengulas cadangan Pas untuk bertanding 80 kerusi pada pilihan raya umum yang akan datang, Faiz berpendapat kemenangan kesemua kerusi itu tidak mungkin dapat membentuk sebuah kerajaan tanpa berpakat dengan Umno untuk menubuhkan kerajaan berdasarkan kerusi yang dimenangi Umno.

"Memenangkan Umno adalah agenda mereka bagi memastikan Pakatan Harapan kecundang dan kalah dalam pilihan raya yang akan datang," tegas peguam itu lagi.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat supaya celik, bangkit dan menetapkan pendirian dengan menolak Pas dan Umno dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti.



BERJALAN LANCAR... Barisan Pemuda AMANAH Johor bergambar kenangan dengan Pengerusi Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman di Dewan Akhlak Che Ann Khor di Yong Peng. Dihadiri pemimpin Pakatan Harapan dan Bersatu, Majlis Makan Malam Amal Pemuda AMANAH Johor dan Solidariti Mazlan Aliman pada 14 April lalu mendapat sambutan baik dengan sebanyak 36 meja berjaya dijual.

Menanti rasa manusiawi massa

Oleh **ARIF ATAN**

PEMBUNUHAN di Sungai Perak itu menjadi bualan ramai. Nyawa penjaja yang malang itu direntap di depan mata. Ramai tidak bersetuju dengan kezaliman yang berlaku tetapi tidak bersungguh-sungguh membantah.

Bahkan, lima atau enam orang saksi yang bergegas keluar dari rumah pergi ke tebing sungai selepas mendengar jeritan meminta tolong kira-kira jam 8 malam itu kemudiannya pulang ke rumah lalu tidur.

Esoknya, apa yang dibualkan seputar berapa banyak hasil yang dirompak oleh tiga pembunuh diketuai Ngah Perang itu. Kematian Melayu pendatang bernama Lenggang yang menyara hidup dengan menjaja dari perahu tersebut nampaknya belum cukup menggugat rasa manusiawi.

Jika ada pun yang bersimpati, mereka hanya berdiam diri kerana bimbang diancam penjahat terbabit. Itu rakaman peristiwa pada tahun 1892 yang dicatat pegawai tinggi Inggeris, Frank Swetten-

ham dalam bukunya, "Malay Sketches".

Sudah diterjemah kepada "Perihal Orang Melayu" (2003) oleh pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM), Dr Zubaidah Ibrahim, insiden mayat Lenggang dalam perahunya yang kemudian hanyut melintasi kampung Pulau Tiga itu masih relevan diperkatakan pada masa ini.

Ya. Sikap peduli bersulam rasa manusiawi yang tinggi. Sejauhmana nilai tersebut mengakar umbi dalam diri ketika kita galak menggendangkan tuntutan keadilan?

Adakah suara apa lagi usaha sebenar-benar usaha untuk membela golongan tertindas itu bergantung pada kelas sosial yang dimiliki? Jika individu itu seperti Lenggang yang cuma Melayu pendatang maka nasibnya entah tidak dipandang?

Wacana tentang kepedulian kita tentulah tidak adil jika hanya bersandar pada catatan penjajah. Mungkin ada sisi yang tidak diceritakan atau diseleweng daripada apa yang tersurat dan tersirat di sebalik tragedi Lenggang yang berlaku pada 125 tahun lalu itu.

Jadi, ayuh kita menyelam lebih 300 tahun lampau melalui naskah "Hikayat Hang Tuah" yang dipercayai dikarang selepas tahun 1641. Tipisnya rasa kemanusiaan dapat dilihat pada kegagalan Hang Tuah untuk mengambil tindakan menghentikan amukan Hang Jebat sehingga 700 dayang istana terbunuh sebelum bertarung dengannya.

Sekali lagi, Hang Tuah tidak berbuat apa-apa ketika Hang Jebat yang menuntut bela ke atas ketidakadilan raja yang menzalimi Hang Tuah membunuh ribuan rakyat Melaka sehingga diceritakan mayat bertimbun-timbun di segenap ceruk kampung, lorong, pintu dan jambatan sebelum Hang Tuah menikamnya sampai mati.

Hari ini kita menyaksikan bukan sedikit rakyat Malaysia majoritinya anak muda yang dijerut hidupnya dengan akta drakonian. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) biarpun tamat riwayatnya semacam diganti dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau Sosma.

Ketika prinsip Kedaulatan Undang-

undang disebut dalam Rukun Negara, rakyat Malaysia bila-bila masa sahaja terdedah pada jentikan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (Akta 769) atau POTA, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) atau POCA termasuklah Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776).

Lazimnya, faktor keselamatan negara dijadikan alasan walaupun nilai kemanusiaan bukan lagi keutamaan kepada pertimbangan seperti dilihat pada tindakan menghukum seseorang sebelum terbukti bersalah.

Terdedah kepada pelbagai bentuk kemungkinan, tindakan yang tidak demokratik dan tidak berperlembagaan tentunya bercanggah dengan hasrat kita untuk melihat masyarakat yang adil dan sejahtera.

Nur Hadi Mohamad, 26, dari Rawang, Selangor direman kerana mengkritik peranan China dalam projek Forest City yang dibimbangi mengancam kedaulatan Johor. Malangnya, coretan anak muda berkenaan di Facebook didakwa mengkritik Sultan Johor dan

disiasat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Anggota polis berpangkat Lans Koperal, Mustaza Abdul Rahman, 30, pula sudah lapan bulan ditahan Sosma. Bapa kepada seorang anak perempuan berusia tiga tahun itu dituduh memberi sokongan kepada pengganas.

Nasib sama menimpa bekas pelajar Sarjana Usuluddin, UM, Siti Noor Aishah Atam, 29, apabila ditahan tanpa melalui percabaran mahkamah yang sewajarnya ekoran memiliki 12 buah buku berkaitan kumpulan militan.

Jika ratusan tahun lalu, ribuan rakyat Melaka dibunuh tanpa pembelaan serta nyawa Lenggang berakhir tanpa diiringi rasa terkilan apa lagi berusaha menuntut keadilan, mungkinkah sikap tidak peduli itu tanpa sedar diwarisi sehingga kini?

Dengan realiti mutakhir ini yang menyaksikan belia menghabiskan empat jam sehari dengan melayari media sosial, bilakah nasib yang menimpa anak muda seperti Nur Hadi, Mustaza dan Aishah akan membangkitkan rasa manusiawi massa?

Kelolaan ARIF ATAN

Isu pagar penghadang automatik UIAM

Tangguh untuk bunuh momentum melawan

AKTIVIS mahasiswa, Rahman Imuda menyifatkan proses rundingan penuntut dengan pihak pentadbiran universiti dalam banyak keadaan tidak membuahkan hasil yang sewajarnya kerana ketetapan telah diputuskan awal sebelum itu.

"Biasanya, pelaksanaan dasar atau peraturan baharu akan ditangguh untuk membunuh momentum melawan pelajar. Lebih malang lagi, apabila MPP (Majlis Perwakilan Pelajar) yang dilantik tidak membawa aspirasi pelajar tapi lebih memilih hidup senang dengan 'angguk' terhadap semua arahan pentadbiran," ujarnya.

Beliau berkata demikian mengulas isu pelaksanaan pagar penghadang Automatic Lane Barrier (ALB) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sejak awal tahun ini yang menimbulkan rasa tidak puas hati majoriti pelajar.

Bahkan, 'dry run' yang dilakukan pada 17 Januari lalu difahamkan turut menyebabkan pensyarah dan kakitangan UIAM tidak berpuas hati sehingga ditangguh pada 4 Februari.

Untuk rekod, pihak pentadbiran memanggil Student Representative Council (SRC) untuk sesi penerangan pagar penghadang automatik itu pada 11 Januari lalu.

Menurut Rahman, kesimpulan awalnya menyaksikan hal berkenaan berlaku tetapi pada masa sama mengingatkan bahawa polisi pentadbiran universiti yang tidak munasabah adalah musuh sebenar mahasiswa.

"Kita mahasiswa tidak memusuhi admin (pentadbiran). Musuh kita adalah dasar atau peraturan yang menyusahkan pelajar tanpa sebab yang rasional," tegasnya dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

AKSES MAKLUMAT

Dalam hal berkaitan, penuntut UIAM, Nada Safiyya menganggap pelaksanaan ALB di UIAM Gombak itu mengundang banyak kekeliruan kepada pelajar memandangkan tiadanya penjelasan daripada pihak Office of Security Management (OSeM).

"Sewaktu, 'dry run' dijalankan (4 Februari lalu), berlaku kesesakan lalu lintas di depan pagar sehingga menyusahkan seluruh komuniti UIAM termasuk perkhidmatan



awam seperti bas, teksi, Uber dan Grab.

"Situasi ini menimbulkan kemarahan sehingga terdapat cadangan dari pihak pelajar untuk mengadakan demonstrasi bantahan. Didesak kemarahan pelajar, rektor UIAM bersetuju untuk bertemu pelajar UIAM dalam sesi dialog pada petang 6 April," ujarnya.

Walau bagaimanapun, jelasnya, pihak rektor gagal untuk menjawab soalan penuntut berkaitan kos dan akses kepada kertas kerja pelaksanaan ALB yang dikatakan melibatkan kajian sejak tiga tahun lalu.

"Rektor menegaskan beliau hanya mahukan sesi penambahbaikan implementasi, sedangkan sewaktu mula diimplementasi tiada perbincangan dengan para pelajar.

"Hal ini membuatkan para pelajar terkilan dengan reaksi pihak autoriti yang sepatutnya bersikap telus terhadap sebarang pelaksanaan dan penambahan infrastruktur dalam



RAHMAN IMUDA

kawasan UIAM," tegas Nada Safiyya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pentadbiran UIAM membenarkan warga UIAM memiliki akses kepada kertas kerja serta maklumat berkaitan kos terperinci pelaksanaan pagar penghadang automatik itu sebagai hak yang perlu diketahui pelanggan institusi.


"Jika benar pelajar dilayan sebagai pelanggan kepada institusi akademik ini yang memberi perkhidmatan kerana pelajar membayar yuran, kos-kos yang terlibat dalam sebarang transaksi wajar diperlihatkan kepada para pelajar," tegasnya lagi.

Kala 'perang' belum reda

APA kata mahasiswa menelaah buku berjudul 'Hududisme: Antara Retorik dan Realiti' terbitan Ilham Books tahun lalu ini kala 'perang' polemik Rang Undang-undang (RUU) 355 di media sosial masih belum reda.

Fenomena pemikiran yang menjadikan hudud sebagai ideologi yang kemudian menganjak kepada RUU 355 mearakkan gejala takfiri iaitu mengkafirkan orang lain melampaui tekanan sebenar sosio-ekonomi yang masing-masing alami.

Serangan penyokong tegar Pas terhadap pihak yang mengkritik proses pembentangan usul pindaan Akta 355 begitu memuncak pasca 6 April lalu walaupun Ahli Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang merangkap Presiden Pas mengakui RUU 355 bukan pintu belakang ke arah pelaksanaan hukum hudud di negara ini.



Tidak hairanlah cadangan untuk menambah hukuman syariah kepada 100 sebatan, 30 tahun penjara dan RM100,000 denda itu yang masih juga dianggap sesetengah pihak sebagai kejayaan awal untuk pelaksanaan hudud dijangka menjadi umpan politik Pas-Umno menghampiri musim Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Menghimpunkan 12 penulis terdiri daripada mufti, peguam dan ahli akademik, buku disunting Exco Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dr Zulkifli Hasan ini berusaha mengajak pembaca untuk memahami wacana hudud secara lebih rasional berpaksikan ilmu.

Antara hujah wajar diperah adalah daripada Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin; Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa serta peguam dan Jawatankuasa Khas Hudud Kelantan, Dr Zulqarnain Lukman.

Turut memberi pencerahan Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Zulkifli Muhammad Al Bakri; pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mahyeddin Salleh dan calon PhD University of Leeds, Mukhriz Mat Rus.

Meminjam hujah Dr Mujahid yang hadir dalam dua premis perbahasan hudud: "... berpandukan kepada panduan syariat dan bukan perbahasan emosi yang menghodohkan wajah Islam itu sendiri."

Justeru, menghadami wacana dalam buku setebal 227 halaman ini menjadikan mahasiswa insaf pentingnya pendekatan wasatiah dan mendahului pelbagai agenda lain dalam tatbiq al Syariah atau pelaksanaan syariat di negara ini.

Lebih setahun menanti

TIADA jaminan untuk pelajar perubatan untuk memperoleh pekerjaan selepas lima tahun bergelung dengan ilmu berkenaan.

Isu penempatan graduan jurusan perubatan untuk latihan pegawai (housemanship) dilihat masih gagal ditangani kerajaan Umno-BN yang pada masa ini galak melaungkan Transformasi 2050 (TN50).

Pengumuman keputusan penempatan mereka di hospital dan klinik awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terus menjadi tanda tanya sekaligus menjadikan graduan perubatan dihimpit dilema.

Menurut Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching ada antara penuntut terbabit menanti lebih setahun untuk penempatan di hospital kerajaan.

Pengumuman yang dijadualkan dibuat pada 17 April lalu sebaliknya secara tiba-tiba ditangguhkan ketika ramai graduan perubatan terpaksa menunggu lama sebelum mereka dapat berkhidmat di hospital kerajaan.

"Penantian tanpa sebarang petanda ia akan berakhir meletakan graduan perubatan dalam kedudukan terawang-awang dan melenggahkan mereka untuk berkhidmat di klinik atau

hospital," ujarnya pada 18 April lalu.

Graduan perubatan terbabit sedang menanti keputusan temuduga yang akan menentukan sama ada mereka berpeluang menjadi doktor pelatih.

Tahun lalu, hanya 1,687 daripada 3,474 graduan perubatan yang ditemuduga diberi penempatan di hospital kerajaan.

Kerajaan dilihat buntu dalam menyelaraskan penempatan graduan perubatan apabila Kementerian Kesihatan tahun lalu mencadangkan agar mereka berkhidmat di Kementerian lain.

Tiada penyelesaian yang sewajarnya di pihak kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan perjawatan bagi pegawai perubatan baharu di hospital kerajaan bukti kepakaran anak watan disia-siakan.

Pada masa sama, kerajaan masih tidak mempunyai mekanisme dalam mengatasi masalah tekanan kerja yang dialami graduan perubatan ketika menjalankan latihan.

Menurut sumber Kementerian Kesihatan daripada jumlah 5,000 graduan perubatan yang diterima setiap tahun, sebanyak 1:5 bertindak untuk berhenti kerana tekanan kerja dan tidak mempunyai minat mendalam.

“ Tahun lalu, hanya 1,687 daripada 3,474 graduan perubatan yang ditemuduga diberi penempatan di hospital kerajaan.

Latiff Mohidin dan Tekad Budaya

MINTA maaf! Awal-awal saya minta maaf kalau judul tulisan ini menyebabkan ada orang jadi tersalah faham. Latiff Mohidin memang tak ada kena mengena dengan faham atau gagasan Tekad Budaya yang sering saya perkatakan sekitar tujuh-lapan tahun ini.

Fikiran saya tersangkut dengan nama Latiff Mohidin apabila saya berfikir perihal "menghidupkan semula peranan seniman-budayawan dalam masyarakat" baru-baru ini, sempena forum yang dibuat dalam Pertemuan Seni @USAS Kuala Kangsar 7-9 April.

Latiff Mohidin dilihat sebagai seorang 'seniman tulen' -- yang hidupnya seluruhnya ditumpukan kepada berkarya seni, tanpa mempedulikan hal-hal lain dalam masyarakatnya. Umumnya demikianlah orang beranggapan dan memahaminya.

Dan memang kelihatannya pun demikian, hingga apabila Pertemuan Seni @USAS 2017 memilih judul forumnya "menghidupkan semula peranan seniman-budayawan dalam masyarakat", ada fikiran yang menimbulkan soalan: apakah Latiff Mohidin seorang seniman yang tidak sempurna kesenimanannya kerana dia berkarya tanpa mempedulikan hal masyarakat sekeliling?

Lalu saya membalas soalan itu dengan soalan: benarkah Latiff Mohidin tidak pedulikan hal masyarakat sekeliling? Apakah mungkin dia menghasilkan karya-karyanya sedemikian itu dengan tidak mempedulikan hal masyarakat sekeliling?

Memang kelihatannya begitu. Karya-karyanya terutama puisi, kelihatannya tidak mempedulikan hal masyarakat sekeliling. Itu kalau kita melihatnya atau membacanya sepintas lalu. Tetapi cuba kita meneliti puisi-puisinya

atau cuba kita 'masuk' ke dalam puisi-puisinya. Akan kita temui bahawa di dalam kebanyakan puisinya itu terdapat hal masyarakat yang 'dipedulikannya'; atau yang menjadi sumber inspirasinya.

Saya sengaja mengungkit perkara ini tiba-tiba, kerana saya dapati kebanyakan kita cepat membuat tanggapan yang salah apabila saja disebut bahawa seniman-budayawan perlu menghidupkan peranan atau memainkan peranan di dalam masyarakat.

Kata 'memainkan peranan' itu yang selalu disalah tanggap. Kebanyakan seniman-budayawan dan malah ilmuwan kita sering berfikir bahawa 'memainkan peranan' itu adalah seperti orang-orang politik atau orang-orang agama atau orang-orang yang memperjuangkan isu-isu kemasyarakatan/ sosial memainkan peranan.

Kenapa kita tidak fikirkan 'peranan' yang dimaksudkan di sini ialah peranan kita sebagai seniman dan budayawan? Atau apakah kita memang berfikir bahawa yang dikatakan seniman dan budayawan itu tidak seharusnya mempunyai apa-apa peranan pun, selain daripada berkarya?

Tetapi sebenarnya bagaimanakah mungkin kita berkarya kalau kita tidak mempedulikan hal-hal di sekeliling kita? Saya kita itu adalah sesuatu yang tidak mungkin.

Memahami itu, saya rasa tidaklah sukar untuk kita memahami pula maksud seniman 'memainkan peranan' di dalam masyarakat. Bukan memainkan peranan orang politik atau orang agama atau apa-apa pun bidang kemasyarakatan, tetapi memainkan peranan sebagai seniman, atau sebagai budayawan.

Maka saya katakan Latiff Mohidin adalah seorang seniman yang telah memainkan

peranan yang penting dalam masyarakat. Dia telah menghasilkan karya-karya, lukisan terutama, yang mencapai mutu yang diiktiraf di peringkat dunia.

Dia seorang seniman yang sedar dan punyai hargadiri dan berjaya memelihara dan mempertahankan kebebasan kesenimanannya sepanjang hidupnya hingga ke usia 77 tahun sekarang. Dia memberikan suatu contoh 'kebebasan seniman' yang selalu disebut orang tetapi tidak selalu difahami dan dimengerti itu.

Paling mudah dilihat dan dimengerti bahawa Latiff Mohidin telah memainkan peranan yang penting itu, selain yang disebut di atas, ialah dia mengasaskan dan membangunkan kelompok seniman yang dikenali dengan nama "Kumpulan Anak Alam". Dan ini dilakukannya di tengah-tengah kota kosmopolitan yang waktu itu sedang membangun nilai-nilai komersil dan kapitalistik yang tak peduli kemanusiaan itu.

Apakah Latiff Mohidin seorang seniman yang hanya berkarya untuk dirinya dan tidak pedulikan masyarakat sekeliling, dan tidak memainkan perannya di dalam masyarakat?

Cubalah sesiapa pun hari ini tubuhkan sebuah kumpulan seniman yang seperti Kumpulan Anak Alam itu, dan mendapatkan sebuah banglo yang punya kawasan sekeliling yang luas, di tepi Padang Merbuk yang terkenal di Kuala Lumpur itu, yang memungkinkan sejumlah anak muda tinggal dan berkarya di situ!

Dia dengan gayanya yang unik tersendiri itu, berjaya memimpin sekumpulan anak muda yang meminati senilukis dan puisi, tanpa memperlihatkan gaya seorang pemimpin pun. Saya waktu itu sering berkunjung ke rumah istimewa itu, dan malah sering duduk bersan-



di kamar pribadi Latiff sambil mendengar lagu-lagu Joan Baez dan Bob Dylan yang sering dipasangnya.

Menghadirkan sebuah kumpulan seniman yang seperti Kumpulan Anak Alam itu di tengah-tengah masyarakat kota kosmopolitan Kuala Lumpur -- itu adalah suatu pelaksanaan peranan seniman-budayawan yang sangat penting, yang telah dilakukan dengan begitu bersahaja oleh Latiff Mohidin. Dan peranan yang sepenting itu belum dapat dilakukan oleh seniman-budayawan lain lagi selepas itu.

Dan mereka yang masih kabur-kabur dengan perkara ini saya cadangkan cubalah baca catatan-catatan pendek yang ditulis Latiff selama bertahun-tahun dan akhirnya dikumpulkan dan diterbitkan tahun 2010 dengan judul "Catatan".

Jangan terkejut membaca catatan kedua dalam buku setebal 397 mukasurat itu yang semacam memberi jawapan kepada persoalan yang kita bincang ini: "Catatan Kecil; Jun 1971: Para penulis ASAS 50, umumnya menulis tentang manusia dan alam, sebagaimana seharusnya. Aku masih menulis tentang manusia dan alam, sebagaimana adanya."

Dan catatan pendeknya yang keempat, di halaman yang sama: "Kepada Teman di DBP: Kepada teman yang mulai risau akan dilanda teknologi baru: 'Sastera tetap terus ditulis dan dibaca supaya kita kenal apa itu insan/manusia.'" ■

Harapan dunia pada kemenangan Erdogan

Oleh **ABUFIRDAUS**

PRESIDEN Recep Tayyip Erdogan memenangi referendum yang memberikan beliau kuasa perdana menteri dan melantik hakim tanpa perlu persetujuan parlimen. Ia merupakan perubahan sistem pemerintahan bagi Turki iaitu daripada keparlimenan kepada kepresidenan.

Rakyat Turki terbahagi dua. Di satu pihak ada yang mahukan Erdogan memiliki kuasa yang banyak bagi memudahkan pemerintahan. Pihak yang lain pula menolak presiden memiliki kuasa kerana bimbang Erdogan bertambah autoritarian hingga menjadi diktator.

Kebanyakan rakyat di pedesaan menyokong presiden diberikan kuasa lebih banyak sementara penduduk bandar mahukan kuasa ketua negara mereka dihadkan seperti yang ada selama ini. Dunia Barat menolak Erdogan kerana bukan saja

tidak mahu beliau menjadi diktator tetapi bimbang Turki akan menjadi Negara Islam.

Sebab itulah juga media Barat turut menyebelahi pihak yang menentang pemberian kuasa yang lebih dengan menghalang orang Erdogan berkempen di Eropah khususnya di Jerman dan Belanda.

Tetapi kempen dalam referendum itu boleh disifatkan sebagai tidak benar-benar menepati demokrasi kerana ia dilakukan dalam undang-undang darurat di mana banyak sekatan yang dikenakan ke atas aktiviti kempen.

Ditambah pula banyak akhbar yang membangkang Erdogan telah diarahkan tutup. Sejak cubaan rampasan kuasa yang gagal tahun lalu banyak wartawan, ahli akademik dan kakitangan kerajaan yang ditangkap.

Keputusan referendum itu jelas menunjukkan majoriti memberi kemenangan pada Erdogan. Penyokong-penyokong Parti Kea-

dilan dan Pembangunan (AK) tentu memihak padanya. Tetapi begitu juga dengan para nasionalis sekular pendukung Attaturk dan penentang Kurdis juga memberi undi ya pada referendum itu.

Ini kerana mereka juga mahukan kedudukan kuat untuk presiden supaya Turki boleh utuh dan mampu berdepan dengan Barat, khususnya berkaitan dengan perjuangan pemisahan Kurdis. Namun mereka tidak mahukan sebarang kecenderungan pada politik Islam.

Pihak yang menolak Erdogan adalah terdiri daripada para sekularis, demokrat, sosialis, liberal, golongan Islam anti-Erdogan dan pro-Kurdis. Begitu juga dengan majoriti rakyat Turki yang menjadi warganegara Jerman, Belanda atau negara-negara Eropah lain yang menolak kecenderungan Erdogan untuk menjadi autoritarian.

Tetapi kebimbangan pihak Barat bahawa Erdogan mempunyai agenda untuk menjadikan Turki se-

bagai sebuah republik Islam adalah keterlaluan. Mereka membayangkan Erdogan sebagai seorang yang bercita-cita untuk menjadi sultan dalam kerangka apa yang dipanggil sebagai neo-Ottoman atau Usmaniah baharu. Sentimen ini adalah suatu bentuk Islamofobia, iaitu perasaan takut pada Islam yang sebenarnya hanya merupakan bayangan dan momokan.

Perasaan inilah yang menimbulkan rasa kegembiraan di kalangan pihak Barat apabila berlaku rampasan kuasa untuk menjatuhkan Erdogan tahun lalu. Mereka menolak tindakan bercanggah demokratik itu tetapi harapan mereka adalah supaya Erdogan, seperti mana Presiden Mesir, Mohamad Morsi dijatuhkan oleh pihak tentera, suatu tindakan yang dialu-alukan oleh pihak Barat.

Namun realitinya, tidak timbul bahawa Republik Turki akan menjadi negara Islam walaupun tidak dapat dijangkakan ke mana beliau

akan membawa negaranya dengan kuasa baharunya. Apa saja boleh berlaku dengan memiliki kuasanya. Ia boleh menjadi lebih autoritarian atau beliau tidak akan menggunakan kekuasaan baharunya untuk melakukan sesuatu yang lebih mengongkong.

Zaman ini boleh dikatakan era pasca-negara Islam. Apa yang penting Erdogan sebagai individu dan pemimpin melaksanakan tugasnya secara baik menurut kehendak Islam. Pelaksanaan Islam boleh dilakukan dengan pelbagai kaedah hinggalah apa saja bentuk yang baik boleh dikatakan sebagai negara Islam.

Sebab itu dunia, termasuk negara-negara Islam mengharapkan Erdogan menggunakan kuasanya dengan bijak. Rakyat Turki telah memberikan beliau kuasa yang lebih besar. Semoga dunia dan negara-negara Islam tidak berasa kecewa dengan kepemimpinannya.

Sami tua di Pulau Chaungzon

SEAWAL pagi kami menuju ke pengkalan perahu di hujung kota Mawlamyine. Tujuannya untuk menyeberang ke Chaungzon, sebuah pulau kecil sekitar sejam perjalanan melalui jalan air. Tujuannya untuk meneliti sebuah kasus penglibatan kumpulan agama dalam kempen pilihan raya di sana.

Biar masih awal, pengkalan sudahpun dipenuhi ratusan penumpang yang ingin menyeberang. Ada yang berlunggang, ada yang membawa barang. Dari sekecil-sekecil beg galas, sehingga ke sebesar-besarnya guni dan kotak berisi keperluan harian. Ada juga yang mengusung motosikal bersama.

Perahu atau tongkang berenjin diesel adalah satu-satunya bentuk pengangkutan yang ada untuk ke pulau kecil tersebut, kira-kira sejam perjalanan dari Mawlamyine.

Perahu ini dinaiki beramai-ramai tanpa ada had tetap. Selagi muat, selagi sempat. Perahu yang lebih besar seperti bot nelayan hanya untuk kegunaan komersial dan kargo.

Suasana di pengkalan Mawlamyine ini saling tidak tumpah seperti adegan dalam babak awal filem "Pendekar Bujang Lapuk". Cuma lebih ramai dan tidak ada P Ramlee yang bermain seruling.

Kami asalnya sudah pun berada dalam barisan penumpang yang menunggu giliran, sehinggalah seorang pengendali perahu menghampiri kami dan menawarkan perahu beliau tanpa perlu berkongsi dengan penumpang lain. Harganya sepuluh kali ganda bayaran perahu biasa yang sedang kami tunggu.

Awalnya kami menolak. Bukan kerana harganya (50,000 Kyat atau RM150.00), tapi kerana sejak awal pagi, ramai yang telah lama menunggu. Tak akan lah hanya kerana kami berduit, kami boleh memotong giliran dan menyewa keseluruhan bot yang sepatutnya boleh digunakan ramai lagi yang lain.

Akhirnya kami bersetuju apabila ditengarang bahawa perahu tersebut adalah milik persendirian, dan terletak di jeti lain. Bukan perahu penumpang seperti yang sedang kami tunggu, sebaliknya lebih kecil.

Kami akhirnya tiba di Chaungzon sejam kemudiannya.

Agak aneh apabila saya pelajari yang pulau ini bukan pulau perikanan seperti Pulau Ketam. Bukan juga pulau peranginan seperti Tioman. Jauh sekali pulau perindustrian seperti Pulau Pinang. Pulau ini hanyalah sebuah pulau yang mempunyai penduduk dan aktiviti komersial tempatan.

Masa kami di Chaungzon agak suntuk. Kami perlu selesaikan urusan kami sebelum matahari mulai terbenam, atau kami akan terlepas perahu terakhir untuk pulang ke Mawlamyine. Di Chaungzon tidak ada tempat penginapan yang boleh kami diami.

Setelah bertemu dengan polis dan pihak-pihak berkuasa yang lain, kami terus menyusur perjalanan ke tengah pulau dengan kenderaan seakan tuk tuk yang kami sewa untuk tempoh sehari. Di tengah pulau, kami mencari sebuah sekolah dhamma, iaitu pondok pengajian Buddha yang sama konsepnya seperti mahaad tahfiz. Bukan sebarang sekolah dhamma yang kami cari, sebaliknya antara yang terbesar di Mon, milik kumpulan pelampau agama, Ma Ba Tha.

Perjalanan kami agak terganggu juga. Beberapa kali kami ditahan polis yang bertanyakan tujuan dan latar belakang kami. Myanmar adalah negara yang sangat paranoid apabila berdepan dengan warga asing, apa lagi di kawasan bukan pelancongan.

Biar demikian, kami akhirnya tiba juga ke tempat yang kami cari. Pamandu tuk



tuk tersebut dengan yakin menurunkan kami di sebuah sekolah dhamma. Benar, ini tempatnya jika menurut peta, dan benar, ini adalah sebuah sekolah dhamma yang agak besar, namun ianya kosong.

Tiada sesiapa menyambut, tiada juga tanda nama yang menunjukkan

sekolah ini adalah sekolah Ma Ba Tha.

Mujur ia tidak berpagar dan tidak berkunci. Kami melangkah masuk dan mencari kalau ada penghuni yang boleh kami temui. Akhirnya di sebalik dewan sembahyang, dari jauh kelihatan sebuah pondok kecil yang terbuka pintunya. Di balik pintu, kelihatan seorang sami tua sedang membaca akhbar seorang diri di atas kerusi malas.

Kami menghampiri pondok beliau. Sebagai orang yang banyak membaca dan mengikut berita serta tulisan tentang Ma Ba Tha, dan mendengar nama mer-

eka disebut-sebut setiap hari, peluang untuk akhirnya bersua sendiri dengan mereka adalah pengalaman yang mengujakan. Róisai teman saya sejak awal lagi menasihati agar tidak mendedahkan diri saya sebagai seorang Muslim, kluatir kalau timbul sebarang masalah. Saya akurkan aja.

Setibanya di pintu, kami memberi salam hormat. Sami tua tersebut langsung bangun dan menyambut dengan senyuman sambil menjemput masuk tanpa bertanya apa tujuan pun. Bicara kami bermula, dan hari tersebut menjadi hari paling bermakna buat kami semua di Mon.



Suasana di pengkalan Mawlamyine ini saling tidak tumpah seperti adegan dalam babak awal filem "Pendekar Bujang Lapuk"; Adam Adli turut sama menghayati situasi itu.



'Tidak terima satu sen pun dari Soh Chin Wen'

Oleh RAFIZI RAMLI

BAHAWA saya, yang beralamat di A405, Kyoto Garden Condominium, Bukit Antarabangsa 68000 Ampang dengan ini membuat akuan berkanun mengikut Akta Akuan Berkanun bagi tujuan menafikan sekeras-kerasnya fitnah yang dimulakan oleh Raja Petra Kamaruddin dan diulang oleh Badrul Hisham Shaharin (Chegubard) serta pihak-pihak lain.

Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan perkara-perkara

berikut:

1. Bahawasanya saya tidak pernah menerima satu sen pun dalam apa-apa bentuk dari mana-mana individu bernama John atau Soh atau John Soh atau Soh Chin Wen, seperti yang didakwa oleh Raja Petra Kamaruddin dan diulang oleh Badrul Hisham Shaharin serta pihak-pihak lain;

2. Bahawasanya saya telah mengisytiharkan harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya secara terperinci di dalam akuan-akuan berkanun yang dibuat dalam tahun 2015 dan

2016 yang menunjukkan kedudukan harta dan pendapatan saya sejak tahun 2010 lagi;

3. Bahawasanya saya membuat akuan berkanun ini sebagai menerima nasihat dari Setiausaha Agung Pas, Dato' Takiyuddin Hassan yang mencabar saya membuat akuan berkanun menafikan pernah menerima wang sejumlah RM20 juta dari John Soh yang fitnahnya dimulakan oleh Raja Petra kemudian diulang oleh Badrul Hisham Shaharin dan penyokong akar umbi PAS di media sosial;

4. Bahawasanya saya menjem-

put mana-mana pihak berkuatkuasa menyiasat saya di bawah Akta Berkanun 1961 sekiranya mana-mana kenyataan saya di dalam semua Akuan Berkanun Pengisytiharan Harta dan lain-lain akuan berkanun adalah tidak benar; dan

5. Bahawasanya saya menjemput mana-mana pihak untuk membuat laporan polis menyiasat saya sekiranya penafian saya tidak menerima wang dari John Soh (di dalam Akuan Berkanun ini) adalah tidak benar; atau sekiranya mana-mana kenyataan

saya di dalam mana-mana Akuan Berkanun sebelum ini adalah tidak benar.

Saya membuat akuan ini dengan percaya bahawa akuan ini benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

“ ...Akaun berkanun Naib Presiden KeADILan yang juga Ahli Parlimen Pandan ini diperbuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di Putrajaya, pada 14 April 2017

'Child grooming' dan jenayah seksual kanak-kanak

SAYA sempat menyertai perbincangan Rang Undang-undang (RUU) Keganasan Terhadap Kanak-kanak pada 3 April lalu. Tetapi masa yang diberikan hanya lima minit dan sudah tentu tidak banyak perkara yang boleh saya sentuh.

Walau bagaimanapun, rata-ratanya saya berpuas hati mengikuti perbincangan tersebut kerana perbincangan mengenai kanak-kanak bukan satu perkara biasa.

Ia mencerminkan mentaliti sebuah negara sama ada maju atau mundur. Perkara seperti ini perlu dibincang secara khusus dan terperinci.

Apatah lagi, suasana sekarang cukup mendesak agar perlindungan terhadap kanak-kanak segera dibentuk secara lebih menyeluruh.

Merujuk statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang 2015 hingga 2016 sahaja sudah cukup menggerunkan yang melibatkan jenayah rogol, sumbang mahram, cabul dan hubungan luar tabii terhadap kanak-kanak.

Benar, Malaysia mempunyai Akta Kanak-kanak 2001 yang turut menyentuh tentang penganiayaan seksual terhadap golongan yang lemah ini tetapi ada kelompongan yang menyebabkan pemangsa tersebut terlepas dari hukuman.

Antara perkara yang dibangkitkan dalam RUU kali ini adalah mengenai pengantunan kanak-kanak (child grooming) dan pornografi kanak-kanak. 'Child grooming' mungkin perkara yang baharu dalam pengetahuan rata-rata rakyat Malaysia.



PENDAPAT
DR MARIAH MAHMUD

Secara mudahnya, saya memahami 'child grooming' sebagai proses pemujukan pemangsa ke atas mangsa dengan merangsang mangsa untuk melakukan hubungan seksual.

Saya percaya kebanyakan kes yang berlaku sekarang seperti remaja perempuan dirogol oleh

kenalan laman sosial berpunca daripada pengantunan kanak-kanak.

Sekarang hampir setiap remaja pula memiliki telefon pintar yang penuh aplikasi komunikasi seperti Facebook, WeChat, Twitter, Instagram dan sebagainya.


Ditambah pula dengan kurangnya kawalan oleh ibu bapa, keadaan ini diambil kesempatan oleh anak-anak untuk berhubung dengan sesiapa sahaja tanpa diketahuinya oleh ibu bapa mereka.

Maka saya melihat ini adalah satu kelemahan dalam keluarga moden yang perlu segera ditangani dengan segera.

Ibu bapa perlu bertegas dengan anak-anak. Periksa kandungan laman-laman web yang diakses oleh anak-anak, periksa mesej atau 'conversation' yang anak-anak lakukan dan segera bertindak kalau nampak keadaan yang mencurigakan.

Tindakan ini penting untuk mengelakkan 'nasi menjadi bubur'. Sudah tentu tiada siapa yang mahu ahli keluarga mereka menjadi mangsa kepada manipulasi pornografi dan jenayah seksual.

Pornografi kanak-kanak berbeza dengan bahan lucah dewasa yang lebih mudah diakses dan diperolehi. Pornografi kanak-kanak ini hanya boleh diakses oleh ahli-ahli ter-



“...Pornografi kanak-kanak berbeza dengan bahan lucah dewasa yang lebih mudah diakses dan diperolehi. Pornografi kanak-kanak ini hanya boleh diakses oleh ahli-ahli tertentu. Untuk menjadi ahlinya pula, seseorang perlu menunjukkan bahan lucah kanak-kanak yang dimiliki.”

tentu. Untuk menjadi ahlinya pula, seseorang perlu menunjukkan bahan lucah kanak-kanak yang dimiliki.

Maknanya, setiap ahli adalah pedofilia yang aktif dan pernah melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Tidakkah kita takut untuk membayangkan jika salah satu gambar yang syaitan bertopeng manusia ini tatap lalah wajah anak-anak yang kita sayangi?

Pendedahan sebuah pertubuhan, Onemyr Awareness Management bahawa seorang daripada 20 remaja perempuan dan wanita pernah berkongsi gambar atau video lucah secara sukarela dengan lelaki yang dikenali atau tidak.

Apa yang lebih mengejutkan dan mengecewakan saya adalah terdapat kanak-kanak yang berumur seawal 10 tahun turut

menjadi mangsa. Saya percaya mangsa begini berhadapan 'child grooming' sehingga mempengaruhi dia untuk membuat perkara yang tidak bermoral itu.

Dalam sesetengah negara seperti Australia dan Singapura, peruntukan undang-undang di sana lebih efektif apabila membolehkan pemangsa boleh ditangkap dan didakwa berdasarkan bukti 'child grooming' sahaja tanpa perlu menunggu pemangsa bertemu mangsa.

Masih banyak yang perlu kita lakukan untuk memastikan keselamatan anak-anak boleh terjamin dan semuanya ini, tidak boleh tidak, bermula dari kesedaran kita sendiri sebagai ibu bapa.

■ Penulis ialah Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja dan Ketua Angkatan Wanita AMANAH Negara (Awan) Nasional.

Tinggalkan 'akhlak berpilih-pilih'

MUTAKHIR ini, semakin giat sesetengah ahli politik menggelar, menyamakan serta membinatangkan pihak lain yang tidak sehaluan dengannya. Amalan ini jelas satu perbuatan yang tidak mencerminkan akhlak muslim sebenarnya.

Malah tabiat 'akhlak berpilih-pilih' ini juga perlu diketepikan iaitu hanya melenting apabila ada pihak yang menyindir tokoh pemimpin mereka, sedangkan berdiam diri apabila pemimpin yang sama kerap melemparkan labelan yang tidak enak didengar kepada pihak lain.

Islam sangat menitikberatkan tentang akhlak, bukan hanya dari sudut luaran tetapi yang lebih penting adalah aplikasi dalam bentuk tindakan terutama percakapan. Islam merupakan agama ramah-tamah, bukan marah-marah hingga mencemarkan identiti agama suci ini.

Islam adalah agama yang memberi rahmat untuk semua tanpa membezakan mana-mana pihak termasuklah musuh itu sendiri. Islam juga tidak 'menghalalkan' tindakan yang tidak bertamadun

atas nama perjuangan agama.

Islam juga melarang penganutnya untuk mencemuh, merendahkan, dan memberi gelaran kepada orang atau kumpulan lain.

Marilah kita sama-sama menghayati firmah Allah SWT:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan

mencemuh dan merendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman dan (ingat-

PENDAPAT



MOHD SANY HAMZAN

lah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim." (Al Hujurat, 49:11)

Berakhlaklah kita kepada semua seperti mana didikan Al-Quran dan contoh yang ditunjukkan oleh qudwatun hasanah Rasulullah s.a.w.. Semoga setiap daripada kita bersama-sama bermuhasabah bagi meningkatkan kefahaman tuntutan agama demi menjalin hubungan ukhuwah yang lebih erat walaupun berlatar belakang agama, kaum dan ideologi yang berbeza.

■ Mohd Sany Hamzan ialah Ketua Pemuda AMANAH Nasional.

“...Islam adalah agama yang memberi rahmat untuk semua tanpa membezakan mana-mana pihak termasuklah musuh itu sendiri. Islam juga tidak 'menghalalkan' tindakan yang tidak bertamadun atas nama perjuangan agama.”

Baiah cerai isteri ditolak

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Menganggap baiah cerai isteri tidak bertepatan dengan Islam, AMANAH akan memastikan perkara itu tidak akan dilaksanakan dalam parti itu.

"Kalau ada cadangan untuk adakan benda ini dalam AMANAH, sayalah yang pertama akan menentang sekeras-kerasnya," kata Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa.

Menjawab soalan hadirin di majlis santai di Markas Pilihan Raya Dun Bunut Payong, baru-baru ini, beliau berkata baiah menceraikan isteri memang bercanggah dengan maqasid syariah berhubung pembentukan rumah tangga dalam Islam.

"Fekah Islam memberi ruang seluas-luasnya untuk mengelakkan perceraian bukannya secara sukanya meruntuhkan rumahtangga.

"Kalau bersumpah pun ada cara

batalkannya," katanya dalam program yang disiarkan secara langsung melalui Facebook Pemuda AMANAH Kelantan.

Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri pernah menafikan baiah cerai taklik itu diamalkan Pas walaupun ada pihak yang mendakwa sebaliknya.

"Beliau pernah kata 'tiada dalam fikiran saya' bila ditanya tentang baiah (cerai taklik) ini.

"Ini menunjukkan arwah sendiri menganggap perkara ini hanyalah keperluan kritikal bagi pertahanan kerajaan Islam yang hanya tinggal satu kerusi dan bukannya alat untuk runtuhkan rumah tangga orang," katanya.

Menurut Dr Mujahid, para ulama semasa yang beliau temui kesemuanya menolak baiah seperti ini yang dianggap sebagai ganjil.

"Seorang ulama terkenal yang saya temui di Turki amat terkejut hingga menitikkan air mata.

"Beliau menyoal adakah kami



Dr Mujahid menjawab soalan hadirin pada program santai anjuran Pemuda AMANAH Kelantan.

jadikan keruntuhan rumah tangga sebagai cagaran berpolitik," katanya.

Isu baiah kembali hangat khususnya apabila pemuda Pas menganjur ceramah "Husam lari debat isu baiah" di Kota Bharu bulan lalu.

Keadaan menjadi kelim kabut

apabila Adun Salor Datuk Husam Musa hadir di program itu dan memohon untuk berucap.

Husam akhirnya dinasihati meninggalkan lokasi ceramah apabila Ketua Penerangan Pas Datuk Nasruddin Daud enggan membenarkan beliau berucap.

Aktivis dedah muslihat Pas isytihar masuk AMANAH

MACHANG: Bekas aktivis Pas Ghazali Mat yang pernah dilantik Pengarah Pilihan Raya Keadilan bagi Dun Kemuning menyerahkan borang menyertai AMANAH di majlis ceramah umum Pakatan Harapan, dekat sini, 17 April lalu.

Borang permohonan keahlian Ghazali diterima Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof dengan disaksikan Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Machang Datuk Sazmi Miah.

Ghazali menggemparkan politik Kelantan baru-baru ini apabila mendedahkan muslihat sulit Pas memenangkan calon Umno dalam pilihan raya umum lalu.

"Saya amat kesal dan sampai ke hari ini saya masih terkilan

dengan parti kita Pas. Ini kesah dan teladan buat saya.

"Saya amat sayang parti yang saya dokong dan memperjuangkan Islam.

"Ini kesah berlaku pada PRU ke-13 di mana saya diberi tugas untuk menolong jentera PKR bagi Parlimen Machang P029," ujarnya dalam tulisan yang menjadi tular di media sosial.

Menurut Ghazali, beliau diberi tugas sebagai pengarah pilihan raya bagi Dun Kemuning.

Walaupun tugas itu amat berat untuk dipikul, beliau menerimanya setelah diminta calon Keadilan, Dr. Wan Zawawi lasmail.

Kehadiran beliau dalam jentera pilihan raya Keadilan disambut baik oleh jawatankuasa dan jentera pilihan raya.

"Pada awal kempen saya amat berbesar hati dengan kerjasama

semua pihak. Mengikuti culaan ketiga-tiga Dun Pas boleh menang. Ini bermakna parlimen pun ikut sama menang," katanya.

Namun insiden seminggu sebelum hari mengundi benar-benar mengecewakan beliau apabila dipanggil bermesyuarat dengan pengarah-pengarah Dun dari Pas dan juga calon.

Beliau mula merasa ragu apabila arahan dibuat agar ahli-ahli dan penyokong Pas tidak mengundi calon Parlimen daripada Keadilan tetapi perlu mengundi calon parlimen BN yang diwakili Umno.

"Saya bertanya kenapa ini berlaku, jawabannya arahan presiden.

"Saya mati akal, pilihan raya rasa macam tak berguna lagi, maklumlah niat hati nak ke Putrajaya," katanya.

Keputusan pilihan raya bagi kawasan parlimen Machang membuktikan arahan daripada pemimpin Pas itu dituruti apabila tiga Dun yang ditandingi Pas menang dengan majoriti lebih 3000 undi namun calon Keadilan bagi kawasan parlimen tewas dengan majoriti 805 undi.

"Saya menyesal dan menanggung sebab kerja buat saya sia-sia. Bermula dari situ saya tak mempercayai lagi apa-apa yang berkaitan dengan Pas.

"Apakah parti Islam yang memperjuangkan agama sanggup menikam belakang dalam gabungan Pakatan Rakyat," soal beliau.

Ghazali turut memberikan nombor kad pengenalan bagi memberi peluang kepada mereka yang meragui beliau untuk mengesahkan status keahliannya dalam Pas.

Larang bukan Islam berniaga waktu Maghrib keterlaluan

KOTA BHARU: Ketibaan waktu solat Maghrib memang patut dihormati penganut Islam dengan menghentikan urusan perniagaan bagi menunaikan solat.

Namun bagi Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin adalah tidak wajar peniaga bukan Islam turut diarah menghentikan perniagaan pada waktu Maghrib.

"Saya setuju dengan Datuk Husam Musa (Adun Salor) bahawa tidak wajar peraturan seperti ini dilaksanakan atas nama Islam," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, sebagai seorang Islam beliau bersetuju untuk menghormati waktu Maghrib, namun amat tidak wajar melarang orang bukan Islam untuk berniaga pada waktu tersebut.

"Untuk kerajaan Kelantan, fikirilah cara lain dengan tidak aniaya orang bukan Islam," katanya.

Beliau mengakui terkejut apabila membaca laporan Malaysiakini tentang larangan tersebut.

"Secara jujur saya tidak tahu apa mesej yang kerajaan Pas Kelantan nak bawa.

"Dari segi perundangan pada hemat saya, tindakan Kerajaan Kelantan ini adalah tidak berperlembagaan (unconstitutional) dan boleh dicabar di mahkamah," katanya.

Sementara itu seorang peniaga peralatan binaan yang ditemui, Andy Tan mengakui peraturan itu menimbulkan keresahan di kalangan peniaga bukan Islam.

"Di kawasan pasar malam diadakan berdekatan rumah kedai, penguatkuasa selalu mengganggu dan memberi amaran supaya kedai milik bukan Islam menghentikan operasi di waktu larangan itu.

Menurutnya, apa yang ditimbulkan ini bukan perkara baru dan wajar diambil tindakan segera.



Ghazali menyerahkan borang keahlian kepada Dr Mujahid sambil disaksikan Saifuddin dan Sazmi (satu dan tiga dari kiri).

SRIKANDI JPAM... Isteri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Yaani, Prof. Dr. Naomie Salim (dua dari kanan) merakam kenangan bersama beberapa anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diketuai Sharifah Ibrahim seusai demonstrasi kebakaran dan keselamatan baru-baru ini. Demonstrasi itu diadakan sempena majlis penyampaian bantuan 'Rice4U' kepada lebih 71 keluarga terpilih bagi Zon Parit Besar dan Taman Sri Jaya. Program anjuran Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) Dun Parit Yaani itu berlangsung di perkarangan Surau Nor Hidayah, Taman Sri Jaya, Batu Pahat. 'Rice4U' adalah program inisiatif Adun Parit Yaani, Aminolhuda Hassan bagi membekalkan beras dan barangan keperluan harian kepada golongan asnaf dalam kawasan yang diwakilinya.



MB Inc akui kelewatan Projek TT5

TANJUNG TUALANG: AMANAH Negeri Perak menerima pelawaan Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Perak untuk bertemu dan melawat tapak Kapal Korek TT5 (Tanjung Tualang 5) pada 17 April lalu.

Lawatan ini susulan pendedahan Pengerusi AMANAH Perak, Asmuni Awi baru-baru ini tentang kepincangan projek membaikpulih TT5.

Ketibaan pemimpin AMANAH disambut Ketua Pegawai Eksekutif MB Inc. Datuk Aminudin Hashim serta para pegawai kanan syarikat.

Dalam pertemuan tersebut, Aminudin

telah memberikan taklimat tentang perancangan MB Inc dalam membina TT5 untuk menjadi lokasi pelancongan di negeri Perak.

Pemimpin AMANAH Perak telah mengambil peluang itu bagi menyampaikan pandangan, kritikan serta berkongsi idea dalam menjayakan projek pemuliharaan warisan negara itu.

Antara lain, Asmuni mempersoalkan kegagalan membaik pulih kapal korek tersebut mengikut jangkaan masa yang ditetapkan sendiri oleh MB Inc.

Katanya, Kapal Korek TT5 adalah antara tempat yang disenaraikan dalam lokasi

plancangan sempena Tahun Melawat Perak 2017.

Namun sehingga hari ini, kapal korek tersebut masih dalam fasa awal membaik pulih.

Walau bagaimanapun, dalam pertemuan itu Aminuddin sekali lagi memberi keyakinan bahawa projek tersebut akan disiapkan pada suku ketiga tahun ini.

Dalam sidang media sejeurus lawatan tersebut, Asmuni berkata lawatan itu dibuat bagi berkongsi idea dan bukannya hanya untuk mengkritik.

"Kita tertarik dengan projek ini dan ia menjadi harapan setiap pelancong untuk

datang melihat kapal korek dan menyaksikan rupa struktur dalamnya.

"Jadi kita ingin tahu daripada pihak MB Inc dan didapati banyak lagi perlu diperbaiki malah diharapkan perkongsian input dapat digunakan oleh pihak mereka," katanya.

Katanya lagi, TT5 adalah satu-satunya kapal korek yang masih tinggal di dalam negara ini dan sewajarnya dikekalkan untuk warisan generasi yang akan datang.

Asmuni mengharapkan pihak MB Inc memfokuskan tentang kelengkapan infrastruktur persekitaran yang ketika ini sangat berisiko kepada pengunjung.

Asmuni mendengar penjelasan kontraktor tentang proses membaik pulih kapal korek sambil diperhatikan Aminudin.



Aminudin memberi taklimat tentang kemajuan projek membaik pulih Kapal Korek TT5 kepada rombongan AMANAH Perak.

PJ Pas Perak mohon bicara saman fitnah ditangguh

Oleh **MUHAMMAD FAE AZAHAR**

IPOH: Pesuruhjaya Pas Perak, Razman Zakaria memohon perbicaraan kes saman yang dikemukakan Timbalan Pengerusi AMANAH Perak, Dato' Seri Ir Nizar Jamaluddin ditangguhkan.

Mahkamah Sesyen Ipoh sebelum ini telah menetapkan 18 dan 19 April sebagai hari perbicaraan saman tersebut.

Penangguhan itu dibuat kerana Razman memfailkan Permoho-

nan Pihak Ketiga bagi mengheret akhbar Sinar Harian yang telah melaporkan kenyataan fitnah Razman tersebut di dalam prosiding.

"Walaupun permohonan itu melibatkan Defendan dan Sinar Harian, saya sebagai peguam plaintif (Nizar) telah menyatakan bantahan di hadapan Puan Hakim sebentar tadi terhadap permohonan defendan tersebut yang telah difailkan terlalu lewat.

"Sedangkan perbicaraan telah pun ditetapkan dan mereka boleh memfailkannya lebih awal," kata

peguam plaintif, Mohd Fitri Asmuni ketika ditemui.

Menurutnya, hal ini telah memprejudiskan Mohammad Nizar selaku plaintif yang terpaksa menunggu lama untuk kes ini diselesaikan sejak difailkan pada Ogos 2015.

Jelas Fitri, Hakim yang ditemui di dalam Kamar Hakim turut mempersoalkan tindakan defendan tersebut.

"Puan Hakim memaklumkan bahawa beliau memang mahu bicara dijalankan tetapi terkejut

bila peguam defendan tiba-tiba memohon penangguhan.

"Akan tetapi penangguhan terpaksa juga dibenarkan oleh mahkamah walaupun mahkamah mahu kes ini dibicarakan pada hari ini untuk memberi ruang kepada permohonan defendan tersebut," katanya.

Mohd Fitri telah meminta anak guamnya hadir ke mahkamah dan bersedia sekiranya perbicaraan bermula.

"Tetapi oleh kerana kes terpaksa ditangguhkan, maka saya telah memohon suatu kos diberikan kepada plaintif akibat dari penangguhan yang tidak wajar itu.

"Mahkamah membenarkan permohonan saya dan memerintahkan Razman membayar kos sebanyak RM500 kepada plaintif untuk hari ini," jelasnya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, peguam plaintif telah meminta mahkamah mengarahkan Razman membayar kos sebanyak RM8000.

"Kos RM8000 tersebut adalah berkaitan permohonan membatalkan saman yang difailkan Razman terhadap Nizar serta permohonan membatalkan tuntutan balas yang difailkan oleh Nizar terhadap

Razman," jelas Mohd Fitri.

Katanya, Razman telah kalah dalam kedua-dua permohonan tersebut dan Mahkamah memerintahkan Razman membayar kos RM5000 dan RM3000 kepada plaintif.

"Perintah tersebut telah dibuat sejak 24 November 2016 iaitu 5 bulan yang lalu, tetapi sehingga ke hari ini Razman masih gagal membayar kos RM8000 itu kepada plaintif walaupun telah beberapa kali diminta.

"Jadi saya minta Mahkamah arahkan Razman bayar kos tersebut hari ini juga dan jika gagal, Razman mesti dikenakan hukuman menghina mahkamah," jelas Fitri lagi.

Mahkamah membenarkan permohonan Fitri dengan mengarahkan Razman membayar kos RM8000 termasuk kos RM500 tetapi memberi peluang selewat-lewatnya sehingga 21 April.

Tahun lalu, Ir Nizar yang juga mantan Menteri Besar Perak memfailkan tuntutan fitnah sebanyak RM3 juta terhadap Razman yang didakwa memfitnahnya.

Ini ekoran artikel yang tersiar di dalam akhbar Sinar Harian edisi Perak bertarikh 2 Jun 2015 bertajuk "Pendekatan Nizar mirip DAP".

ZIARAH KELUARGA ASNAF...

AMANAH Kawasan Subang tetap gigih melaksanakan kerja-kerja kebajikan bagi mendekati rakyat. Baru-baru ini, program ziarah dan sumbangan kepada keluarga asnaf berlangsung di Sungai Buloh dengan disertai Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus. Turut serta Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Subang Ustazah Mariam Abdul Rashid. Ustaz Hasanuddin turut membawa anak keluarga asnaf yang mengalami demam ke klinik untuk mendapatkan rawatan.



Untuk lakukan perubahan politik di Kelantan

Fokus pilih Pakatan Harapan

KOTA BHARU: Gabungan empat parti Pakatan Harapan (PH) kini semakin jelas akan berhadapan BN dalam pilihan raya umum akan datang dan rakyat perlu melakukan pilihan sama ada masih bersama BN dan sekutunya atau membina harapan baru bersama PH.

"Pas yang kini jelas mengambil laluan lain tentu tidak boleh lagi diharap," kata Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa.

Husam berucap pada majlis perasmian pasukan dikir barat AMANAH Bunut Payong dan upacara menaikkan belon gergasi di Markas Pilihan Raya AMANAH Dun Bunut Payong, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi AMANAH Kelantan

Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah.

Di sebelah pagi, Husam hadir di majlis perasmian pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

"Semua pemimpin AMANAH, PKR, DAP dan Bersatu bersama-sama hadir di majlis pagi tadi dengan penuh yakin akan menawarkan pasukan baru untuk mentadbir negeri Kelantan.

"Dalam pilihan raya ini, saya menyeru seluruh rakyat memberi fokus untuk mengundi PH kerana dengan memberi undi kepada Pas, anda memberi peluang untuk BN kembali berkuasa," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri selepas ketiadaan Tuan Guru Nik Abdul Aziz jelas menjadi pengekor kepada BN.



Husam dan Cikgu Wan Abdul Rahim menaikkan belon gergasi di Bunut Payong.

AMANAH tekad suburkan institusi pondok

KOTA BHARU: Sistem pendidikan pondok yang sudah sekian lama wujud di negeri Kelantan akan diperkasakan bila AMANAH dan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri.

Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa berkata perkara ini selaras dengan keinginan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Antara kehendak Tok Guru yang dinyatakan kepada saya dan belum dapat dilaksanakan adalah usaha memperkasa guru-guru pondok supaya sistem pendidikan ini berkekalan dan terus menjadi mercu tanda negeri Kelantan.

"Kata Tok Guru, rahsia ketahanan pondok-pondok ialah guru-guru mereka menuntut ilmu di pusat-pusat pengajian yang tidak berharap untuk makan gaji," katanya ketika berucap di majlis ceramah perdana sempena penubuhan lima

cawangan AMANAH Dun Jelawat dalam kawasan parlimen Bachok, baru-baru ini.

Menurutnya, pusat-pusat pengajian yang dimaksudkan itu mengamalkan sistem pengajian di beberapa negara di Timur Tengah yang tidak mengeluarkan sijil kepada pelajar-pelajar mereka.

"Zaman dulu sistem ini ada di Masjidil Haram (Makkah) di mana pelajar-pelajar dari seluruh dunia datang berguru dengan ulama-ulama dan mereka menadahkan kitab dari kulit ke kulit.

"Sistem ini tidak mengeluarkan sijil, tetapi pelajar-pelajar melalui tahap demi tahap dan mereka tahu tahap mereka dari segi keilmuan yang disahkan oleh guru masing-masing.

"Lulusan seperti inilah yang dulunya pulang ke Kelantan dan mendirikan pondok masing-masing sebagai pusat ilmu," katanya.

Di penghujung pentad-

biran Tok Guru kata Husam, beliau mengemukakan cadangan supaya negeri Kelantan mengadakan peruntukan khas untuk menghantar pelajar ke pusat-pusat pengajian seperti ini.

"Bentuk pengajian ini masih wujud di beberapa negara Timur Tengah seperti Syria, Jordan dan Yaman.

"Insya Allah jika kita (AMANAH) tadbir Kelantan, cita-cita Tok Guru ini akan kita laksanakan," katanya.

Sebagai negeri yang satu-satunya memiliki tradisi pendidikan ini di Nusantara katanya, Kelantan perlu memperkasakan warisan pondok.

"Kita mahu Kelantan dan pondok jadi perkataan berkembar untuk selamanya.

"Untuk tujuan itu, penyelidikan akan kita mulakan sekarang dan satu lembaga khas akan ditubuh sebaik menang pilihan raya," katanya.

"Kerajaan pusat di bawah (Datuk Seri) Najib menggunakan kaedah memeras rakyat untuk menambah kekurangan wang negara yang diurus secara boros.

"Begitu juga kerajaan negeri ikut menaikkan pelbagai cukai seperti pasir, urusan tanah dan cukai bandaran," katanya.

Lebih teruk, tambah beliau adalah masalah pentadbiran berkaitan Islam.

"Enakmen seperti pengurusan harta wakaf yang telah lama diluluskan di negeri-negeri lain tidak dihiraukan.

"Begitu juga masalah bangunan pentadbiran pejabat agama di jajahan-jajahan tidak dinaik taraf dan beroperasi dalam keadaan yang sangat daif.

"Sedangkan bayaran-bayaran (fees) yang dikenakan di negeri ini adalah yang tertinggi dibandingkan dengan negeri-negeri lain di seluruh negara," katanya.

Semua ini, katanya akibat pemimpin yang mentadbir dengan fikiran yang tertutup.

"Langsung tidak ada usaha untuk mencari sumber-sumber pendapatan lain walaupun negeri ini mempunyai pelbagai potensi untuk dijadikan pendapatan negeri dan rakyat.

"Baru-baru ini ada syarikat melombong emas yang mengeluarkan kenyataan tentang jumlah galian itu yang begitu banyak di negeri ini.



Para pemimpin parti-parti gabungan Pakatan Harapan hadir di majlis perasmian pejabat PPBM Kelantan di Kota Bharu.

"Kita juga ada sumber tarikan pelancong yang besar jika dimajukan secara bersungguh-sungguh," katanya.

AMANAH Dun Melor buka pejabat p'raya

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Selepas lebih sebulan ditubuhkan, jentera pilihan raya Dun (JDUN) AMANAH Melor kini mula beroperasi di pejabat sendiri dalam kawasan pasar Melor.

"Sebelum ini kami beroperasi secara bergerak dari rumah ke rumah jawatankuasa kita, kini Alhamdulillah dapat dijalankan gerak kerja dari sebuah pejabat," kata Ketua JDUN Melor Fairul Azam Ibrahim.

Gotong royong menyiapkan pejabat itu, katanya dibuat selama tiga hari berturut-turut dan disertai jawatankuasa JDUN dan ahli-ahli pemuda di Dun berkenaan.

"Kita telah menggerakkan kempen menambak ahli dan cawangan serta membuat operasi daftar pemilih bermula Februari lalu.

"Selepas ceramah yang kita adakan di sini bulan lalu, permintaan menubuhkan cawangan datang dari semua peti undi dalam Dun Melor.

"Sebanyak lima cawangan penaja telah ditubuhkan

dan menunggu kelulusan pihak pendaftar pertubuhan," katanya.

Menurutnya, sebaik sahaja urusan penubuhan cawangan ini disahkan, pihak JDUN akan mengadakan ceramah khas bagi merasmikan cawangan-cawangan berkenaan.

"Majlis perasmian menaikkan dan mengibarkan bendera AMANAH peringkat kawasan Ketereh akan diadakan pada 11 Mac ini.

"Oleh itu majlis perasmian cawangan Dun Melor ini akan diadakan bersekali dengan program menaikkan dan mengibarkan bendera AMANAH peringkat Dun nanti," katanya.

Beliau mengucapkan

terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus lumus membantu menjayakan pengembangan AMANAH di Dun Melor.

"Terima kasih juga kepada parti-parti dalam Pakatan Harapan (PH) dan Bersatu yang terus menerus memberikan sokongan dan kerjasama yang baik," katanya.

Beliau berharap dengan wujudnya pejabat AMANAH JDUN Melor ini, segala usaha membantu rakyat akan lebih efisien lagi.

"Pejabat ini terbuka untuk dikunjungi sesiapa sahaja yang bertujuan baik membela rakyat dan mengukuhkan perpaduan masyarakat," katanya.



FAIRUL AZAM IBRAHIM



Para petugas bertungkus lumus menyiapkan pejabat pilihan raya AMANAH Dun Melor.

Fokus jaga kebajikan rakyat

SANDAKAN: Usaha mendekati masyarakat terpinggir diteruskan AMANAH Negeri Sabah sesuai dengan ciri parti yang bersifat inklusif dan peduli.

Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Sabah, Hamzah Abdullah baru-baru ini meluangkan masa menziarahi penduduk Kampung Gas, dekat sini.

Hamzah turut menyampaikan sumbangan berupa makanan dan keperluan alat tulis kepada sepuluh keluarga terpilih di kampung itu.

Beliau turut menerima jemputan daripada penduduk kampung untuk mengadakan dialog pada hari yang akan ditetapkan kemudian.

Menurut Hamzah, jika dahulu para pemimpin parti pembangkang akan dihalau,

dicerca malah dibaling dengan objek apabila hendak memasuki Kampung Gas, namun kini semuanya sudah berubah.

Pada kempen pilihan raya umum lalu, ujar Hamzah, kebanyakan kampung di kawasan Batu Sapi memasang sepanduk 'Pembangkangan masuk kampung kami, kampung kami kampung BN'.

"Situasi itu bukan sahaja menidakkan proses demokrasi bahkan menyukarkan jentera pilihan raya pakatan pembangkang memasuki kampung untuk bertemu penduduk," tambahnya.

Namun kini, jelas Hamzah parti pembangkang telah diterima baik penduduk setempat ekoran perubahan sikap mereka.

"Kini kami mendapat respon serta layanan yang cukup baik daripada penduduk di sana. Seperti saya sebutkan tadi, kampung ini dahulunya begitu sukar untuk kami tembusi pada PRU13 yang lalu.

"Bagaimanapun sikap tidak prihatin pimpinan Umno/BN untuk turun padang bertemu masyarakat setempat menimbulkan kesedaran penduduk. Mereka bertekad untuk melakukan perubahan," katanya.

Malah tambah beliau, seorang penduduk yang ditemui mengakui keluarganya tidak akan mengundi BN dalam pilihan raya akan datang walaupun ditawarkan wang, tangki air dan zink.

"Sudah berpuluh tahun Umno/BN memer-

intah negeri Sabah namun kehidupan rakyatnya masih sama. Jambatan buruk menanti roboh, rumah usang menanti rebah, kampung berkurun tiada pengiktirafan. Apa sebenarnya pemimpin Umno/BN mahukan? Rakyat hidup miskin dan terus menderita," ujarnya.

Menurut beliau, tugas parti pembangkang adalah membawa suara rakyat dan menegur pemerintah.

Amalan semak dan imbang ini, ujarnya wajar bagi membanteras rasuah, penyelewengan wang rakyat, pembaziran melampau dan sebagainya.

"Sekiranya Pakatan Harapan menang dalam pilihan raya akan datang, kami akan gunakan kuasa dengan sebaiknya bagi membaik pulih ekonomi negara serta meningkatkan taraf hidup dan kebajikan rakyat.

"Bukan setakat tangki biru, kami akan pastikan pili air dan sumber air bersih sampai ke

dalam setiap rumah di dalam negeri Sabah ini," ujar Hamzah.

Beliau turut menasihati aktivis parti supaya menumpukan usaha membaiki pengurusan parti dan memperkemaskan program-program menyantuni rakyat.

Usaha turun ke lapangan memberi penerangan kepada rakyat terutama di kampung-kampung, katanya sangat penting kerana capaian media sosial yang rendah.

Menziarahi penduduk yang daif sambil menghulurkan bantuan.



Hamzah meenyerahkan kelengkapan alat tulis kepada anak penduduk kampung.



HANTAR TERUS KE RUMAH ANDAI!

DAPATKAN SEGERA BUKU TERBARU TERBITAN KEMILAU PUBLIKA!

01132334322
UNTUK URUSAN PEMBELIAN



SERAH KERUSI RODA... Timbalan Ketua AMANAH Subang Ustazah Mariam Abdul Rashid menyerahkan kerusi roda untuk kegunaan seorang penduduk yang uzur di Kampung Merbau Sempak, Sungai Buloh. Serahan dibuat pada malam hari memandangkan isteri beliau bekerja di waktu siang.



SERAH SIJIL... Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub menyerahkan sijil pendaftaran cawangan kepada Ketua AMANAH Cawangan Padang Keria, Hamid Cha dalam program minum petang dan dialog anjuran AMANAH Kawasan Arau baru-baru ini. Program yang diadakan di Kampung Behor Ibus dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Simpang Empat itu turut dihadiri Setiausaha Agung AMANAH, Mohd Anuar Tahir dan Pengerusi AMANAH Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim. Turut sama menerima sijil pendaftaran tersebut, AMANAH Cawangan Sungai Padang. Foto BASHIR ISHAK



Laman ini disediakan untuk para pembaca memberikan idea, ulasan, aduan dan membincangkan isu-isu semasa. Surat perlulah ditulis dengan ringkas dan padat. Hantarkan tulisan anda ke wartaamanah@gmail.com untuk diterbitkan.

Memang wujud usaha padamkan legasi Tuan Guru Nik Aziz

SAYA mohon mengulas serangan dan tohmahan Ahmad Amzad Hashim (Pengerah Jabatan Penerangan Pas) kepada penulisan saya tentang "Usaha Memadamkan Legasi Nik Aziz" pada 12 April 2017.

Pada permulaan serangan Amzad (yang juga ahli jawatankuasa Pas Kuala Terengganu) mengatakan saya hanya 'sekali sekala' ke kuliah Tok Guru Nik Aziz dan seolah-olah saya mentah tidak memahami sangat ajaran serta pemikiran Nik Aziz.

Adakah Haji Amzad mengetahui segala gerak geri saya semenjak awal 1980-an apabila saya pulang ke Terengganu dan berulangi ke Masjid Pulau Melaka untuk hadir kuliah subuh Tok Guru Nik Aziz? Semasa itu Haji Amzad baru berusia 12 tahun.

Saya lebih selesa ke kuliah Masjid Tok Guru di Pulau Melaka bersama dengan pelajar-pelajar dari Maahad Darul Anuar dalam ketenangan suasana di awal pagi. Orang pertama yang saya zahirkan hasrat dan mohon restu doa sebelum menjadi ahli Pas ialah Tok Guru Nik Aziz, di Masjid Pulau Melaka.

Tahukah wahai Amzad yang berusia 12 tahun masa itu tentang dua perkara tersebut? Tidak mungkin di usia begitu muda Amzad telah berupaya mengikuti pergerakan saya di Terengganu dan Kelantan.

Penggunaan perkataan 'bohong' Amzad terhadap penulisan saya adalah keterlaluan apabila dikira beliau menyatakan perkara-perkara yang beliau sendiri tidak mungkin mengetahui sejarah saya mendekati Tok Guru Nik Aziz sejak 1980-an.

Saya mendekati Tok Guru bukan untuk mencari kedudukan atau pengaruh tetapi bagi menambah pengetahuan dan menjiwai ilmu Tok Guru yang penuh kebijaksanaan dan kelembutan serta hemahnya.

Kenyataan kononnya saya di panggil oleh Ustaz Wan Shukairi di rumah Haji Amzad khusus tentang isu Pasma dan pilihan raya kerajaan tempatan adalah tidak munasabah.

Perkara yang sebesar dan serius seperti

itu sepatutnya dibawa ke mesyuarat Pas Kawasan Kuala Terengganu dan bukan 'mesyuarat sulit'. Kalau benar yang 'kesalahan' saya terbukti kenapa tidak ada majlis yang sepatutnya dibuat melalui mesyuarat rasmi?

Isu utama yang ditimbulkan adalah tentang penulisan saya berkaitan 'Legasi Nik Aziz' dan mereka tidak mahu ahli-ahli mesyuarat lain mengetahui teguran ini dibuat.

Lagipun saya pernah ditegur secara keras di Mesyuarat Pas Kawasan Kuala Terengganu tidak lama selepas menjadi Ahli Parlimen di atas isu yang tidaklah begitu serius. Jadi kenapa kali ini dibuat cara sulit pula?

Beberapa bulan sahaja selepas dipilih menjadi Ahli Parlimen Kuala Terengganu, saya pernah ditegur keras pada Mesyuarat Pas Kuala Terengganu kerana kononnya tidak menjaga kawasan. Saya baru sahaja selesai menghadiri sesi sidang parlimen pertama saya dan sudah tentu banyak yang perlu dipelajari tentang peraturan, persiapan dan keperluan untuk menjadi Ahli Parlimen yang berkesan dan bukan sekadar hadir tunjuk muka sahaja. Kehadiran serta rekod ucapan saya di Parlimen yang tercatat secara rasmi boleh memberi gambaran jelas tentang komitmen saya.

Cemuhan Amzad yang "hari ini saya berucap seorang di belakang Hilux tidak dipedulikan sesiapa" menunjukkan sikap yang kurang matang.

Seorang wakil rakyat mesti meletakkan khidmat menyampaikan maklumat sidang Parlimen sebagai keutamaan tugas penting tidak mengira berapa orang yang hadir. Kita turun ke bawah mencari rakyat dan bukan minta rakyat datang menyembah kita.

Kita sebagai wakil rakyat patut memperhambakan diri dan bukan hanya ingin berceramah di hadapan ribuan atau ratusan orang sahaja dengan kutipan wang melalui 'koleksi dana'. Rakyat mesti di dahulukan.

Sudah lupakah Amzad bahawa



pemimpin Pas terdahulu pernah berceramah di tempat-tempat di mana lagi banyak batang pokok dari orang? Kenapa bermegah diri sekarang? Kenapa hendak diremehkan pendekatan ini di mana ia merupakan kebiasaan di Pantai Barat. Amzad nampaknya tidak mengikuti perkembangan semasa.

Ceramah mini di atas Hilux di Shah Bandar dan Pantai Batu Buruk mendapat sambutan dengan orang ramai berhenti bertanya isu semasa. Lagipun saya terpaksa mengadakan ceramah-ceramah ini kerana Pas Kawasan Kuala Terengganu (ketika saya masih bersama Pas) tidak mengatur program ceramah seperti sepatutnya dan secara terancang!

Bolehkah Amzad memberitahu berapakah ceramah Pas Kawasan Kuala Terengganu adakan setiap bulan semasa saya bersama Pas? Saya menanti-nanti program ceramah untuk turun bersama rakyat hingga saya terpaksa membuat program secara bersendirian.

Janganlah kita membesarkan diri sendiri dan pandang rendah orang yang berceramah walaupun di hadapan satu orang sahaja pun. Rasulullah s.a.w. pun pernah berceramah serta berdakwah di hadapan beberapa orang sahaja walaupun baginda seorang nabi. Siapakah kita kalau dibandingkan dengan Rasulullah s.a.w. yang sanggup berbuat demikian. Kenapa hendak di perlekehkan?

Jangan lupa diri asal-usul sejarah semasa Pas baru bermula. Jangan pandang rendah rakyat yang inginkan

maklumat semasa.

Umum maklum Amzad mungkin akan dijadikan calon pilihan raya Pas. Jika ditakdirkan menjadi wakil rakyat suatu hari nanti, janganlah dengan gelaran Yang Berhormat kita berkira di mana hendak berceramah dan berapa orang yang hadir.

Keikhlasan untuk berdamping dan menyampaikan maklumat kepada rakyat patut diutamakan. Sebagai hamba Allah kita patut merendah diri untuk rakyat yang perlu pembelaan.

Saya tetap dengan kenyataan saya yang memang ada usaha-usaha tertentu untuk memadamkan legasi Tok Guru Nik Aziz.

Almarhum Tuan Guru Nik Aziz memberi ruang dan peluang yang sama kepada golongan ulama serta profesional dan memberi perhatian kepada orang Islam dan bukan Islam.

Kepada Amzad, saya berharap beliau jangan mengangap kelulusan ilmu pendidikan semata-mata boleh melengkapkan diri menjadi sempurna. Betapa tinggi pun ilmu pendidikan tidak boleh menandingi kebijaksanaan yang dianugerah Allah SWT.

Kerana itulah Almarhum Tok Guru Nik Aziz Nik Mat adalah 'seorang dalam sejuta'. Almarhum memiliki ilmu yang tinggi, hidayah dan kebijaksanaan kurniaan Allah serta menjadi pemimpin contoh Islam ramat bagi sekelian alam.

■ **RAJA BAHRIN SHAH**
Ahli Parlimen Kuala Terengganu

Cukuplah 60 tahun, beri peluang kepada orang muda

SAYA mendengar dan menghayati rungutan golongan muda terutama lepasan ijazah yang masih tiada pekerjaan. Setiap kali berbabas di Dewan Rakyat saya menggesa pihak Kementerian Sumber Manusia mewujudkan inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.

Namun beberapa hari yang lalu, kita dikhabarkan bahawa ada cadangan dari Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia

(CEUPACS) supaya umur bersara wajib kakitangan awam dilanjutkan dari 60 tahun kepada 65 tahun.

Bagi saya ini mencacatkan lagi usaha untuk memberdayakan usaha pembangunan modal insan dalam memberi ruang kepada golongan muda.

Saya mencadangkan cukuplah 60 tahun untuk umur bersara wajib.

Walau bagaimanapun ada beberapa bidang yang masih

memerlukan tenaga pakar yang melebihi umur 60 tahun seperti pendidikan dan perubatan.

Cara yang paling sesuai adalah selepas mereka ini melalui persaraan wajib, mereka ini boleh ditawarkan kontrak perkhidmatan secara tahunan dan bukannya melanjutkan usia bersara wajib kepada 65 tahun.

Golongan muda juga perlu diberikan perhatian khusus untuk memastikan pentadbiran sektor awam dipelopori dengan

idea-idea baru dan progresif bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan efisien.

Jumlah graduan yang menganggur sekarang ini mencecah 200,000 orang dan ini amat mengkusarkan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu untuk mengharungi kehidupan yang mencabar kerana harga barang naik, terpaksa membayar pelbagai cukai dan yang paling penting untuk membayar balik pinjaman PTPTN mereka.

Saya berharap CEUPACS tidak lagi tampil dengan cadangan-cadangan yang saya kira tidak relevan dengan keadaan semasa, sebaliknya haruslah difikirkan bagaimana untuk melahirkan kakitangan awam yang sekarang ini baik kepada yang lebih baik di samping memberikan peluang kepada tenaga baru.

■ **DATUK ABDULLAH SANI**
ABDUL HAMID
Ahli Parlimen
Kuala Langat

Black Swans in Malaysian politics

I would like to thank Mr Tan Chin Tiong, Director of Yusof Ishak - Institute of Southeast Asian Studies, for the invitation to speak at this excellent institution, of which I was a visiting research fellow in 2006. I would also like to express my appreciation to my friends Dr. Lee Hock Guan for arranging this visit and Dr. Ooi Kee Beng for chairing the session.

I last spoke here almost nine years ago on 23rd April 2008, a month or so after the great Black Swan back then - the political tsunami on 8th March 2008. Since then, there has never been a dull moment in Malaysian politics. We have experienced a Black Swan after a Black Swan.

For instance, just a year ago, who would have expected Dr. Mahathir Mohammad to become among Opposition leaders working hard to push Umno to become the Opposition.

Just as I was giving the final touch for this speech yesterday, there was the news that Prime Minister Najib Razak had appointed his cousin who is also Defense Minister Hishamuddin Hussein to be the Minister with Special Functions in the Prime Minister's Department.

This gives rise to a new Black Swan question: does this mean Najib will step down as Prime Minister before the next general election? Should that happen, we will have to grapple with a new set of conditions and scenarios. If he doesn't, there is already a new power equation in which Deputy Prime Minister Zahid Hamidi is being sidelined, but Zahid may not take it lying down.

To put things in context, let me bring you to late November 2007. As someone born and bred in Kuala Lumpur, I was offered, and reluctantly accepted a challenge to contest a parliamentary seat in the unfamiliar ground of Penang. The two seats available to me to choose from, namely Bukit Bendera and Jelutong, were both Barisan Nasional incumbent seats, which DAP stalwarts Lim Kit Siang and the late Karpal Singh lost in the 1999 general election.

No one expected me to win. Even fewer thought the change of government in Penang was possible. At best, some observers noted that there was a possibility of denying Barisan Nasional's two thirds majority in Penang.

Only during the campaign period that we noticed some signs pointing to the possibility of winning Penang. What we didn't expect was that the Opposition parties had enough numbers to form state government in Selangor, Kedah and Perak late in the night of 8th March 2008.

I was probably one of the very few who somehow had some inklings of what were to come. Apart from the surveys and polls I came across, I recalled a conversation at a private lunch meeting involving 10 core leaders of Penang DAP on 10th February 2008, three days before the dissolution of Parliament.

Lim Kit Siang asked us "to prepare for the

SPEECH by Kluang member of parliament and DAP Johor Chairman, LIEW CHIN TONG at Yusof Ishak, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore. ISEAS-Yusof Ishak Institute is owned by the Government of Singapore and dedicated to the study of social, political and economic trends in the South East Asia region.



unthinkable"; partly due to the fact that he noticed ethnic Indian voters were in such restless and discontented state - a situation that had never happened before.

Fast forward to 2017. While many pundits would like to think that Prime Minister Najib Razak is in a strong and unassailable position, they may have chosen to ignore the fact that there has never been such restlessness and discontents among Malay voters recently. Herein lies the contradictions and the possibility of Black Swan events.

Let me be clear here. I am not suggesting that a change of government will be a walk in the park. Far from it. However, the stake is very high for Najib and Umno, and they will do whatever it takes to keep Umno in power. That will mean some very intense months ahead until the next general election.

My point is that Najib and Umno are vulnerable, and therefore susceptible to Black Swan events.

The largest Malay swing in favour of the Opposition thus far happened in the 1999 general election as a result of Anwar Ibrahim's sacking by Dr. Mahathir Mohamad in September 1998, which sparked the reformasi movement. An irony indeed.

As a comparison, the 1999 wave was mostly urban, when the rural sector was still fairly large; and Umno machinery was largely intact, albeit losing some Umno Youth leaders to Anwar's side. Then, the civil service was in support of Umno. Even then, Umno suffered significant losses and was largely saved by overwhelming support of non-Malay voters.

In both the 2008 and 2013 general elections, Malays who voted for the Opposition were mostly urban voters. But today, discontents among Malays can be felt among Umno's vote banks such as civil servants, Malay women, and even FELDA settlers.

THE QUIET FRONT

How to describe the mood among Malay voters today?

I recalled during the 2008 campaign, the Sun newspaper front-paged an interview with my opponent Mr. Chia Kwang Chye, who was then the powerful Secretary-General of Gerakan, a Federal Deputy Minister, and the incumbent for three terms.

"The Quiet Front" was the headline in which Chia told the newspaper he sensed troubles, as voters and traders he met at a particular local market were very quiet and passive. I went to the same market with Lim Guan Eng around the same time with a hugely different reception: the traders carried Guan Eng on their shoulders as if he had won the election, and the entire market

welcomed us with overwhelming enthusiasm.

I also remember reading about the 1996 Australian election when, it was said, voters "were waiting for Paul Keating with their baseball bats", just to finish him off politically. Such is the mood I detect today.

Many Malays whom I came across told me that they and their friends

were just waiting for the election to teach Najib a lesson, "kita tunggu sahaja pilihan raya datang".

My view is that the sentiment against Najib in the Malay ground is beyond repair. What you see in the mainstream media, be it a newspaper or TV news, does not tell the whole story on the ground.

The challenge for Umno is how to deal with Najib, and whether the antipathy is just against Najib the person or Umno the party. Recent allegations of corruption in guardian institutions for the Malays, such as FELDA and MARA, will certainly aggravate the situation.

Take my constituency as an example. I commissioned Merdeka Centre, an independent polling firm, for polls survey in February 2013, a month before the last General Election, when I was deciding whether to contest in Kluang, and once again in August 2016.

In February 2013, the satisfaction of Malay voters in Kluang with the Federal Government was at 72%; and satisfaction of the same group with the performance of Prime Minister Najib was at 78%.

In August 2016, only 39% of Malay voters in Kluang were satisfied with the Federal Government while those who were not satisfied were at 56%. And only 42% of the same group was satisfied with Najib as Prime Minister while 50% was not.

The situation in Kluang is widespread in other similar constituencies in Johor, and elsewhere, among Malay voters. An important point to note, this was before Mahathir's Parti Pribumi Bersatu Malaysia was officially formed in September 2016.

HOW DID WE GET HERE?

The question is, how did we get here?

Najib and Barisan Nasional received only 47% of votes in the 2013 general election, but continued to rule thanks to the process of gerrymandering of constituencies, heavy use of money, and abuse of government machineries for campaign purposes, and by "planting" multi-cornered battles in Sabah and Sarawak to split votes.

Despite such abuse of power and blatant disregard for the law, of the 133 parliamentary seats Barisan Nasional won in the 13th general election, 60 were garnered with a vote share of between 40.6% (in Mas Gading in Sarawak) and 55.8% (in Johor Bahru). A further 33 seats were won with a vote share of between 56% (Batu Sapi in Sabah) and 60.9% (Parit Sulong in Johor).

I admit that not all Opposition seats are safe. Thirty-eight opposition seats were won with a vote share of between 47.4%

(Alor Setar in Kedah) and 55.8% (Pasir Mas in Kelantan), of which 5 were with less than 50% votes. A further 18 seats were won with a vote share of between 56% and 60%.

However, if there is a net swing of 10%, it means that BN would lose 93 of its 133 seats. This is not impossible in a "gelombang" or a wave of voters' swing, a scenario such as the one we witnessed in the 2008 general election.

Of course, based on the last election results, 56 of Opposition's 89 seats could also be lost, if there is a net swing of 10% to go the other way.

As I mentioned earlier, many pundits and some politicians have argued that Najib would still win, because they think the rural voters will still be with him. It's not really true. Let me explain this.

There are actually very few rural seats left in the Peninsula, if we go by the idea of rural areas as we usually imagine - that is a far-flung place, cut off from communications with the wider world. Sorry to disappoint you, but those are the images you are likely see in some nostalgic-style TV advertisements during Hari Raya, Chinese New Year or Deepavali celebrations.

The reality is this: Umno won 88 seats in the 2013 general election, of which 14 were from Sabah, and one from Labuan, which a Federal Territory seat. Of the 73 seats on the Peninsular, 30 or so are seats which are "built and designed" for Umno. The remaining 40 seats are up for grab.

Most of Umno/BN marginal seats are in the following clusters:

- Southern Kedah/Northern Perak/Mainland Penang;
- Southern Perak/Northern Selangor
- The Karak Highway Belt
- Melaka/Northern Johor
- Southern Johor

What are these seats, then? Most of these seats are semi-urban areas which have a town and surrounded by some villages with less than half an hour's drive to the towns. In these semi-urban constituencies, most of the youth and adults are working outstation, residing in larger cities in the Klang Valley, and Singapore. Often these are seats with Malay majority voters but with a sizable number of non-Malays.

In fact, according to the Statistics Department, 65% percent Malays live in urban areas, while slightly more than 70% of the national population live in urban areas.

The semi-urban areas in West Coast Peninsula are likely to determine the outcome of the election. They are far from "rural" as most observers and politicians would like to think of them. Also, the current Malay discontents are even enveloping FELDA areas which are deemed fixed deposits and rural, a stronghold for Umno.

In short, much as the Opposition is vulnerable, Najib is walking on thin ice, too.

What is 'Islamic Development' PM Najib?

By DR DZULKEFLY AHMAD

I almost most fell off my chair when reading this news report of the PM Najib Razak, urging the rakyat 'dont vote those who don't want Islam developed'. He did not quite elaborate of how to develop Islam though.

On the back of a litany of 'sins of omissions and commissions' namely kleptocracy of an unprecedented proportion in 1MDB and the SRC International, involving millions and billions of ringgit of public funds and tax-payers money, Najib's words sound hollow and stink to high heavens.

Najib has also conveniently forgotten or selectively chosen to be amnesic of the many corruption charges and abuses of funds by his lieutenants, the like Anuar Musa on MARA, Jamil Khair on YPEIM and on the perennial financial mismanagement of Isa Samad in FGV, to quote but a few.

Najib must be made to understand that he could not hoodwink the rakyat with posturing to merely help Pas or Islam, by getting the RUU355 tabled, for the third times, and yet diabolically instructed the Speaker of the Dewan Rakyat, to not allow for debate and finally for the Private Member's Bill to be voted for.

If he thinks that, that is 'developing Islam' then he is unmistakably under 'an illusion' and

a 'wishful thinking' of the highest order. The rakyat, especially the Muslim constituencies, are no longer gullibles and naive as before. Perhaps he and Umno are still oblivious of the changing reality. Perhaps Najib is in need of a little preaching since he has started to be a preacher himself now.

Let me reprimand the PM Najib and his new ally in Pas, that the utmost objective of Syariah insofar as a government is concerned, is to manage the resources of the nation responsibly, sustainably and prudently, as to achieve 'Prosperity and Distributive Justice For All'. That is categorically exemplified in the verse of Surah Hud: 61, calling for "Al-Isti'mar" or in the widest sense of "Prosperity and Well-Being" for all.

As early as in the Meccan period, Allah has outrightly denounced and cursed of those steep in the practise of fraud and injustices, driven essentially by greed and dishonesty. Allah says; "Woe unto those that deal in Fraud" in the Surah (Chapter) Al-Mutaffifeen and reminded them of the Final Reckoning on the Day of Judgement, when everyone will stand before The Lord of the Worlds.

The Malay-Muslim community particularly, must be made to understand, in very clear terms that striving for 'Islamic Development' is about 'Achieving Justice and Attaining Prosperity for All' and getting rid of corrupt

and dishonest Malay-Muslim leaders, who are responsible for the rising cost of living and withdrawal of subsidies and imposing the burdening regressive GST or consumption taxes on all rakyat.

The Malays especially must be told that these are the leaders who actually perpetuated gross income and wealth disparity, by enriching the super-rich through nepotism and crony capitalism. Hence by so doing denying an equitable development for the poor and marginalised sections of the rakyat.

It is surely not about merely increasing the limit of punishment, especially if the 'offenders' are from the lower income groups, while the political elites and their super-rich cahoots, are free to 'plunder the wealth of the nation', meant to develop the rakyat, particularly the poor, that have to rob or steal to survive or driven to social vices out of desperation and poverty.

I challenge Najib to firstly and honestly disclose and declassify the findings of the report of the Auditor General of the 1MDB investigation. Najib has committed a grave 'sin of omission' in Islam by classifying the controversial 1MDB Report under the Official Secret Act (OSA), of the unaccounted or missing RM14 billion of the plundered 1MDB fund. That is a grave sin indeed! I challenge any Mufti, worth their salt, to denounce me as going against the

'Maslahah Ammah' or 'Public Interest'.

In no way has King Salman's visit exonerated Najib's infamous RM2.6 billion in his personal AmBank Islamic account, while the RM41 million from SRC International, is needing immediate reckoning. The money trail in Najib's account is traced back to SRC Intl, of money borrowed from KWAP, the Pension Fund that has lended RM4 billion to SRC Intl, and now unaccounted for.

On the back of all these litany of alleged crimes in his record, notwithstanding other bizarre 'allegations' of murders as in Altantuya in the Scorpene case and Kevin Morris in kleptocracy of 1MDB, it makes a huge mockery and an oxymoron of sort, for Najib to slander his political oppositions as 'unislamic', just because the opponents have 'a better and more substantive ways' of 'Strengthening the Syariah Court', rather than merely upping the limit of punishments.

I have not even touch on the deepening crisis of racial disharmony and the increasing religious conflict. That is anathema to and at loggerhead with 'Islam as Mercy Unto All'. So what are we talking about 'Islamic Development', Mr PM?!

I rest my case.

■ **Dr Zulkefly Ahmad is the Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

FROM PAGE 28

Black Swans in Malaysian politics

REGIME" S STRATEGIES

What are Najib's strategies to survive?

It is not that Najib doesn't understand the precarious position he is in. I supposed he has resigned to the fact that Umno would not be able to win an outright mandate in the coming election. Hence, he had been trying to break up the Opposition, as soon as the 2013 general election concluded.

There were even attempts by Indonesian Vice President Yusof Kalla to broker deals between Najib and Anwar Ibrahim, between June and August 2013 which Anwar rejected.

And, since then, Najib's strategies included:

- Putting Anwar Ibrahim behind bars, hence depriving the Opposition its Prime Ministerial candidate and unifying figure;

- Luring Pas into forming a de facto alliance with Umno on the pretext of promoting hudud legislations; and

- Portraying the Opposition as a DAP/Chinese dominated alliance.

However, in his grand scheme to win by default, Najib did not anticipate that:

- The Opposition survives despite Anwar's imprisonment;

- A sizable number of Pas leaders had formed Parti Amanah Negara in September 2015 to continue

the struggle, and many in Pas still disagree with their top leaders' collusion with Umno; and

- Umno would split in 2016, and Parti Pribumi Bersatu Malaysia would be formed to join Pakatan Harapan.

Broadly, even without Najib at helm, Umno is weaker than in the 2013 election for the following reasons:

First, since independence till the 2004 general election, Umno ruled through an extended coalition of Alliance/BN, and governed with a substantial support from the non-Malays. But the comfort of buffers formed by BN component parties in Peninsula eclipsed since Umno made a right turn becoming more visible in its claim of Malay supremacy in July 2005 with Hishammuddin waving the kris at Umno General Assembly, which caused massive defeats of MCA, MIC and Gerakan in both the 2008 and 2013 general elections. Umno dug further in since 2008 to push the racial line in the hope to expand Malay support but achieved very little.

Second, as Umno is incapable of expanding its support base since 2013, collaborating with Pas becomes an attractive option. Umno hopes that by colluding with Pas to divide the society into a battle be-

tween Muslims and non-Muslims, the Umno-Pas de facto alliance would win enough seats between them to form the next government. However, as an unintended consequence, such a move further alienates non-Malay voters in the Peninsula, as well as majority of voters in Sabah and Sarawak.

Third, while Najib the man managed to command more support among Malay voters compared to Umno the party in the 2013 election, the situation has changed. Najib is now a burden to Umno due to the 1MDB mega scandal, and unpopular economic policies such as GST, fuel hike and cuts to basic amenities like health and education. Angry Umno leaders and members have formed Bersatu and this new Malay party is making inroads to areas previously inaccessible to the Opposition.

In short, Umno under Najib is on a narrowing path with a much smaller base than ever. If Najib is still perceived as strong, it is because the Opposition is seen as weak and disunited. Najib is not strong on his own merits but only survives in a vacuum.

WHAT" S AHEAD?

The known knowns are that Najib is not popular, and there are serious discontents among

the Malays.

But there are certainly challenges for the Opposition to overcome in order to precipitate change.

First, while there are serious discontents among the Malays, the Opposition must stand for something inspiring and visionary, and not depends solely on the anger against Najib as forward strategy. The Opposition must stand for more than just removing Najib. The economy and the well-being of the people should be the number one priority.

Second, the coming together of Bersatu and the Pakatan Harapan parties, namely Parti KeADILan Rakyat, Parti Amanah Negara, and Democratic Action Party, is a reconciliation of unlikely former foes. Who would imagine Dr. Mahathir and Anwar Ibrahim forming an alliance nearly 20 years after their very bitter fallout in 1998. But the coming together of the once political father-and-son can unleash huge energy if handled properly. After all, both Mahathir and Anwar are positive leadership figures compared to Najib, and they each appeal to some segments of the Malay electorate.

Third, to present a common agenda for Mahathir's audience and DAP's supporters is another challenge. If Mahathir and Bersatu

go on a racial campaign, it will depress the support of non-Malay voters, which in turn creates a lose-lose situation for the entire Pakatan Harapan coalition. Likewise, the regime's attack on Mahathir and Bersatu is that they are associated with the DAP. The presence of DAP can also depress the support for Bersatu and other Malay-based parties like PKR and Amanah if the Opposition is unable to break out of Umno's racial playbook, and articulate new narratives that can bridge all groups in a larger vision.

Fourth, Pas as Umno's 'new friend', as Zahid Hamidi calls them, is a reality, and the sooner a clear line is drawn between the genuine/official Opposition, Pakatan Harapan, and the pseudo 'third force' of Pas, the better it is to condition the voters to vote along the line of those 'for Najib', and those 'against Najib'.

Fifth, the ultimate challenge for the newly re-aligned Pakatan Harapan that included Bersatu, is that Najib could just exit the scene and take out the *raison d'être* of the Opposition and the anger in the community.

If this is to happen, can the Opposition survive this unlikely but not impossible Black Swan?

Pemimpin Indonesia harap AMANAH satupadukan rakyat

JAKARTA: Parti Amanah Negara (AMANAH) perlu menjadi sebuah parti politik utama untuk rakyat Malaysia dalam menghadapi politik negara dan dunia yang semakin mencabar.

Ketua Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia, Dr. Zulkifli Hasan berkata, AMANAH sebagai sebuah parti baharu perlu memainkan peranan dalam menyatupadukan rakyat dan bangsa di Malaysia.

"Perbanyakkan penubuhan cawangan dan tarik seramai mungkin ahli. Semoga AMANAH terus pesat berkembang dan berperanan kepada masyarakat di Malaysia," katanya.

Harapan itu dizahirkan beliau ketika men-

erima kunjungan Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir ke pejabat beliau di bangunan Dewan Perwakilan Rakyat negara itu minggu lalu.

Turut serta pada kunjungan itu Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus.

Pada pertemuan hampir sejam itu, Mohd Anuar mengambil peluang memperkenalkan perjuangan AMANAH sebagai sebuah parti Islam baru yang kini bersama dengan rakan-rakan parti pembangkang lain dalam Pakatan Harapan untuk membuat perubahan di negara ini.

Selain itu, perbincangan juga tertumpu



Bertemu dengan Ketua Pasukan Rumah Pememenangan Anies-Sandi, Muhammad Taufek dan diberi penerangan berhubung kempen.

Setiausaha Agung diberi taklimat tentang operasi dan status semasa kekaduan Anies-Sandi.

KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA	KOTA BANGSA
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
91	92	93	94	95	96	97	98	99	100



Mohd Anuar diberi penghormatan menyampaikan ucapan di hadapan jentera pememenangan Anies-Sandi.

kepada isu politik semasa di samping masing-masing mengharapkan jalinan bangsa serumpun antara Malaysia dan Indonesia terus erat terjalin.

Kunjungan AMANAH ke Parlimen republik itu juga turut bertemu dengan Ketua Whip Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Dr Jazuli Juwaini.

Pada pertemuan itu, Jazuli turut berpandangan sama bahawa AMANAH perlu menjadi pemain politik utama di Malaysia bagi membawa perubahan kepada rakyat di negara ini.

Beliau yang sudah sedia maklum dengan latar belakang sejarah penubuhan AMANAH mengakui kagum dengan

kekuatan kepimpinan parti yang ada pada hari ini.

Jazuli berkata, beliau mengenali sebahagian tokoh-tokoh pemimpin dalam AMANAH dan yakin bahawa parti ini mempunyai masa hadapan yang cerah.

Beliau juga mahu jalinan erat antara PKS dan AMANAH dapat diteruskan untuk masa-masa akan datang.

Sementara itu, kunjungan Setiausaha Agung AMANAH ke Indonesia juga bagi meninjau suasana Pilihan Raya Ketua Daerah bagi memilih Gabenor dan Wakil Gabenor Jakarta untuk pusingan kedua.

Pilihan raya yang berlangsung pada 19 April lalu menyaksikan pertembun-



Mengambil gambar 'selfie' bersama jentera kemenangan Anie-Sandi sebagai kenang-kenangan.



Ditemubual oleh wartawan media Indonesia



Bergambar bersama wartawan sambil memegang akhbar Amanah Malaysia dan Amanah Indonesia.



Bertemu dan mengadakan perbincangan dengan wakil Partai Persatuan Pembangunan (PPP) Jakarta Pusat.

gan antara pasangan Basuki Tjahaja Purnama atau Ahok dan Djarot Saiful Hidayat (Ahok-Djarot) dengan gandingan Anies Baswedan dan Sandiaga Uno (Anies-Sandi).

AMANAH turut berkesempatan dibawa meninjau ke Rumah Pemenangan atau bilik gerakan kedua-dua kumpulan bertanding bagi merasai sendiri kehangatan kemenangan yang berlangsung

Kes Selangor untuk Johor

KETIKA Azam Mektar singgah di rumah saya, sehari sebelum hari raya Aidiladha, 2016, saya sedang bercuti sakit yang panjang. Masih tidak dapat menulis dan sukar untuk membaca disebabkan masalah penglihatan serta kerap letih-lesu ekoran proses hemodialisis.

Kami terputus hubungan hampir 15 tahun. Waktu awal mengenalinya, Azam, 21, mahasiswa UiTM Shah Alam dan saya rancak menguruskan penerbitan bebas, termasuk siri tabloid tidak berkala, di Medan Idaman, Gombak, selepas dua majalah, Detik dan Wasilah, diharamkan KDN. Dia banyak bercerita kisah gerakan pelajar UiTM yang ditekan teruk pentadbiran, khususnya naib canselor. Umum mengetahui situasi kampus di Shah Alam dan cawangannya di seluruh negara umpama sekolah menengah, yang serba terkongkong.

Sebulan lalu, petang Isnin, 20 Mac, Azam sekali lagi menziarahi saya sambil membawa undangan ke majlis makan malam solidariti Mazlan Aliman di Yong Peng, anjuran Pemuda AMANAH Johor. walaupun memberi persetujuan, saya sekadar "bermanis muka" untuk tidak mahu menghampakan Azam. Selama dua tahun, atau lebih tepat 26 bulan, saya terpepek di rumah dan tidak pernah menghadiri sebarang program politik.

Saya mula "belajar" menulis semula pada Januari 2017 apabila khidmat saya tamat sepenuhnya dengan Harakah. Selain menyinggung isu-isu terkini, saya berhasrat untuk turun ke negeri-negeri, merasai sendiri debar dan getar di peringkat akar umbi. Sekurang-kurangnya empat negeri menjadi tumpuan dan menarik minat saya. Johor, Kedah, Perak dan Kelantan. Saya telahpun menyiapkan analisis ringkas tiga negeri tersebut, kecuali Kelantan; sekadar pemerhatian dari jauh berdasarkan pandangan tokoh-tokoh tertentu, termasuk aktivis di lapangan, yang saya kenal.

Johor lebih menggigit perhatian saya. Ada cabaran istimewa di sana. Ia dianggap kubu atau tiang seri Umno. Tumbang Johor memberi impak besar kepada maruah Umno dan membuka laluan ke Putrajaya. Di situ juga ramai teman-teman lama dalam Pas dahulu dan mereka nampak berkebolehan-ikhlas untuk memacu perubahan. AMANAH Johor juga, biarpun parti baru, menunjukkan potensi luarbiasa bagi melakar sejarah. Ditambah isu-isu kritikal rakyat yang mereka juarai bersama rakan-rakan dalam Pakatan Harapan.

Kedua, faktor Mazlan Aliman sendiri, seorang sahabat yang sentiasa bertanya khabar kesihatan saya. Beliau merupakan pejuang rakyat yang cukup gigih, dedikasi dengan tugas yang diamanahkan dan boleh diteladani usaha kerasnya membawa mesej perjuangan ke wilayah sukar, penempatan Felda. Sekurang-kurangnya dapat juga dicatatkan dalam diari, program pertama mendorong saya keluar dari "gua persembunyian" adalah majlis meraiikan kenalan yang teraniaya, di negeri penuh gugatan



Ahmad Lutfi Othman

buat oposisi.

Dan tentunya, faktor Azam Mektar -- sahabat yang menyimpan memori bersama mendedahkan salah laku dan kes korupsi bekas menteri besar Selangor sekitar 2001 -- juga

menarik saya turun ke selatan tanahair, 14 April. Azam rupanya bertugas di Tanjung Piai, sejak 2007 dan kerap balik Shah Alam, menziarahi keluarganya.

Tanggal 23 Oktober 2001, Azam mengiringi saya membuat laporan ke Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (sekarang SPRM) di Putrajaya. Hampir 20 kes saya kemukakan untuk siasatan lanjut. Malah, beliau secara solo, jam 3 petang, 11 Oktober, membuat laporan polis di Balai Polis Sabak Bernam, merujuk projek pembinaan jalan merentasi bendang di Sungai Panjang, dari Sekinchan ke Sungai Haji Dorani, yang menelan kos begitu besar dan disyaki ada elemen rasuah.

Selepas lebih 15 tahun, dia mengatur jadual saya di Johor. Pagi Sabtu, di sebuah restoran mamak, Taman Universiti, Skudai, bertemu santai dengan



Azam (bertopi) bersama rombongan Ahmad Lutfi di Ibu Pejabat BPR, Putrajaya, 23 Oktober 2001.



Azam dan Ahmad Lutfi di Yong Peng, 14 April 2017.

Salahuddin Ayub, Timbalan Presiden AMANAH, dan boleh dianggap sebagai penasihat AMANAH negeri (umpama Datuk Husam Musa di Kelantan), juga mengutip isu-isu besar Johor dari Dzulkefly Ahmad, Timbalan Pengerusi AMANAH dan Onn Jaafar, Pengarah Komunikasi. Di sebelah petangnya, selepas makan tengahari asam pedam claypot, kami melanjutkan bicara bersama Pengerusi Aminolhuda Hassan dan Suhaizan Kayat, ketua Team Media, di pejabat AMANAH Gelang Patah.

Saya perhatikan rakan-rakan pimpinan AMANAH Johor bukan saja memberi perhatian besar kepada media, malah begitu arif tentang budaya kerja bilik berita. Mereka faham bagaimana editor memilih sesuatu berita dan apa yang menjadi tumpuan khalayak.

"Jika kenyataan media kita tidak disiarkan akhbar atau portal berita, kita akan mencari punca dan memperbaikinya," kata Dzulkefly, yang juga teman saya di zaman kampus UTM, pertengahan 1980-an.

"Kami mahu belajar pengalaman Bang Lutfi membongkar rasuah MB Selangor dulu, dan mempraktikkannya untuk kes Johor sekarang," pinta Azam penuh semangat. "Zaman sudah berubah, tapi paling penting sebagai orang media, bina kepercayaan umum kepada kita, nanti akan ada sumber yang salurkan info dan dedahkan kes eksklusif. Tapi, jangan ambil mudah aspek persembahan, gaya bahasa dan elakkan kesilapan kecil yang boleh jejas keyakinan orang," saya memberi nasihat sebagai wartawan pencek.

Dalam perjalanan balik ke Ampang, meredah hujan lebat, saya bertekad untuk turun lagi ke Johor, merakam babak-babak menarik menjelang PRU14 sambil mengharapkan Azam dan rakan-rakan Team Media di bawah Suhaizan memanfaatkan potensi. Ya, peluang tidak selalu melintas; tangkap sebelum jatuh!



Amanah

BIL 48 | 23 - 29 APRIL 2017

SEKALI KOMUNIS, TETAP KOMUNIS

VETERAN tentera yang pernah berjuang menentang penganas komunis di Malaysia meminta kerajaan berhati-hati menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara China yang berideologi komunis itu kerana 'kalau komunis, dia tetap komunis'.

"Jika kita tidak berhati-hati menjalinkan perdagangan dengan cara yang betul dengan negara PRC (Republik Rakyat China), tidak mustahil akan berlaku penjajahan semula komunis di negara ini," kata Brigadier Jeneral (B) Datuk Mohd Arshad Raji dalam siri kedua wawancaranya dengan akhbar Amanah.



Mahasiswa sertai himpunan Hari Pekerja

DIHANTUI oleh ramainya graduan yang mengangur kerana tidak mempunyai peluang pekerjaan, mahasiswa akan menyertai himpunan Hari Pekerja 1 Mei ini.

Pemimpin mereka, Anis Shafiqah Mohd Yusof berkata, mereka akan menyertai himpunan tahun ini kerana prihatin dengan nasib pekerja di negara ini.

"Ramai kakitangan universiti kami ditamatkan perkhidmatan khasnya yang berstatus kontrak apabila kerajaan memotong bajet untuk universiti," kata Anis Shafiqah dalam sidang media bersama penganjur himpunan Hari Pekerja 19 April lepas.

Shafiqah, pemimpin pelajar Universiti Malaya itu berkata,

mahasiswa terpenggil untuk menyertai himpunan ini kerana prihatin dengan nasib pekerja dan mahasiswa adalah bakal pekerja.

Menurut menganjur perhimpunan ini, mereka akan mengadakan perarakan dari Stesen Keretapi berhampiran Masjid Negara mulai jam 10 pagi menuju ke Bukit Bintang.

➔ **Laporan penuh muka 8**



Mohd Arshad menyambut Menteri Pertahanan, Tan Sri Syed Hamid Albar ketika beliau melawat markas medan tentera darat.
Gambar fail MOHD ARSHAD

BUKU TERBARU KOMBO BUKU NUNJI TEMPAH SEKARANG!

01132334322
UNTUK URUSAN PEMBELIAN

HANYA RM65

